

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Khamis, 9 Mac 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan jumlah premis perniagaan (bazar, gerai, arked dan kompleks) serta lot-lot tempat niaga yang dimiliki oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) di seluruh negara, pecahan mengikut negeri. Adakah MARA mempunyai rancangan untuk menjual premis kepada peniaga-peniaga bumiputera.

Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan setakat 31 Disember 1999 MARA mempunyai sebanyak 273 buah bangunan perniagaan dan kawasan industri yang mengandungi sebanyak 4,427 lot ruang niaga dan industri untuk disewakan kepada usahawan bumiputera. Secara terperinci, jumlah bangunan perniagaan dan kawasan industri mengikut negeri dan jenisnya adalah seperti berikut:

Negeri	Arked	Bazar	Rumah Kedai	Gerai/ Pasar	Kawasan Industri	Kompleks	Jumlah
Johor	368	70	50	–	–	–	493
Kedah	143	98	77	–	39	285	642
Kelantan	104	42	68	–	27	56	297
Melaka	38	93	64	–	–	55	250
N. Sembilan	143	128	58	–	20	–	349
Pulau Pinang	29	34	39	5	71	52	230
Pahang	168	69	20	–	29	38	324
Perak	256	152	33	–	24	17	482
Perlis	–	37	28	–	15	43	123
Sabah	79	–	6	–	–	74	159
Sarawak	78	7	36	4	22	16	163
Selangor	112	51	26	–	19	20	228
W.Persekutuan	42	–	–	15	86	171	314
Terengganu	134	92	44	60	43	–	373
						Jumlah:	4,427

Setakat ini MARA belum ada rancangan untuk menjual lot-lot ruang niaga dan industri kepada usahawan bumiputera.

Tuan Richard Riot anak Jaem: Soalan tambahan. Di bangunan MARA di kawasan saya iaitu Serian beberapa ruang perniagaan yang sepatutnya disewakan kepada peniaga-peniaga bumiputera yang benar-benar mahu berniaga telah disewakan kepada jabatan-jabatan kerajaan sebagai pejabat mereka. Jadi, soalan tambahan saya, memandangkan langkah ini menjejaskan peluang kaum bumiputera untuk mendapatkan ruang perniagaan, apakah tindakan atau langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, selalunya di peringkat awal ada permintaan daripada kawasan-kawasan tertentu untuk diwujudkan kompleks-kompleks ataupun rumah kedai diusahakan oleh MARA. Tetapi apabila semua lot ini disiapkan, ia tidak ada permintaan daripada orang yang mahu berniaga. Maka oleh kerana itu kita mengizinkan agensi-agensi kerajaan untuk menyewa lot ini dengan harapan juga bukan sahaja untuk kita mengisikan lot yang tidak dipenuhi, tetapi juga dengan adanya pejabat-pejabat kerajaan ini sudah tentu ia akan menarik pelanggan-pelanggan untuk melanggan di kawasan bagi lot-lot yang disewakan oleh usahawan tempatan. Jadi, sebab itu kalau di kawasan Yang Berhormat, Yang Berhormat lihat bahawa ada lot-lot ini yang disewa oleh jabatan kerajaan. Namun, kalau sekiranya selepas ini ada permintaan saya harap Yang Berhormat boleh menghubungi Pengarah MARA Negeri Sarawak untuk kita menyelesaikan masalah ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih di atas usaha-usaha kerajaan di mana penyediaan premis-premis perniagaan ini memberi peluang kepada usahawan-usahawan bumiputera untuk terlibat dalam bidang ekonomi dan juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Tetapi kita melihat mereka yang berniaga di Arked ini kita nampak tidak ada perubahan setengah-setengahnya. Walaupun nampaknya perniagaannya berdaya maju tetapi mereka terus berada di tempat yang sama walaupun sekarang ini ada perubahan-perubahan berlaku di mana pembangunan bandar telah berubah kepada tempat yang baru tetapi mereka masih lagi berada di tempat yang lama. Adakah pihak kementerian ada bercadang untuk mengadakan program pembelian kedai

di mana mereka ini boleh memajukan perniagaan mereka di premis-premis perniagaan yang baru yang berdaya maju dan juga tempat-tempat di mana mereka berniaga mungkin boleh diberi peluang kepada usahawan-usahawan lain yang baru hendak memulakan perniagaan.

Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ruang-ruang perniagaan yang disediakan oleh MARA itu adalah hendak dijadikan sebagai inkubator sahaja iaitu di peringkat permulaannya. Namun, kadangkala ada kes-kes tertentu yang mana kita lihat bahawa seorang usahawan itu duduk di situ lebih daripada lima ataupun enam tahun, ini ialah kerana kemungkinan yang tidak ada permintaan daripada usahawan-usahawan lain untuk mendapatkan tempat itu. Jadi, kalau sekiranya ada maka kita sudah tentu memberi masa kepada mereka yang berniaga di situ dalam masa satu atau dua tahun untuk meninggalkan premis supaya tempat itu diberikan kepada orang lain pula.

Berkenaan dengan soalan kedua Yang Berhormat tanya tadi iaitu bahawa adakah kita menyediakan – MARA menyediakan satu skim di mana yang kita membantu usahawan-usahawan bumiputera untuk membeli premis-premis ini, jawapannya tidak.

2. **Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah peruntukan yang disediakan bagi HAWA untuk mendidik wanita dalam bidang teknologi maklumat dan adakah HAWA ada menjalankan kursus untuk tujuan tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, menyedari pentingnya wanita menguasai teknologi maklumat, kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Wanita telah meluluskan peruntukan sebanyak RM395 ribu pada tahun 1999 untuk melaksanakan kursus teknologi maklumat dengan tumpuan khas kepada ibu tunggal dan anak-anak mereka. Bagi tahun ini dijangkakan sejumlah yang sama akan diperuntukkan supaya manfaat dapat dinikmati oleh seberapa wanita yang boleh kerana dengan adanya ilmu teknologi maklumat ini bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran seseorang itu tetapi lebih-lebih lagi untuk tujuan mengawasi anak-anak mereka supaya tidak menyalahgunakan kemudahan ini.

Kursus-kursus ini dijalankan oleh institusi-institusi latihan swasta seperti Taman Teknologi Malaysia dan FELDA Prodata dengan kerjasama HAWA. Selain daripada

HAWA penyelarasan bagi kursus ini dibuat oleh Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita di peringkat negeri-negeri untuk memastikan wanita di peringkat akar umbi sama-sama dapat manfaat daripada projek ini.

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Timbalan Menteri kerana telah berjaya mengatur rancangan dan tindakan dalam usaha untuk membangunkan lebih ramai wanita dalam bidang teknologi maklumat. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebanyakan program yang dilaksanakan oleh HAWA selalunya melibatkan wanita yang berada dalam pertubuhan baik di bandar mahupun di luar bandar dan tidak diketahui sama ada gadis-gadis kilang, ibu-ibu tunggal yang tidak berdaftar dengan mana-mana pertubuhan menjadi kumpulan sasar HAWA. Soalan saya ialah adakah HAWA bersedia mendampingi golongan wanita dalam golongan ini sama ada dengan program IT dan program pembangunan insan. Jika bersedia, apakah langkah-langkah dan pendekatan yang akan diambil untuk melibatkan mereka kerana terdapat majikan atau syarikat-syarikat tertentu tidak berapa berminat atau menggalak serta mengizinkan sebarang perjumpaan diatur walaupun di waktu pejabat atau di luar pejabat kerana kepentingan keuntungan melebihi kepentingan pembangunan insan itu sendiri. Terima kasih.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan di sini bahawa memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Kita dapati bahawa walaupun banyak program yang dijalankan oleh HAWA melalui 87 persatuan-persatuan wanita yang digabungkan dengan HWO tidak dapat sambutan yang baik terutamanya daripada wanita-wanita yang bekerja di sektor kilang. Ini adalah kerana di antara lain mereka tidak dapat masa diluangkan untuk program-program wanita. Walau bagaimanapun, HAWA telah pun mengambil maklum tentang fenomena ini dan saya sendiri akan turun berjumpa dengan faktori-faktori dan majikan-majikan yang besar di mana pekerja-pekerjanya yang terdiri daripada wanita dan kita akan memulakan rundingan supaya wanita-wanita ini dapat manfaat daripada program-program kerajaan.

Saya faham bahawa bukan hanya program-program wanita yang mendapat halangan tetapi saya masih ingat semasa di Kementerian Belia dan Sukan dahulu program-program belia pun tidak dapat dimajukan di sektor perkilangan untuk wanita

kerana majikan mereka kurang minat untuk memberi masa yang luang kepada majikan. Tetapi insya-Allah, melalui 87 persatuan-persatuan wanita ini kita akan memasyarakatkan program wanita khususnya kepada wanita-wanita yang bekerja di kilang.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Faham belaka menyatakan sokongan kami kepada kaum HAWA dan wanita selaras dengan sambutan Hari Wanita Sedunia semalam. Ingin saya meminta penjelasan, jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada 22 juta lebih penduduk Malaysia 48% adalah wanita. Sedangkan peruntukan yang dibacakan tadi kerajaan memperuntukkan RM395,000 sahaja untuk program kursus teknologi maklumat kepada wanita dalam tahun 2000. Agak-agak RM395,000 itu berapa orang yang mendapat manfaat? Terima kasih.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat tidak memahami jawapan saya tadi. Yang saya katakan RM395,000 itu adalah mengikut program melalui HAWA tetapi kita juga menjalankan program-program mengikut HAWA peringkat negeri. Itu adalah mengikut peruntukan yang disalurkan melalui Jabatan HAWA negeri. Walau bagaimanapun, saya bersetuju bahawa angka RM395,000 ini bagi saya tidak mencukupi, dan insya-Allah, kita akan menyemarakkan lagi program teknologi maklumat ini melalui peruntukan yang diberi kepada NGO-NGO iaitu sebanyak RM20 juta yang telah pun diperuntukkan kepada NGO-NGO. Kita akan memastikan bahawa semua program yang dijalankan ada elemen teknologi maklumat ini. Saya mintalah kalau boleh kepada semua Ahli Yang Berhormat yang ada di sini supaya membantu HAWA untuk menurunkan program-program. Dan saya mintalah kepada semua parti politik memberi peluang kepada wanita supaya tidak ada double standard yang dipraktiskanlah untuk wanita. Berilah peluang yang sepenuh-penuhnya untuk wanita terutama kepada mereka yang menjadi ahli-ahli parti pembangkang. Walaupun Tuan Yang di-Pertua, mereka menjadi ahli parti pembangkang, saya sebagai seorang wanita saya rasa kasihan kepada mereka jika mereka tidak diberi peluang langsung. Terima kasih.

3. **Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]** Minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kementerian bercadang untuk mengecualikan pencetak-pencetak daripada liabiliti jenayah atas kandungan penerbitan mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang diketengahkan oleh Yang Berhormat bagi Jelutong itu, buat masa kini Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk mengecualikan pencetak-pencetak daripada liabiliti jenayah atas kandungan penerbitan yang mereka cetak. Pencetak-pencetak hendaklah juga bertanggungjawab ke atas apa-apa bahan penerbitan yang mereka cetak kerana mereka juga mempunyai tanggungjawab sosial terhadap masyarakat majmuk di negara kita ini.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebanyakan pencetak adalah diusahakan sebagai industri kecil dan mereka tidak mampu memperolehi nasihat undang-undang berkaitan dengan bahan yang dicetak mereka. Oleh itu, soalan tambahan saya ialah apakah cadangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menolong pencetak-pencetak supaya mereka dapat mengelakkan liability jenayah atas kandungan penerbitan mereka.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang diketengahkan tadi, kerajaan akan memberi segala pertimbangan kepada pencetak-pencetak yang kecil supaya mereka dapat bersama-sama membantu dalam hal untuk mencetak bahan-bahan mereka. Nasihat-nasihat dari masa ke semasa akan diberikan dan pandangan-pandangan juga akan diberikan untuk sama-sama supaya tidak melanggar syarat-syarat yang telah diberikan kepada pencetak-pencetak ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat sebentar tadi. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa media massa memainkan peranan yang penting dalam membina pemikiran rakyat, krisis nilai, krisis kepercayaan akan meruntuhkan sesuatu bangsa dan keruntuhan sesuatu bangsa dan sesuatu negara itu akan ditanggung oleh semua rakyat, tidakkah perkara ini penting bagi masa depan negara dan Yang Berhormat tadi menjawab bahawa kerajaan tidak akan bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan kepada media cetak yang mungkin menimbulkan krisis nilai yang boleh meruntuhkan

negara. Jadi, apa pendapat Yang Berhormat dalam perkara ini? Bagi saya media cetak dan juga media massa adalah penting untuk membina pemikiran rakyat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Arau tadi, kita memang tahu dan juga faham bahawa media massa juga adalah memainkan peranan yang penting untuk membangunkan negara kita, masyarakat kita dan lain-lain usaha yang kita akan buat untuk memajukan negara kita. Saya tidak menyatakan, kita tidak bercadang untuk mengecualikan pencetak-pencetak yang besar daripada liabiliti tetapi yang ditimbulkan oleh Jelutong tadi ialah pencetak-pencetak yang kecil, yang mana bantuan, pandangan dan juga nasihat perlu kita beri daripada masa ke semasa untuk sama-sama memberikan peluang pada mereka ini untuk cuba memajukan pencetakan yang kecil dan juga memberikan bahan-bahan untuk disampaikan kepada orang ramai dengan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Terima kasih.

4. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan akan mengisytiharkan dividen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang lebih tinggi kepada para pencarum memandangkan ekonomi yang dikatakan semakin pulih.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, asas pengiraan kadar dividen KWSP bagi sesuatu tahun ialah peratusan pendapatan bersih bagi tahun berkenaan ke atas jumlah caruman yang terkumpulnya. Kesemua pendapatan bersih hendaklah diisytiharkan sebagai dividen. Ini bermakna kadar dividen yang diisytiharkan menggambarkan prestasi sebenar KWSP. Bagi tahun 1999 kadar dividen yang akan diisytiharkan dijangka lebih tinggi sedikit berbanding dengan kadar tahun 1998 selaras dengan peningkatan pendapatan bersih KWSP berikutan suasana ekonomi negara yang semakin baik.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kekurangan keuntungan ini adakah berlaku kerana KWSP melabur di tempat-tempat yang lambat mendapat untung seperti RM1 bilion dilaburkan untuk pembinaan KLIA dan sudah tentu projek ini agak lambat untuk mendapat untung. Pekerja boleh terima, misalnya projek lambat dapat

untung tetapi faedah kepada pekerja seperti labur dalam membuat rumah seperti di Singapura, CPF. Apakah kerajaan tidak bercadang untuk memperuntukkan tabung besar-besaran untuk membina rumah para pekerja, keuntungannya ada tetapi wang pekerja digunakan untuk melabur tempat-tempat yang tidak dapat faedah terbanyak kepada para pekerja.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, semua pelaburan yang dilakukan oleh pihak KWSP adalah berdasarkan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh panel pelaburan yang dipengerusikan oleh Pengerusi KWSP sendiri dan dianggotai oleh wakil daripada Bank Negara Malaysia, Perbendaharaan dan juga 3 orang profesional yang dilantik untuk menyertai panel tersebut. Semua pelaburan ini adalah dibuat setelah kajian pasaran dijalankan dan berasaskan fundamental serta potensi pulangan dalam jangka panjang kerana kita mesti mempertahankan kepentingan pencarum ataupun ahli-ahli KWSP ini supaya sebelum sesuatu pelaburan dibuat, pelaburan ini mesti kita berpuas hati bahawa pelaburan ini adalah berisiko rendah dan mendatangkan pulangan dalam jangka panjang.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Memandangkan pencarum begitu ramai dan wang caruman begitu banyak yang diterima oleh KWSP setiap tahun, selain daripada cadangan yang telah dibagi dividen atau pinjaman perumahan kepada ahli-ahlinya maka saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh huraikan, apa lagi faedah-faedah lain boleh memberi faedah kepada ahli-ahlinya supaya untuk menghapuskan sangka yang tidak berapa sihat yang telah berlaku yang sentiasa dibawakan oleh parti pembangkang.

Dato' Chan Kong Choy: Mengeluarkan sangkaan jahat dan sebagainya, ini memang merupakan kerja pihak pembangkang, kita akan ketepikan sahaja tetapi apa jua saranan dan cadangan yang membina khususnya dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional kita akan memberikan pertimbangan yang serius. Selain daripada pemberian dividen kepada pencarum setiap tahun, kita memang telah mengadakan banyak program untuk memberikan manfaat kepada ahli-ahli KWSP sepertimana memberikan pinjaman untuk membeli rumah, memberikan pinjaman untuk melanjutkan pendidikan di peringkat tertiary, dengan izin, baru-baru ini kita juga telah mengambil keputusan untuk memberikan pinjaman untuk membeli komputer, memberikan

pengeluaran untuk fungsi perubatan dan selain dari itu pihak KWSP juga telah mewujudkan satu skim pelaburan simpanan ahli KWSP di mana mereka yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak KWSP ini boleh menyertai skim pelaburan simpanan yang akan mendatangkan faedah yang baik kepada ahli-ahli yang berkenaan. Terima kasih.

[Soalan No. 5 - Y.B. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) tidak hadir]-

6. **Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah persatuan belia yang dibatalkan pendaftarannya di seluruh negara daripada tahun 1996 hingga 1999.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Tebrau, pertubuhan belia yang dibatalkan di seluruh negara dari tahun 1996 hingga 1999 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Terbatal
1996	177
1997	142
1998	180
1999	223

Sebanyak 65% daripada jumlah yang dikenakan tindakan pembatalan adalah kerana kegagalan pihak pertubuhan belia terbabit menghantar penyata tahunan dan sebab-sebab lain adalah atas alasan pertubuhan yang tidak wujud lagi ataupun permohonan pembubaran. Terima kasih

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, belia merupakan golongan yang amat penting dalam menentukan kepimpinan masa akan datang dan juga memastikan belia adalah golongan yang mesti diberi perhatian terhindar daripada kegiatan yang boleh merosakkan akhlak dan peribadi. Adakah kerajaan mengkaji sebab-sebab utama kelemahan yang boleh membatalkan pertubuhan ini dan juga sama ada kerajaan mencari jalan untuk

mendaftarkan semula dan seterusnya memberikan satu peruntukan kerana masalah kewangan juga adalah penting dalam menggerakkan belia-belia.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, patutnya soalan ini, Kementerian Belia patut jawab tetapi walau bagaimana, soalan ini telah dituju kepada Kementerian Dalam Negeri, saya jawab iaitu Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dari masa ke semasa akan mengadakan ceramah-ceramah dan taklimat-taklimat kepada pentadbir pertubuhan yang berdaftar termasuk persatuan belia mengenai pentadbiran pertubuhan yang berkualiti. Walau bagaimanapun, pentadbiran pertubuhan yang berkualiti bergantung kepada kebolehan ahli-ahli jawatankuasa pertubuhan berkenaan. Sebelum sesuatu tindakan pembatalan diambil setiap pertubuhan telah diberi masa dan juga peluang yang cukup untuk membetulkan kelemahan-kelemahan mereka melalui teguran-teguran yang diberikan.

Untuk menyambut soalan yang berikut itu tadi, setiap pertubuhan yang dibatalkan akan diberi peluang untuk mengemukakan rayuan kepada Menteri dalam masa 30 hari dibawah seksyen 18 Akta Pertubuhan 1966, Menteri akan memberi pertimbangan sewajarnya pada semua rayuan yang akan dikemukakan kelak. Pertubuhan-pertubuhan belia yang memberi alasan yang munasabah akan diberi kelulusan untuk didaftarkan semula dan bergerak seperti sebelumnya. Saya juga faham bahawa belia adalah golongan manusia yang sungguh penting kepada kita untuk menjamin masa depan negara kita. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tebrau, terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kita tahu masalah-masalah yang dihadapi oleh persatuan-persatuan belia terutamanya mengadakan mesyuarat agong dan borang 9 yang terpaksa diserahkan kepada Pendaftar Pertubuhan, jadi sama ada Kementerian Dalam Negeri bersetuju, kalau badan-badan belia ini diletakkan di bawah Kementerian Belia sebagaimana badan-badan sukan yang lain untuk memudahkan lagi pengurusan dan pentadbiran badan-badan belia yang pada hari ini ibarat *'hidup segan, mati tidak mahu.'* Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat bagi Larut, - ini terpulanglah kepada Kementerian Belia sebab pada masa kini, Rakan Muda pun telah dimasukkan di bawah perkiraan Kementerian

Belia dan Sukan. Jadi, oleh itu eloklah perkara-perkara ini akan diberikan pertimbangan pada masa akan datang.

7. **Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan membuat penjelasan mengenai saranan '*back to basics*' yang dibuat oleh beliau baru-baru ini. Penjelasan itu adakah merangkumi maksud, intipati dan halatuju serta implikasi saranan '*back to basics*' itu kepada matlamat utama Falsafah Pendidikan Negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Parit Buntar, terima kasih kepada soalan itu. Bagi kita bahawa '*back to basics*', dengan izin, memberi penekanan bahawa tugas utama guru ialah 'guru mengajar, murid belajar', dengan memastikan situasi yang ideal wujud dalam iklim sekolah. Dalam konteks ini penekanan diberi kepada pendidikan awal kanak-kanak. Ini bagi memastikan seseorang murid mempunyai asas yang kukuh dan lebih bersedia untuk pembelajaran di peringkat seterusnya. Dalam peringkat awal seorang murid perlu diberi pendedahan serta menanam minat dan kemahiran dalam asas-asas sains dan teknologi di samping pendidikan agama. Aspek-aspek ini perlu diberi keutamaan untuk menyediakan generasi pelajar yang mampu menghadapi cabaran era globalisasi di samping mempunyai kekuatan jati diri. Ini termasuk pembentukan sasih.

Oleh itu, kita berpendapat juga pendidikan itu sebagai pembina generasi. Dengan lain perkataan juga penekanan ialah dengan harapan untuk membudayakan murid dengan ilmu. Oleh yang demikian, perlu kita tekankan pada soal-soal asas iaitu 3M dan balik kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan di mana telah dinyatakan secara jelasnya Dasar Pendidikan Kebangsaan, misi pendidikan dan matlamat pendidikan adalah jelmaan daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menjadi teras dan tunjang bagi semua aktiviti dan program pendidikan. Justeru, FPK diterjemah ke dalam bentuk amalan dan perlaksanaan pendidikan khasnya sebagai dasar-dasar pendidikan kebangsaan.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat kerana memberikan jawapan dan saya berterima kasih dengan jawapan yang diberi itu. Tetapi yang saya hendak tanyakan di sini, ialah tentang

apa yang disebut tadi tentang menanam minat kepada sains dan teknologi di samping agama. Jadi, saya pun tidak tahulah yang mana penting dahulu, agama dahulukah atau sains dan teknologi dahulu sebab kalau kita tengok dalam objektif pendidikan negara ialah hendak melahirkan satu sistem pendidikan yang bertaraf dunia yang memenuhi aspirasi negara dan melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia, bersepadu, beriman dan berakhlak tetapi kalau agama dikesampingkan, takutlah nanti kalau agama akan terus menjadi sampingan sahaja. Itu sahajalah, minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih lagi sekali kerana soalan tambahan dari pihak Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Soalnya di sini ialah bagaimana kita hendak wujudkan minat sains dan teknologi di samping

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kita tidak pernah ganggu pun orang bercakap dan kita pun tahu parti pembangkang bila kita hendak masuk dia tidak beri laluan, kita sekurang-kurangnya sporting, kita bagi laluan, kita jawab, kalau Yang Berhormat hendak bercakap, Yang Berhormat sila berdiri, kita ada adab, kita ada tertib dalam Dewan yang mulia ini. [*Tepuk*]

Berbalik kepada soal minat sains dan teknologi ini, bagi saya dan juga kementerian, kita masih cuba adunkan dua-dua minat ini di samping kita menghasilkan seorang murid yang berbudaya ilmu serta mempunyai adab, akhlak dan sebagainya. Malah dalam hal ini, sepertimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, kita juga mempunyai matlamat dalam soal, macam Yang Berhormat baca tadi, saya tekankan di sini mengenai dengan pendidikan Islam dan moral yang kita adakan di peringkat sekolah, sesuatu yang berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah, bagi membentuk sikap kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara kearah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Kedua mengadakan Pendidikan Islam pada sesuatu institusi yang mempunyai lima orang atau lebih yang menganut agama Islam.

Ketiga penekanan yang lebih besar kepada penerapan etika yang baik dan moral yang tinggi di kalangan pelajar Islam dan bukan Islam serta di semua peringkat pendidikan.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Tadi saya dengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan 'back to basics' termasuk memperkukuhkan asas murid-murid dalam mata pelajaran sains dan teknologi tetapi pada masa yang sama Kementerian Pendidikan tidak lagi menjadikan mata pelajaran Ilmu Hisab Tambahan sebagai satu mata pelajaran wajib di tingkatan 6. Saya minta penjelasan dan rasional atas keputusan tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mentakab. Bagi kita mengenai dengan Ilmu Hisab Tambahan itu, kalau saya hendak balik ke soal '*back to basics*' itu tadi, pertama saya telah tegaskan mengenai asas pokok yang kita adakan di peringkat sekolah rendah dan seterusnya untuk juga kita lanjut kepada peringkat menengah dan menengah atas. Di sini ingin saya dapat pandangan daripada Yang Berhormat tadi, kita ada mempunyai bahagian-bahagian tertentu dalam peringkat menengah atas sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat mengenai ilmu hisab di peringkat tingkatan 6. Saya akan bawa perkara ini juga balik kepada kementerian untuk dipertimbangkan semula mengenai dengan Ilmu Hisab Tambahan kepada sekolah menengah tingkatan 6, kalau itu yang hendak dicadangkan oleh Yang Berhormat. Kita sentiasa terbuka cadangan-cadangan seperti ini, kalau kita anggap cadangan itu adalah cadangan yang baik, tidak seperti parti pembangkang, tidak ada benda cadangan yang baik telah diberi. Banyak perkara-perkara yang hendak hentam kita sahaja. [*Tepuk*]

8. **Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]** Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah bilangan kes aduan terhadap pemaju perumahan yang lewat memberi sijil kelayakan kepada pembeli memasuki rumah mengikut setiap negeri dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi kelewatan ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat bagi Bentong juga mengemukakan soalan yang berkaitan dengan tajuk yang sama pada 13 Mac, saya mohon izin untuk menjawab sekaligus soalan itu iaitu pada 13 Mac dengan soalan pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1999, kementerian saya menerima 150 aduan mengenai kelewatan pemaju mendapatkan Sijil Perakuan Kelayakan Menduduki. Ini merupakan 7.5% daripada jumlah aduan keseluruhan. Angka perpecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

* Selangor	-	61;
* Wilayah Persekutuan	-	38;
* Pulau Pinang	-	13;
* Johor	-	12;
* Negeri Sembilan	-	11;
* Perak	-	9;
* Melaka	-	3;
* Kedah	-	1;
* Pahang	-	1; dan
* Lain-lain negeri tidak ada aduan.		

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan Persekutuan tidak membuat arahan Sijil Kelayakan Menduduki diluluskan dalam tempoh dua minggu dari penyerahan kunci. Apa yang Kerajaan Persekutuan arahkan ialah Sijil Kelayakan Menduduki diluluskan dalam tempoh dua minggu dari tarikh permohonan yang lengkap diterima oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Mengikut peraturan, pihak pemaju dikehendaki mengemukakan permohonan Sijil Kelayakan Menduduki ini kepada Pihak Berkuasa Tempatan sebelum tindakan penyerahan pemilikan kosong rumah kepada pembeli. Penyerahan pemilikan kosong ini kadangkala 'digelarkan' penyerahan kunci oleh orang ramai. Mengikut pemantauan oleh kementerian ini sekiranya permohonan Sijil Kelayakan Menduduki dari pemaju adalah lengkap, kelulusan dapat diberi dalam tempoh 14 hari. Masalahnya ialah, masih terdapat pemaju yang tidak mengemukakan permohonan yang lengkap. Pemantauan tahun lalu mendapati hanya 34% pemaju yang mengemukakan permohonan lengkap.

Kementerian ini akan mengingatkan badan-badan profesional memastikan anggota mereka yang menjadi konsultan kepada pemaju lebih berhati-hati apabila menyediakan permohonan untuk Sijil Kelayakan Menduduki. Kementerian ini juga

sedang berunding dengan pelbagai pihak bagaimana undang-undang boleh dipinda agar serahan kunci lebih selaras dengan kelayakan menduduki itu. Sekian.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Memandangkan kes aduan ini bertambah banyak setiap tahun dan tadi Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa kementerian cuba hendak menggubal undang-undang.

Saya hendak tahu daripada kementerian dan kerajaan, adakah kementerian akan menggubal undang-undang untuk memastikan Sijil Kelayakan Menduduki ini dapat diberi serentak dengan penyerahan kunci untuk memastikan penyelewengan daripada pihak pemaju tidak berlaku lagi dan untuk melindungi hak pembeli-pembeli. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Buat masa sekarang saya tidak dapat memberi apa-apa maklumat yang tepat lagi tentang perubahan undang-undang ini kerana jawatankuasa yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri sendiri sedang mengkaji dan mereka sedang mendapatkan draf baru undang-undang ini dan salah satu perkara yang dirunding dalam jawatankuasa itu ialah perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tetapi selepas undang-undang ini digubal, sama ada bab ini dapat 'dimasuki' saya pun tidak dapat hari ini menjelaskan lagilah.

Tuan Kerk Kim Hock: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa walaupun wujudnya satu peruntukan dalam Housing Developers Act yang mengatakan bahawa 'LAD' sebanyak 10% dari harga kos rumah hendaklah dibayar kepada pembeli-pembeli sekiranya berlaku kelewatan, lambat memberi CF. Akan tetapi ramai pemaju sentiasa menawarkan separuh amaun yang sepatutnya diterima oleh pembeli-pembeli dan pembeli-pembeli terpaksa menerima tawaran ini oleh kerana amaun yang sepatutnya didapati iaitu dalam lingkungan kurang daripada RM2,000 dan sekiranya mereka mengambil tindakan mahkamah, walaupun mereka menang, mereka akan kemungkinan rugi.

Jadi, apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk mencegah kesalahgunaan 'LAD' ini dan saya harap dapat satu jawapan yang bagus, jangan selalu kaji sahaja.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat kerana prihatin tentang bahan-bahan yang sudah menjadi sindiket tingkah laku daripada pihak pembeli.

Inilah kita hendak pihak pembangkang yang menjadi pembangkang yang konstruktif dan bertanggungjawab, bukan menuduhkan perkara yang liar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya sebut tadi kita sedang mengkaji semula undang-undang dan menggubalkan satu undang-undang baru dan buat masa sekarang jawatankuasa sedang dalam perbincangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Menteri saya juga mengumumkan kepada semua dalam satu persidangan akhbar di mana beliau sebut ada satu kaedah baru iaitu menggunakan tribunal.

Ditubuhkan satu tribunal dalam akta itu supaya tribunal ini boleh ambil tindakan yang cepat dan kalau dapat diluluskan di masa akan datang, maka pihak pembeli tidak payahlah pergi mahkamah memfailkan kes-kes di mahkamah untuk mendapatkan ganti rugi ini atau LAD ini dan kita haraplah dengan cara tribunal ini – gunakan kes tribunal ini atau aduan kepada tribunal ini, kita boleh menyelesaikan masalah dengan lebih cepat.

9. **Tuan Kong Cho Ha [Lumut]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) sama ada pihak kementerian telah dapat mengenalpastikan punca-punca bagi setiap kategori masalah sosial yang menyebabkan kenaikan kadar jenayah; dan
- (b) apakah tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah sosial mengikut kategori.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial adalah masalah yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak dan masalah ini juga disebabkan oleh pelbagai faktor dan juga punca. Antara punca-punca masalah sosial yang menyebabkan kenaikan kadar jenayah ini yang berkaitan dengan:

- (i) kemaksiatan;
- (ii) kemiskinan;
- (iii) kurang pendidikan agama;
- (iv) latar belakang keluarga;
- (v) keinginan untuk mencari kehidupan mewah; dan
- (vi) pengaruh persekitaran.

Pihak polis dari masa ke semasa telah pun membuat pemeriksaan dan serbuan ke atas tempat-tempat yang disyaki menjalankan kegiatan maksiat dan menyelamatkan gadis-gadis yang terbabit dalam kegiatan ini.

Di samping itu juga, polis menahan penganjur dan pengantara yang terlibat di dalam kegiatan maksiat dengan menjalankan pendakwaan di mahkamah dan juga mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan. Selain daripada itu juga, pihak polis mengadakan rondaan-rondaan di kawasan yang dilaporkan ada kegiatan-kegiatan jenayah, mengawasi kawasan-kawasan yang mengadakan aktiviti persundalan, menjalankan tindakan mengikut mana-mana laporan yang dibuat oleh pelapor ataupun orang ramai.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak polis juga dengan kerjasama masyarakat setempat dan juga pihak sekolah menganjurkan beberapa aktiviti seperti mengadakan ceramah dan menubuhkan kesatuan kadet polis bagi mendedahkan remaja-remaja kepada disiplin, undang-undang dan tanggungjawab mereka kepada masyarakat dan negara. Terima kasih.

Tuan Kong Cho Ha: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah IT menjadi satu punca kenaikan kadar jenayah? Adakah Kementerian Dalam Negeri bercadang akta-akta atau undang-undang baru supaya lebih berkesan untuk mengawal dan mengatasi masalah-masalah yang begitu tidak terkawal?

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan itu, saya rasa IT ini kalau digunakan dengan baik, ia tidak akan menjadi masalah. Yang boleh menjadi masalah ialah salah guna berkaitan dengan IT ini. Oleh itu, saya rasa ibu bapa juga perlu memainkan peranan untuk cuba mengimbangkan anak-anak muda mereka tentang penggunaan IT ini.

Jadi, jika perkara-perkara yang terlalu menyalahgunakan IT ini, kemungkinan kerajaan akan membuatkan satu pengawasan supaya perkara ini tidak berlaku berterusan. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nampak Yang Berhormat cuba menjawab dengan seboleh-bolehnya dan ada juga seperti sekolah-sekolah yang mengadakan ceramah dan sebagainya untuk menyedarkan ibu bapa begitu

pentingnya untuk menjaga anak-anaknya dengan baik *[Disampuk]* Soalan banyak jangan bising.

Adakah Yang Berhormat sedar di tempat-tempat seperti kelab malam, di diskotik , di karaoke ada ramai yang memakan pil *amphetamine*, *syabu* dan sebagainya dan kejadian perkara ini... *[Disampuk][Ketawa]* Ramailah, kalau Yang Berhormat ada anak-anak belasan tahun, memang kita mesti berhati-hati. Kalau tidak, akibat berpadah dan adakah Yang Berhormat sedar dan kementerianinya sanggup membuat siasatan dan kawalan pemantauan yang lebih ketat untuk mencegah pemuda-pemuda memakan itu pil, pil *syabu* dan sebagainya dan juga*[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Kenapa nama bapa saya disebut? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw:kebetulan ini *syabu* ini *amphetamine*, khabarnya daripada Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat ada banyak lagi soalan ya.

Dr. Tan Seng Giaw:daripada Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya Yang Berhormat ya, sila, sila. Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, secara kebetulan sahaja itu. Bukan Kuala Kedah.

[Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, di Miri kalau tidak silap saya – banyak daripada Miri pil seumpama ini, banyak daripada Miri.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Beberapa Ahli: Soalan-soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan banyak dah, saya tanya satu dan sambungan sekarang ini *[Ketawa]* dan adakah Yang Berhormat sanggup menyiasat itu sindiket besar-besaran yang melibatkan polis, kastam dan Kerajaan Tempatan mengenai tempat-tempat yang mengadakan mesin-mesin kuda dan sebagainya. *[Disampuk]* Ini memang sarang maksiat juga.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Banyak lagi.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw:kerana ini masalah sosial ini, kita mesti

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw:berwaspada.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, cukup. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong kerana ada banyak perkara yang telah ditimbulkan. Sebenarnya, perkara yang paling penting sekali ialah berkaitan dengan kalau ada anak-anak muda juga bawah tanggungan ibu bapa. Ibu bapa adalah bertanggungjawab, yang pertama sekali berkaitan untuk pengawalan anak-anak mereka daripada pergi ke tempat-tempat seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi. Nampaknya, Yang Berhormat bagi Kepong ini dia agaknya ada merayu pada malam-malam tengok kelab-kelab.. *[Ketawa]* Karaoke, pub... *[Ketawa]* Sebab itu dia dapat tahu Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* saya ucap tahniahlah kepada beliau kerana rajin dan juga *[Disampuk]* Merayau malam.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pihak polis, Pihak Kerajaan Tempatan dan pihak-pihak berkuasa yang lain sentiasa mengawasi daripada masa ke semasa berkaitan dengan tempat-tempat yang disebutkan tadi dan jika ada berlakunya perilaku yang dikatakan tadi, yang terutama sekali pil *syabu* ini, bukan 'Mat Sabu' – saya minta maaf. Tetapi *syabu* yang kebanyakannya berada di bandar-bandar, di mana anak-anak orang yang berada mengambil pil-pil yang disebutkan tadi. Ia menyeronokkan keadaan.

Jadi, oleh itu sebagaimana yang saya nyatakan, pihak-pihak berkuasa akan mengambil tindakan dari masa ke semasa dan banyak tangkapan telah dibuat. Terima kasih.

10. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) jumlah kes kemalangan kereta api pada tahun 1997, 1998 dan 1999, nilai kerugian dan bilangan kematian; dan
- (b) apakah perancangan KTMB untuk mempertingkatkan keadaan dan persekitaran Kuarters Kakitangan KTMB yang amat daif dan usang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Mentakab.

(a) Kes kemalangan kereta api.

Jenis kemalangan kereta api yang sering berlaku dan melibatkan kecederaan atau kehilangan nyawa boleh diklasifikasi seperti berikut:

(i) Penumpang jatuh dari train.

Kemalangan jenis ini berlaku apabila penumpang cuba turun dari kereta api sejujur selepas kereta api mula bergerak. Dalam kebanyakan kes, penumpang yang terlibat hanya menanggung cedera ringan. Hanya dua kes kematian pada tahun 1998 dan tahun 1999.

(ii) Kemalangan penceroboh.

Kemalangan jenis ini berlaku disebabkan oleh pencerobohan di kawasan landasan kereta api.

(ii) Kemalangan akibat lontaran batu.

Kemalangan ini boleh menyebabkan kecederaan kepada penumpang-penumpang jika pecah akibat lontaran batu.

(iii) Kegelinciran kereta api.

Kemalangan ini boleh menyebabkan kecederaan dan kematian kepada penumpang-penumpang.

(iv) Melanggar binatang.

Kemalangan ini biasanya berlaku di kawasan kampung di mana terdapat banyak binatang ternakan berkeliaran.

(v) Keretapi melanggar kenderaan.

Kemalangan ini biasanya terjadi kerana kenderaan melintas di kawasan lintasan rata.

(vi) Kenderaan langgar gate kereta api.

Kemalangan ini... [*Ketawa*] biasanya terjadi kerana kecuaiian pemandu di kawasan lintasan rata.

Tuan Yang di-Pertua, statistik kemalangan kereta api yang melibatkan maut pada tahun 1997 seramai 42 orang, tahun 1998 seramai 49 orang dan tahun 1999 seramai 48 orang.

Kos kerugian kemalangan kereta api yang dialami adalah sebanyak RM671,334 pada tahun 1997, sebanyak RM150,186 pada tahun 1998 dan RM581,729 pada tahun 1999. Kerugian ini disebabkan oleh kejadian baling batu dan gelinciran. Bagi tempoh tahun 1997 hingga tahun 1999 KTMB tidak menerima sebarang tuntutan oleh penumpang di dalam kemalangan jatuh tren.

(b) Kuarters kakitangan KTMB.

KTMB mempunyai lebih kurang 5,000 unit kuarters kakitangan di seluruh Malaysia. KTMB sedang dan telah mengambil beberapa tindakan untuk mempertingkatkan keadaan dan persekitaran kuarters kakitangan KTMB yang amat daif, antaranya:-

- (i) memperbaiki kuarters dari masa ke semasa. KTMB membuat peruntukan sebanyak RM540,000 setahun untuk kerja-kerja membaikpulih;
- (ii) mengecat semula kuarters;
- (iii) memotong rumput dan juga membersihkan kawasan persekitaran secara berjadual;
- (iv) mempertingkatkan sistem perparitan;
- (v) memastikan kebersihan persekitaran kuarters; dan
- (vi) sekiranya keadaan kuarters amat daif dan tidak berekonomik lagi untuk dibaiki, tindakan meroboh akan dilakukan.

Kerja-kerja ini dijalankan dari masa ke semasa.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. RM500,000 memang merupakan satu peruntukan yang amat kecil untuk memperbaiki kuarters kakitangan KTMB di seluruh negara. Jadi, setiap kali kita merujuk perkara ini kepada headquarters di KTMB, mereka kata tidak ada duit kerana menghadapi kerugian yang besar. Soalan saya ialah adakah ini disebabkan KTMB telah diswastakan dan oleh itu,

mereka terlalu mementingkan keuntungan dan apakah mekanisme untuk kita memastikan kepentingan orang ramai, kepentingan pengguna dan kakitangan tidak diketepikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, beberapa langkah telah diambil oleh KTMB supaya memperbaiki kuarters kakitangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM545,000 ini memang cukup tetapi kalau Yang Berhormat ada kuarters yang spesifik bolehlah merujuk kepada kementerian atau berhubung dengan saya.

Tuan Saupi bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian bercadang untuk memberikan kerja-kerja pembinaan ataupun memajukan persekitaran kuarters kakitangan KTMB ini dengan pihak berkuasa tempatan ataupun local government di mana kita lihat masih banyak lagi tanah-tanah rizab KTMB yang belum dimajukan dan masih terbiar. Dan terdapat juga kawasan-kawasan yang kuarters KTMB ini tidak digunakan langsung pada hari ini ditutup stesennya. Saya beri contoh, seperti di Palekbang Tok Uban dan Bukit Panau. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, tentang kawasan lapang atau kawasan yang ada dimiliki oleh KTMB, memang KTMB ada cadangan supaya tempat itu dibinakan dengan bangunan atau apa-apa kompleks. Tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat memang kementerian akan membuat kajian, kalau Ahli Yang Berhormat ada cadangan yang baik boleh menuju kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.5 dan 11 hingga 24 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

Penerbitan Akhbar Harakah

11.05 pagi

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua, Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya, Haji Fadzil bin Md. Noor, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Pendang mohon mencadangkan bahawa Majlis ini hendaklah ditangguh mengikut Perkara 18 Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membolehkan Dewan yang mulia ini, merundingkan isu Kementerian Dalam Negeri yang telah menghadkan penerbitan akhbar popular *Harakah* dari dua kali seminggu kepada dua minggu sekali yang merupakan suatu pencabulan kepada hak asasi, kebebasan bersuara serta merupakan titik hitam kepada amalan demokrasi berparlimen yang menjadi tradisi di negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini adalah perkara-perkara tertentu kerana telah berlaku suatu pencabulan hak serta kebebasan bersuara yang sedia termaktub di dalam Piagam Hak Asasi Manusia yang diterimapakai oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu serta adanya unsur-unsur untuk melenyapkan suara-suara serta kritikan-kritikan yang membina yang tersedia wujud di mana-mana negara yang mengamalkan demokrasi.

Setakat ini alasan yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi menghadkan penerbitan *Harakah* adalah berbau politik, berniat jahat serta suatu percubaan bagi menyembunyikan fakta sebenar ke atas penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa yang telah dan sedang berlaku di negara kita. Bagi ingatan Dewan yang mulia ini, isu yang sentiasa dibangkitkan mengenai *Harakah* ialah cara pengedarannya dan bukan kekerapan penerbitannya. Oleh itu tindakan terbaru kerajaan adalah sangat tidak wajar.

Perkara ini adalah melibatkan kepentingan orang ramai kerana ini akan menghilangkan lagi keyakinan rakyat terhadap kepimpinan yang ada, menyempitkan lagi amalan demokrasi serta hak-hak rakyat sebagai warganegara yang berpegang kepada prinsip keadilan.

Pencabulan hak ke atas akhbar *Harakah* juga telah menunjukkan bahawa amalan demokrasi di negara kita kian terhapus. Hak asasi serta kebebasan bersuara setiap warganegara kini disempitkan dengan tindakan sedemikian ini. Pencabulan undang-

undang telah dilakukan dengan sewenang-wenangnya oleh pemerintah tanpa mengira hak rakyat. Perkara ini perlu disegerakan kerana ia menyentuh kredibiliti kepimpinan, maruah negara serta menyentuh pencabulan hak asasi yang menjadi asas kepada amalan demokrasi yang diagung-agungkan di negara kita sendiri.

Walaupun pemimpin bercakap tentang dunia tanpa sempadan dalam promosi ke arah negara bersifat IT, namun mereka sendiri sedang cuba membunuh kredibiliti serta daya fikir rakyat dan ianya merupakan satu penghinaan kepada daya intelek rakyat Malaysia. Tindakan tidak rasional kerajaan ini turut memberikan kesan kepada mata pencarian ramai kakitangan dan pengedar-pengedar akhbar tersebut di seluruh negara. Maka dengan ini saya berpandangan bahawa usul ini melibatkan perkara tertentu, kepentingan orang ramai serta perlu disegerakan. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pendang pada hari Selasa, 7 Mac 2000 jam 12.20 tengah hari. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua, hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ia adalah berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu. Kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai, tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. [*Tepuk*]

Tajuk yang sama telah diucapkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Belanjawan dan ada yang telah meminta penjelasan daripada kerajaan, juga perkara yang sama telah disentuh di dalam perbahasan Titah Diraja dan kerajaan telah pun memberi jawapan.

Oleh yang demikian, tidak perlu dibahaskan lagi. Dalam perkara ini pihak parti PAS boleh membuat apa-apa rayuan dan mengambil apa-apa lain tindakan yang mereka memikir sesuai, masa masih banyak untuk mereka berbuat demikian.

Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini. [*Tepuk*]

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 1999 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000 adalah dibatalkan hendaklah disahkan” *[8 Mac 2000]*.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab.

11.11 pagi

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Pendang, Bagan, Marang, Kemaman, Dungun, Pokok Sena, Bukit Bintang, Kota Belud, Sipitang, Baling, Kuala Kedah, Batang Sadong, Seputeh, Permatang Pauh, Arau dan Setiu yang telah mengambil

bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya saya menghargai pandangan, teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat kalian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pendang telah membangkitkan isu kuota untuk membangunkan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya. Kos yang didakwa terlalu tinggi iaitu menelan perbelanjaan sebanyak RM5.8 bilion. Di samping itu, Yang Berhormat Pendang juga menyatakan sewa bulanan bagi pejabat-pejabat kerajaan di Putrajaya iaitu sebanyak RM140 juta adalah tinggi. Sehubungan dengan itu, Ahli Yang Berhormat bagi Pendang ingin tahu asas-asas justifikasi perbelanjaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bahawa jumlah sewa sebanyak RM140.6 juta setahun bagi pejabat-pejabat kerajaan di Putrajaya adalah meliputi bangunan pejabat di Parcel A, Parcel B dan Precinct 10 iaitu Bangunan Sri Perdana, Putrajaya.

Pecahan sewaan tersebut iaitu untuk sistem penghawa dingin sebanyak RM8 juta, untuk sewaan – RM96.65 juta, penyelenggaraan sebanyak – RM32.25 juta dan kawalan keselamatan sebanyak RM1.5 juta.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang Berhormat Bagan ingin tahu hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap akuan berkanun Datuk Murad yang melibatkan Dato' Seri Anwar Ibrahim dan meminta Datuk Murad didakwa jika aduannya palsu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang minta penjelasan, silakan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan tentang Putrajaya Holdings. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM4.4 bilion untuk pembinaan Putrajaya dan kerajaan juga telah memperuntukkan sebilangan jumlah yang lain, yang saya tidak ada di sini sekarang untuk perolehan-perolehan peralatan pejabat. Pada masa yang sama kerajaan terpaksa menyewa dan

Timbalan Menteri Kewangan pada masa saya bertanya hal ini telah memberikan satu jawapan.

Sewa keseluruhan bangunan ini Parcel A sampai Parcel E ialah RM239 juta. Kerajaan telah pun membelanjakan wang negara untuk membina bangunan ini dan pada masa yang sama kerajaan terpaksa menyewa bangunan yang telah dibina daripada wang negara. Ini yang kita tidak boleh faham. Boleh Yang Berhormat tolong jelaskan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, jawapan singkat saya kepada permasalahan Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian itu ialah begini. Salahkah umpamanya kalau kerajaan membelanjakan wang kerajaan dan memberi sewa untuk kepentingan kerajaan kerana daripada poket kanan ke poket kiri, badan itu juga.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini adalah pandangan sempit daripada pihak pembangkang, kerajaan dari mula lagi Putrajaya dibina telah kita memberi maklumat-maklumat yang terperinci mengenai dengan justifikasi untuk membina Putrajaya yang tidak pun dapat kita nilai dengan wang ringgit, sama ada RM100 bilion, RM200 bilion dan sedemikian. Umpamanya, seperti risalah begini [*Sambil menunjukkan dokumen itu*] minta Ahli Yang Berhormat baca dengan baik kerana Bangunan Putrajaya bagi kita di Barisan Nasional ialah suatu wawasan yang terlaksana, kita bina Bangunan Putrajaya bukan untuk generasi sekarang sahaja, maka itu kalau Ahli Yang Berhormat sempitkan fikiran Yang Berhormat iaitu menilai dengan wang ringgit sama ada RM200 juta, RM300 juta, saya fikir pandangan Ahli Yang Berhormat itu amat sempit.

Kalau umpamanya kita bina Putrajaya sekarang, jangan kita cerita dengan wang ringgit dahulu, kita kira sekarang ini 100 tahun yang akan datang, seperti juga dengan Buckingham Palace, Queen Elizabeth sekarang ini tidak payah lagi untuk membina satu istana, jadi mungkin Ahli Yang Berhormat tidak hairan kalau cucu cicit Ahli Yang Berhormat di masa yang akan datang seratus tahun dari sekarang akan juga menjadi Perdana Menteri dan akan tinggal di Putrajaya dan akan duduk di Putrajaya, jangan sempitkan pemikiran Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat. Masalah sekarang ialah bukan masalah sempit atau luas. Masalah sekarang ialah kita ingin mendapatkan penjelasan yang memuaskan terhadap kos yang begini besar. Saya telah baca semua dokumen pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan ini tentang

niat kerajaan membina Putrajaya. Masalah yang ada sekarang perbelanjaannya ialah RM22 bilion dan melibatkan Petronas umpamanya dan pada masa yang sama dalam transaksi, kita tidak telus. Putrajaya ada hubungan dengan empat syarikat lain, Peremba dan Hong Leong dan dua syarikat yang lain.

Sekarang ini oleh kerana Perbadanan Putrajaya beroperasi dalam satu keadaan yang hanya bertanggungjawab kepada menteri iaitu Perdana Menteri. Tidak dilaporkan di Parlimen ini dan kalau Yang Berhormat hanya berkata bahawa tidak ada salah, kita bina daripada wang negara, kita sewa untuk negara, tidak ada salah. Tetapi masalahnya kalau kita sudah boleh belanja wang negara dengan begitu besar, kenapa kita kena bayar sewa, cukup kita habiskan belanja sekali gus, kita tidak perlu bayar sewa lagi. Mengapa kita perlu bayar sewa, ini yang saya hendak tahu.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin betulkan Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Putrajaya dibina oleh Putrajaya Holdings Sdn. Berhad. Putrajaya Holdings Sdn. Berhad adalah syarikat yang dipunyai oleh Petronas, Kumpulan Wang Amanah Negara dan Khazanah dan ketiga-tiga syarikat yang saya sebutkan itu adalah dipunyai oleh rakyat seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan.

Mengenai dengan sama ada wang itu besar dan tidak, bagi Kerajaan Barisan Nasional, wang itu adalah tidak, kita mampu untuk membelanja dan segala prosedur-prosedur yang tertentu seperti biasa sejak 43 tahun kita merdeka telah kita lalui dan ikuti, itulah makanya kita berjaya sekarang ini, Ahli Yang Berhormat, berbanding dengan negara-negara yang lain. Tetapi saya bersetuju dengan pendapat daripada Tambun sewaktu beliau mengatakan bahawa pemikiran pembangkang-pembangkang ini adalah negatif. Mujurlah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam penemuan seorang profesor di Chicago yang mengatakan bahawa Melayu ini adalah kedua yang berfikiran negatif. Mujurlah bagi kita bahawa orang Melayu sekarang yang berfikiran negatif ini cuma daripada pembangkang. Mereka sentiasa nampak daripada sudut negatif sahaja.

Beberapa tahun yang lalu, kita telah persoalkan bahawa bangunan Daya Bumi cuma RM70 juta sebagai pembaziran. Tetapi sekarang ini, itu tidak menjadi soal lagi. Sekarang ini apa yang dibelanjakan oleh kerajaan bagi Putrajaya mungkin sepuluh tahun

dan lima belas tahun daripada sekarang tidak lagi dipersoalkan oleh kerana ia adalah satu ongkos yang paling tepat bagi kita dalam kerajaan sekarang.

Mungkin bagi Ahli Yang Berhormat terlalu besar, tetapi kita fikir bahawa Kerajaan Barisan Nasional mampu dan ini adalah untuk inter generasi kontrak di antara kerajaan sekarang dengan generasi yang mendatang.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak alih tajuk sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang mana Yang Berhormat - dua Yang Berhormat. Yang ini, masih Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak alih sedikit sahaja tajuk, iaitu boleh saya tahu syarikat-syarikat dan pemilik-pemilik syarikat yang mendapat kontrak untuk maintenance Masjid Putrajaya, bangunan-bangunan Putrajaya. Dan yang kedua, syarikat-syarikat yang dapat kerja pembinaan Putrajaya. Tadi, Yang Berhormat kata, Putrajaya dimiliki oleh tiga - memang saya tahu - oleh Petronas, oleh Khazanah, oleh Warisan, saya tahu. Tapi Putrajaya, dia tidak buat sendiri. Dia bagi kontrak pada orang lain. Saya hendak tahu nama syarikat dapat kontrak ini dan kos tiap-tiap bangunan. Dalam satu parcel ada beberapa bangunan. Bangunan yang utama ialah Jabatan Perdana Menteri, berapa kosnya, rumah Perdana Menteri berapa kosnya? Dan adakah sewa ini termasuk rumah Perdana Menteri?

Yang ketiga saya hendak tahu ialah tadi, Yang Berhormat sebut Dayabumi RM70 juta, adakah ini angka yang betul - ini dalam Dewan. Saya ingat RM450 juta.

Yang keempat ialah positif, negatif. Negative attitude, positive attitude tidak bermakna kita tidak boleh mengkritik dan kita tidak boleh dapat penjelasan terutama melibatkan wang rakyat, wang negara. Yang Berhormat belum jawab soalan saya mengapa kita perlu sewa? Itu soalan saya. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan kuat, pecah meja karang. *[Ketawa]*

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma akan jawab secara singkat lagi dan saya akan tekankan bahawa pemikiran Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ini disempitkan balik. Saya tahu mesej soalan itu. Mesej soalan itu Ahli Yang Berhormat minta saya cuba perincian siapa kontraktor-kontraktor. Mesej seterusnya daripada Yang Berhormat ialah kontraktor-kontraktor ini adalah kroni, itu mesejnya - terang, jelas. Itu adalah soalan politik

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya akan jawab. Nanti dulu, saya akan jawab.

Tuan Husam bin Haji Musa: Apa salahnya?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab.

Tuan Husam bin Haji Musa: Apa salahnya?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya akan jawab. Saya akan jawab, tidak salah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Apa salahnya?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya tidak mengatakan itu adalah salah. Saya mengatakan pemikiran itu adalah sempit kerana kalaulah itu mesej Yang Berhormat yang sebenar, bermakna ada juga badan-badan tertentu.....

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau luas, sila jawablah.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya menjawab, jangan dulu. Saya menjawab. Yang Berhormat saya kasi laluan Yang Berhormat atas budibicara saya, ini floor saya. Jadi, kalaulah saya tidak mahu mendengar kritikan dari kerajaan, saya tidak kasi Yang Berhormat laluan....

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: ... dan saya duduk dalam Dewan ini kalau ada masa, di luar saya duduk mendengar semua hujah Ahli Yang Berhormat. Bukan bermakna saya setuju dengan apa yang diluahkan oleh Yang Berhormat sekalian. Tetapi atas dasar demokrasi kita terpaksa dengar. Ini masih lagi sempit. Okay, saya tidak ada terperinci syarikat-syarikat yang berkenaan tetapi kalau Yang Berhormat hendak sangat saya akan bagi kepada Yang Berhormat sama ada besok ataupun lusa. Tetapi mesej itu, insiniasi itu adalah tidak baik. Seolah-olah syarikat yang diberi itu

adalah dipunyai oleh kroni-kroni pemimpin yang tertentu. Jadi, itu yang jahat dia kerana ini adalah untuk *political mileage* Yang Berhormat..

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Nanti dulu, nanti dulu Tuan Yang di-Pertua. Saya belum habis. Kalau umpamanya setelah bertanya dengan itu dan insinuation seolah-olah ada syarikat yang dipunyai oleh kroni Ahli-ahli Yang Berhormat dalam kerajaan. Kenapa tidak Ahli Yang Berhormat sendiri mengumpul segala data-data dan kalau ada penyelewengan laporkan kepada Badan Pencegah Rasuah, kenapa tidak? Ataupun apa Yang Berhormat sebut dalam Dewan ini supaya termasuk dalam *Hansard* selepas itu untuk tatapan. Pengundi-pengundi Ahli Yang Berhormat, sana di kampung dan lepas itu mendabik dada. Perkara ini sudah saya bangkitkan. [*Disampuk*] Ini semua soalan politik, saya akan kasi untuk menjawab daripada soalan itu, saya akan kasi secara terperinci nama-nama syarikat yang telah pun dibagi dan prosedur kerajaan[*Disampuk*]

Tuan Husam bin Haji Musa: Bila?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Nanti dulu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya....

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Nanti dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dulu.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Prosedur kerajaan ialah setiap apa pun yang kita bagi kepada mana-mana kontraktor terpaksa menurut semua landasan-landasan peraturan. Kita ikut peraturan sama ada di tender, diswasta dan sedemikiannya. Barisan Nasional bukan kerajaan yang membuat perkara dengan sewenang-wenang, maka itulah ia dapat bertahan selama 43 tahun. [*Tepuk*] Maka itulah Yang Berhormat sekarang ini dapat duduk selesa di sebelah sana dan mengeluarkan pendapat secara bebas.

[*Beberapa orang Ahli Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat sekalian, itu hak Menteri. Dia boleh menjawab ataupun boleh tidak. Itu mengikut peraturan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu jawab perkara terperinci oleh kerana perkara-perkara terperinci telah pun disoal oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini pun mengenai dengan Putrajaya. Yang cuma saya menjawab ialah saya kata, kadang-kadang ada projek yang kita bina dan tidak boleh nilai dengan wang ringgit. Mungkin bagi pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang bahawa perbelanjaan Putrajaya itu adalah terlalu mahal. Tetapi bagi kerajaan yang tahu kemampuannya bahawa kita boleh bina. Kita kata tidak mahal tetapi dengar Yang Berhormat, dalam satu jawapan yang telah dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini mengenai dengan soal Putrajaya, apa kebajikannya jangkamasa panjang. Ini bukan soal itu. Dengar dahulu sekejap. “Melegakan tekanan pembangunan terutamanya keperluan tambahan infrastruktur dan utiliti yang dihadapi oleh Kuala Lumpur akibat kepesatan pembangunan yang tentunya akan memerlukan perbelanjaan besar, iaitu pentadbiran kerajaan sekarang ini kita tempatkan di Putrajaya.

Pertama, kebaikan yang tidak boleh dinilai dengan wang ringgit. Kedua, menjadikan Kuala Lumpur lebih selesa. Kerana soalnya yang sekarang ini yang sering dibangkitkan ialah kesesakan jalan raya, teratur dan mempunyai ruang yang mencukupi untuk dirancang rapi bagi memastikan terus budaya maju serta mampu bersaing dengan lain-lain bandaraya dan pusat komersial di rantau ini.

Ketiga, menggalakkan pertumbuhan pembangunan sekitar Putrajaya terutama tanah-tanah simpanan Melayu di pinggirnya kerana Putrajaya sekarang ini begitu jauh lebih kurang 30 kilometer. Dan sekarang oleh kerana adanya Putrajaya tanah-tanah orang Melayu di sana sekarang sudah naik harga. Ini juga tidak boleh kita kasi nilai sekarang ini.

Keempat, menjamin mutu dan tahap perkhidmatan awam yang lebih efisien dan berkualiti akibat pemusatan jentera pentadbiran kerajaan, di lokasi yang teratur dan dirancang rapi. Semua ini tidak boleh dilihat Yang Berhormat sama ada RM100 bilion ataupun RM200 bilion.

Persoalan Yang Berhormat kakitangan kerajaan boleh kasi bila-bila, tetapi mesej jualan itu. Saya sedar itu adalah untuk *political mileage* kerana biasanya tabiat pembangkang ini selalu dikatakan oleh Wakil Rakyat bagi Kuala Kedah. Dia kata rakyat sekarang ini sudah tidak yakin adakala ‘yaqin’ dia kasi penekanan. Bukan rakyat yang

tidak yakin, minta maaf. Tetapi pemikiran rakyat diselewengkan. Bayangkan dengan kepintaran Ahli-ahli Yang Berhormat daripada PAS berhujah, berhadapan dengan orang-orang nelayan dan kampung yang langsung tidak faham dengan bahasa-bahasa canggih seperti yang digunakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Dapatkah ia menilai sama ada hujah itu baik dan tidak? Ini persoalannya. Yang cuma menentukan Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada perbelanjaan ini adalah betul dan tidak. Tunggu masa 100 tahun daripada sekarang sama ada betul atau tidak.

Seorang Ahli: Yang Berhormat

Seorang Ahli: Saya bangun.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya tidak kasi laluan lagi.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Saya, the next ini.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya tidak kasi laluan. Sudah cukup banyak laluan saya kasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Saya pulaklah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat, ini tajuk lain.

Dato' Yap Pian Hon: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga berdiri Yang Berhormat.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Saya hendak tanya juga.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tidak, tidak. Kalau Kubang Kerian tidak lagi saya bagi.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Okay, Jeli, Jeli.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Yang Berhormat boleh berpolemik dengan saya bila-bila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Jeli, Jeli.

Seorang Ahli: Tajuk lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Jeli, Jeli tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Menteri tidak bagi.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Jeli, Jeli.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk.

Tuan Hassan bin Mohamed: Saya, tajuk lain. Tak masuk

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Jeli, Jeli bagi, Jeli bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa tajuk sekalipun sebab Menteri yang sama. Dia tak bagi lagi.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi lagi. Sudah saya bagi laluan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Soalan daripada Pendang.....

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk ya. Sila duduk, dia tidak bagi.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Duduklahhh....., saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Orang baru, orang baru.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ini baik, kawan-kawan baik..... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi. Mungkin dia bagi sedikit lagi.

Tuan Mohamad bin Sabu: ada soalan....bukan hendak bergaduh, hendak berkawan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Ini bukan bergaduh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk dulu, Kuala Kedah, Kubang Kerian, Jeli, duduk.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Cara saya bercakap, bukan gaduhi, kita gentleman.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada berdiri, dia tidak bagi juga, tidak bagi semua Yang Berhormat?

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Jeli dia bagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak bagi semua, ya. Dia tidak bagi semua.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Jeli orang baru, dia bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi. [*Ketawa*] Dia tidak bagi, dia tidak bagi.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi penjelasan?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, duduklah.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, Perangkaan mengenai dengan Putrajaya, kosnya, semua diketahui. Tidak disembunyikan. Boleh dibaca di mana-mana. Kalau Ahli Yang Berhormat terlampau minat sangat boleh check di Pendaftar Syarikat syarikat-syarikat yang berkenaan, tidak payah Yang Berhormat tanya saya di Dewan yang mulia ini seolah-olah Yang Berhormat ada *oral exam*. Ditanya saya seolah-olah saya ini ditemuduga. Bukan saya minta kerja daripada Yang Berhormat. Itu adalah *public knowledge, public knowledge*. Tetapi mesej-mesej soalan itu

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya tidak bagi. Mesej soalan itu....

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat, ini sudah bersabit dengan fungsi Parlimen, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Fungsi Parlimen apa benda?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau Yang Berhormat tidak mahu jawab, tak payah datang Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk. Dia tidak bagi.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya tidak jawab pun, Yang Berhormat. Saya ada hak untuk tidak menjawab, bukan saya menjawab sewenang-wenang.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk Jeli.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Satu soalan sahaja. Bagi chance satu soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Seorang Ahli: sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk. Dia tidak bagi.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Soal Putrajaya bagi kerajaan selesai, iaitu satu wawasan yang telah tercapai. Selaras dengan matlamat kerajaan, kita mahu maju pada tahun 2020.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan soal sambil duduklah. Berdirilah kalau hendak penjelasan. *[Ketawa]* Dia bagi tak bagi, bab dia. Tetapi kalau hendak bercakap, tolong berdirilah.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi, tak bagi. Fikirlah.

Dato' Yap Pian Hon: Penjelasan.

Dato' Yap Pian Hon: Tadi, Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi. Janganlah tanya lagi.

Dato' Yap Pian Hon: Boleh beri sedikit ke?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Ini panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Kalau saya bagi semua barangkali sejam saya akan beri

Dato' Yap Pian Hon: Sedikit, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi. Itu bukan hak saya.

Dato' Yap Pian Hon: Sedikit untuk kepentingan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau Menteri tidak bagi saya tidak boleh kata apa. Minta maaf. Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Tolong bagilah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak bagi Yang Berhormat?

Dato' Yap Pian Hon: Datuk Menteri, Menteri.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk. Dia tidak bagi semua.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Okay, saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia bagi, sedap.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada baris sana yang ada fikiran terbuka, maka itu satu soalan ditanya kepada Yang Berhormat Menteri, oleh kerana begitu canggih rancangan oleh kerajaan terhadap pembinaan

Putrajaya, adakah Jabatan Perdana Menteri untuk menimbangkan bahawa satu cadangan daripada Naib Canselor UPM dan UKM supaya perancangan Putrajaya itu hendaklah meliputi dengan bandar Bangi dan kawasan Serdang, sama ada boleh ditimbangkan supaya seluruh kawasan di antara Kuala Lumpur dan Putrajaya akan dirangkumi dalam perancangan yang teratur pada masa akan datang? Terima kasih.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan membuat rancangan pembangunan dan semua rancangan-rancangan yang memanfaatkan rakyat dan yang kerajaan fikir dia sanggup buat. Kalau umpamanya cadangan Yang Berhormat itu setelah umpamanya ada dikaji mendatangkan kebaikan kepada rakyat, tidak membebankan maka itu adalah cadangan yang baik. Tetapi kalau umpamanya itu lagi dibuat barangkali Kubang Kerian akan berdiri satu jam dia tanya ini dia kata, banyak lagi wang yang telah digunakan, wang rakyat.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya tidak bagi jalan. Selesai. Soal Putrajaya selesai.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ikut Peraturan Dewan, bila mana-mana Ahli Yang Berhormat dirujuk, dia kena beri penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat. Kalau ada peraturan saya mintalah buku.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sedikit sahaja, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau biasa, kalau.....

Tuan Husam bin Haji Musa: Setengah minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Banyak lagi soalan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia:yang saya mahu baca.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Apa pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk dulu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: 37(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia ada point of order, ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: 37(1), Seseorang Ahli tidak boleh mengganggu Ahli yang sedang bercakap. Ini mengganggu. Kita dengar dulu puas-puas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: 37(1), Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Itu sebab saya gunakan macam itu.

Seorang Ahli: Hendak tanya soalan, ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sebab itu saya, kalau dia hendak beri laluan, terpulang kepada dia. Kalau dia tidak bagi memang kita tidak boleh teruskan.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Orang baru hendak tanya. Bagi chance satu soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi nampaknya.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah dengan pembangkang ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita balas dengan baik persoalan mereka, dia orang tidak tahan dengar. Sedangkan kita sabar dengar apa kritikan mereka pun, melanggar peraturan, tetap kita dengar sahaja.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Boleh tanya soalan sedikit?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Sila.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Okay, Alhamdulillah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Datuk Menteri yang baik hati.

Datuk Menteri ada sebut sebentar tadi bahawa kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM72 juta untuk bangunan Kompleks Dayabumi. Apakah Yang Berhormat

Menteri sedar bahawa bangunan tersebut telah dibina pada masa kegawatan awal 80'an dengan kos lebih daripada RM400 juta dan sekarang hanya 6 tingkat sahaja digunakan sekarang - satu.

Yang kedua, kita tidak marah. Hendak bina RM1,000 juta pun tak apa. Kita pun suka pembangunan ini. RM1,000 juta ke RM2,000 juta, bagi kita Alhamdulillah. Tetapi persoalan yang kita bangkitkan kerana kita juga mewakili rakyat. Bukan hanya di sana yang mewakili rakyat, sini pun juga mewakili rakyat. Yang kita persoalkan sekarang, kalau dibina bangunan sebegitu besar, lebih daripada RM4,000 juta, RM5,000 juta yang dibina melalui Putrajaya Holding dan selepas disiapkan dia kena bayar sewa pula. Duit itu duit kita, kita bayar sewa pulak - satu. Dan kedua, kena ingat defisit belanjawan kita RM16,000 juta. Ini RM16,000 juta bukan kecil. RM16,000 juta dari defisit perbelanjaan. RM16,000 juta kerajaan terpaksa meminjam kerana hendak menyiapkan Putrajaya. Apakah begitu mendesak untuk kita membina Putrajaya sebegitu cepat. Itu RM16,000 juta ini mari mana ni? Pinjaman RM16,000 juta cuba Yang Berhormat Menteri perjelas tentang itu.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Boleh. Soal dulu, beberapa tahun yang lalu kalau umpamanya saya tersilap dengan RM70 juta, okaylah bukan RM70 juta, RM400 juta. Soal di waktu itu kegawatan ekonomi dan bangunan Dayabumi dipersoalkan. Tetapi dengan terbinanya Dayabumi yang dulunya dipersoalkan oleh pembangkang adakah prestasi kerajaan Malaysia sejak dulu sehingga sekarang tidak meningkat. Begitu juga sekarang ini Putrajaya sedang dipersoalkan oleh wakil-wakil Yang Berhormat daripada pembangkang. Dan sepuluh tahun dan lima belas tahun akan datang kerajaan Barisan Nasional insya-Allah masih lagi duduk di sebelah sini bukan spesis terakhir. *[Ketawa]* Bukan. Kerana sebelum mengatakan spesis terakhir PAS kena pergi Sabah dulu di Sabah dia dapat kosong. Semua deposit tidak balik. Sarawak jangan cerita, masuk pun tidak berani.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Menteri pun tidak bertanding.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya doakan tuan akan jadi wakil PAS di Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya doakan tuan juga akan jadi wakil UMNO. Sama-sama kita berdoa tetapi biasanya doa orang yang ikhlas itu akan dikabul. *[Ketawa] [Tepuk]* Jadi kita akan serahkan kepada Tuhanlah siapa ikhlas dalam soal ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sebab tuan suka berpindah parti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan berdialoglah Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Yang tadi daripada Jeli itu. Lagi saya berbalik kepada soalan sempit tadi, pemikiran mereka ini adalah pemikiran sempit. Kita mampu walaupun dalam kegawatan ekonomi Yang Berhormat. Putrajaya dibuat dalam tahun 1997 waktu itu sedang dibuat tetapi tidak tergendala pembinaannya. Di samping kita membina Putrajaya yang begitu ongkos yang kamu anggap besar dalam kegawatan ekonomi insya-Allah dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sekarang sudah kita pun keluar dari kegawatan ekonomi tapi Ahli-ahli Yang Berhormat tidak menerima kenyataan ini, sentiasa menegatifkan pendapat.

Saya tidak hairan kalau Ahli-ahli Yang Berhormat balik ke kawasan masing-masing berdepan dengan rakyat, nelayan, petani lepas itu menda bik dada tengok kerajaan sekarang ini boros, Putrajaya sekarang ada mahligai. Saya tidak hairan begitu. Rakyat mana yang tidak mengamuk kalau tidak dikasi gambaran yang sebenar. Cuba Yang Berhormat saya buat cadangan kamu bawa risalah seperti begini di kawasan-kawasan Yang Berhormat dan bagitahu kepada penyokong-penyokong Yang Berhormat macam mana pula pendapat mereka tentang Putrajaya. Cuba..

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Mereka hendak roboh, rumah rakyat hendak roboh ini .

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Janganlah lawan macam ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh saya tanya dengan baik sekarang Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada beri jalan Yang Berhormat?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tidak bagi jalan, tidak bagi jalan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sekalilah, sekali.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Nanti kalau mahu waktu saya sentuh nanti dengan ahli Yang Berhormat Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Hal ini sekali. Orang yang mengkritik ini. Bolehlah. Ala Datuk ...

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Nanti dulu, nanti dulu saya lepaskan dulu.

Tuan Mohamad bin Sabu: Datuk orang baik.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Nanti dulu ini baru soal Putrajaya sudah kita setengah jam.

Tuan Mohamad bin Sabu: Datuk pergi parti apa pun menang. Dia orang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat, dia tidak bagi.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sekali lah..

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Biar sama-sama baik, kalau saudara pergi UMNO pun akan menang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau dia tidak bagi pergi UMNO pun dia tidak bagi. Dia tidak bagilah. *[Ketawa]*

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan ingin tahu hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap. *[Disampuk]* Saya sudah jawab saya jawab fikiran saudara adalah sempit saya tidak akan dibawa.....*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia ada hak. Menteri ada hak sama ada hendak jawab secara detail ataupun tidak. Dia ada hak.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Yang Berhormat bagi Bagan hendak tahu hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap akuan berkanun Dato' Murad yang melibatkan Dato' Seri Anwar Ibrahim dan meminta Dato' Murad didakwa jika aduannya palsu. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bagan BPR masih menjalankan siasatan ke atas akuan berkanun Dato' Murad yang melibatkan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Namun begitu sebagaimana Yang Berhormat bagi Bagan sedia maklum Seksyen 21(4) Akta Pencegah Rasuah 1997 yang telah dikuatkuasakan pada 8 Januari 1998 ada

menyatakan seperti berikut; tolong Yang Berhormat dengar baik-baik supaya Yang Berhormat tidak bangkitkan lagi isu-isu seperti begini pada masa-masa akan datang.

“*Sesuatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dirahsiakan*”, the key word is ‘dirahsiakan’ ‘*dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang lain selain pegawai-pegawai Badan dan Pendakwa Raya sehinggalah orang tertuduh dipertuduh di mahkamah atas sesuatu kesalahan di bawah akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain berbangkit daripada aduan itu.*” Jadi jawapan kepada persoalan Yang Berhormat itu ialah sekarang ini sedang dalam penyiasatan.

Peruntukan seksyen 21(4) ini jelas melarang sebarang pendedahan mengenai hasil siasatan dibuat kepada mana-mana orang selain daripada pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah dan Pendakwa Raya sehinggalah kes tersebut dibawa ke mahkamah. Dan pada peringkat ini untuk maklumat Yang Berhormat bagi Bagan adalah masih terlalu awal untuk mengatakan aduan yang dibuat itu palsu kerana proses siasatan masih lagi berjalan. Sekiranya siasatan mendapati akuan berkanun itu palsu tindakan akan diambil mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan berdiri Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Tadi kata BPR masih menyiasat kes ini. Adakah kementerian Yang Berhormat menghadkan satu masa supaya kes ini disiasat dalam had masa itu kerana kita sudah biasa kepada BPR. Mereka akan ambil bertahun-tahun untuk menyiasat seperti kes PERWAJA . Kes PERWAJA, sampai sekarang apa hasil pun tiada dan lain-lain kes yang banyak skandal-skandal masih disiasat disiasat. Bolehkah hadkan satu masa.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, mohon maaf, ini satu lagi pemikiran yang paling sempit sekali [*Ketawa*]. Apa sebab dia sempit? Kerana Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP saya nampak kebanyakan daripadanya adalah peguam-peguam belaka. Macam mana satu dakwaan ataupun tuduhan jenayah lepas itu kita hadkan masa. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk menyiasat seseorang itu atas tuduhan kita harus siasat dengan baik. Keterangan-keterangan bukti yang jelas kerana setelah keterangan itu diambil menurut undang-undang juga yang digubal oleh Parlimen itu seperti Akta Keterangan diambil kira lalu

kita bawa di mahkamah. Kerana sampai di mahkamah itu Ahli-ahli Yang Berhormat yang tertuduh juga punya peguam-peguam tertentu. Begitu. Jadi bukan kita buat penyiasatan yang tidak rapi tetapi persoalan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi itu mesej dia sekali lagi, kita tahu mesej dia bagi saya ialah Kerajaan Barisan Nasional sengaja melambat-lambatkan ini. Itu mesej dia.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Boleh bagi jalan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Bukan ada mesej lain kerana Ahli Yang Berhormat menutup fikiran Yang Berhormat kepada semua perkara-perkara lain termasuk undang-undang yang perlu dulu dilalui legal process. yang juga telah dibuat oleh Dewan ini. Ahli Yang Berhormat tutup fikiran Ahli Yang Berhormat dengan itu kerana Ahli Yang Berhormat bukan dalam pentadbiran kerajaan. Itulah saya katakan fikiran sempit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Mana ada kes ada had masa untuk ditentukan. Apalagi dalam kes besar seperti ini.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kemaman ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Minta penjelasan. Ini mengenai kes PERWAJA ini kita difahamkan....

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Nanti dulu, nanti dulu. Tuan Yang di-Pertua, nanti perkara-perkara begini saya akan sentuh lagi. Nanti kalau mahu timbulkan itu timbulkan dalam

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu tidak kena-mengena kalau kita hendak buat soalan kena tajuk yang tengah dibincangkan. Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini hak BPR ya. Boleh ya.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, ini Kubang Kerian banyak sudah masa saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tapi yang lain-lain pula saya tidak ada masa lagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini tajuk BPR Yang Berhormat. Tidak berkait dengan PERWAJA.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi. Pokok Sena, yang mana hendak bagi dua orang. Pokok Sena. Dia bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih pak. Tadi Yang Berhormat mengatakan tentang soal kes siasatan Dato' Murad ini masih dalam siasatan dan ia perlu ambil masa dan sebagainya. Tetapi yang saya hendak persoalkan bagaimana sesuatu siasatan yang sudah dibuat oleh pihak BPR tetapi sehingga sekarang walaupun pihak BPR telah mencadangkan beberapa cadangan pertuduhan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri dan ini Yang Berhormat sudah pun disahkan secara tidak langsungnya dalam kes ketua Pemuda KeADILan, saudara Ezam yang didakwa atas tuduhan Akta Rahsia Rasmi kerana kononnya mengedarkan dokumen rahsia berkaitan dengan penyiasatan BPR dan pihak pendakwa mengakui bahawa dalam kes tersebut dokumen tersebut ialah berkaitan dengan penyiasatan ke atas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang di mana di dalamnya mengandungi lima pertuduhan yang dicadangkan oleh BPR supaya dihadapkan menteri tersebut ke muka pengadilan.

So, bagaimana keadaan ini yang berlarutan sehingga sekarang tanpa sebarang tindakan daripada pihak kerajaan dan inilah yang menyebabkan timbul berbagai-bagai pentafsiran yang meletakkan wibawa BPR dan wibawa soal pendakwaan kita ini sangat lemah. Saya rasa Yang Berhormat tidak lagi boleh menggunakan alasan bahawa pemikiran sempit. Kalau itulah alasan yang akan digunakan Yang Berhormat bermakna pemikiran Yang Berhormatlah yang terlalu sempit tiada jawapan lain melainkan jawapan sempit. *[Ketawa]*

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua saya akan gunakan lagi sempit itu. *[Ketawa]* Saya akan gunakan kerana saya rasa relevan.

Saya akan jawab persoalan Yang Berhormat tadi nanti sewaktu saya menyentuh dengan soal khusus tadi yang berkaitan dengan Kuala Kangsar. Boleh? Tidak apa. Boleh? Sabar dulu sekarang. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan;

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Marang ingin tahu kenapa pihak-pihak yang melakukan penyelewengan ke atas wang PERWAJA Steel tidak didakwa. Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Perlahan-lahan banyak lagi cerita. Untuk makluman Yang Berhormat Marang siasatan terhadap penyelewengan PERWAJA Steel dibawah Tan Sri Eric Chia telah dijalankan oleh pihak BPR dan Polis Diraja Malaysia. Siasatan BPR terhadap kes berkenaan belum lagi selesai dan masih berterusan *[Seprang Ahli bangun minta penjelasan]* Nanti dulu. Dengar dulu nanti minta penjelasan. Ini baru kita mahu bercerita sudah mahu minta penjelasan.

[Seorang Ahli menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Janganlah sambil duduk Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Jabatan Peguam Negara telah meminta BPR mengambil beberapa tindakan lanjut berkaitan laporan awal siasatan yang telah dikemukakan terhadap Tan Sri Eric Chia berhubung dengan penyelewengan yang dikatakan berlaku dalam PERWAJA Steel. Tindakan-tindakan tersebut di antaranya melibatkan rakaman percakapan ataupun recording of statement, dengan izin, saksi-saksi dari luar negara yang perlu diambil sebelum Jabatan Peguam Negara dapat membuat sebarang keputusan muktamad mengenai dengan siasatan berkenaan. Langkah-langkah selanjutnya yang akan diambil oleh BPR adalah untuk mendapatkan kerjasama saksi-saksi di luar negara umpamanya di Jepun. Pendakwaan terhadap pihak yang menyelewengkan wang PERWAJA Steel hanya akan dapat dibuat setelah BPR selesai menjalankan siasatannya dan setelah pihak Jabatan Peguam Negara berpuas hati dengan keterangan dan bukti yang diperolehi bagi membolehkan proses pendakwaan dijalankan. Sila.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya difahamkan bahawa mengenai PERWAJA ini bahawa Price Water House sudah membuat laporan audit ataupun laporan

penyelewengan yang berlaku di PERWAJA dan dalam laporan itu sudah mempunyai bukti-bukti yang cukup untuk membuat pendakwaan kepada pengurusan. Daripada laporan yang dikeluarkan oleh Price Water House sahaja pun sudah mempunyai bukti yang cukup dan laporan ini siap 1996 mengapa sehingga hari ini masih lagi jawapan yang sama diberikan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf saya gunakan lagi, 'fikiran sempit' itu, terpaksa! Bolehkah Yang Berhormat, sesuatu laporan daripada sesuatu badan itu menentukan bahawa yang tertuduh bersalah dan tidak, lagi pun Yang Berhormat sendiri tadi menggunakan istilah 'saya telah difahamkan', you have been inform. Siapa yang fahamkan kepada Ahli Yang Berhormat, ataupun ini cuma cerita kedai kopi yang selalu pembangkang sangat ghairah untuk sebarakan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Nanti dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak beri maklumat, sebab dia tanya tadi. Bolehkah?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Ya, ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak. Perkara ini sebenarnya telah.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya beri dia laluan, saya cuma hendak tahu sama ada saya ada had untuk membahar atau tidak bagi menteri. Jadi bermakna, bagi saya Tuan Yang di-Pertua, siapa daripada di antara mereka ini pun saya sanggup jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Sampai besok pun boleh. *[Ketawa]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Okay, okay!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Buat permulaan ini Datuk Menteri tidak ada had. Ya sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih banyak. Saya tidak berani hendak berlawan, saya cuma datang hendak bertanya sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila tanya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat kata tadi daripada mana Yang Berhormat Kemaman dengar maklumat tentang laporan Price Waterhouse. Untuk makluman Yang Berhormat, bekas Timbalan Perdana Menteri kita yang sekarang sedang merengkok dalam penjara di Dewan ini pada 16 Mei 1996, telah mendedahkan laporan Price Waterhouse dengan terperinci termasuk penyelewengan yang dilakukan oleh Perwaja dalam negeri, tak payah pergi Hong Kong, tak payah pergi Jepun. Itu yang saksi Jepun payah nak cari, saksi di Hong Kong payah nak cari, kita ada excuse. Yang dalam negeri, kenapa sampai hari ini laporan polis yang pernah dibuat oleh Lim Kit Siang, yang dibuat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, tak selesai disiasat dan pada masa yang sama dalam tahun ini kita memperuntukkan RM1.167 bilion, RM1,167 kita hendak bagi lagi pada Perwaja, laporan dahulu belum siap lagi, dan jikalau Yang Berhormat rujuk balik kepada apa yang disebut oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam ucapannya, dikategorikan penyelewengannya, kerugiannya, pengurusannya dan kerugian kerana tukaran wang.

Jadi itu penjelasan yang saya hendak berikan dan di samping itu kalau boleh saya hendak tanya bila agak-agaknya selesai siasatannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanya bila lagi, ya sila jawab.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf sempit lagi [*Ketawa*] Masih belum, masih belum mereka menggunakan fikiran yang terbuka. Dalam soal menyiasat, menuduh, mendakwa, membawa ke mahkamah, membela lepas itu pula keputusan, bukan senang seperti Ahli-ahli Yang Berhormat fikir. Bukan bermakna satu laporan daripada Price Waterhouse, satu lagi pendedahan daripada bekas Menteri Kewangan sudah menentukan bahawa yang tertuduh itu bersalah atau tidak kerana Tuan Yang di-Pertua, setiap kesalahan itu ada mempunyai undang-undang dan prosedur dan peraturan-peraturan tertentu yang diikuti, yang telah juga digubal oleh Dewan yang mulia ini.

Jadi sekarang apa yang dibuat oleh BPR mengenai dengan kes ini cuma setakat untuk mengikut prosedur-prosedur yang tertentu, kerana pihak-pihak yang tertuduh ini adalah mereka yang berkedudukan dan kenamaan, bukan kita sewenang-wenang untuk menganiaya orang. Setelah segala bukti-bukti termasuk keterangan saksi

daripada luar negara kerana kerajaan tidak akan mengambil tindakan kepada seseorang kalau umpamanya bukti itu tidak lengkap, yang kita tahu bahawa setelah datang di mahkamah kita akan kalah. Kalau itu kita buat kita juga telah merugikan rakyat kerana perbicaraan itu yang memakan berbulan adalah menggunakan wang rakyat. Itulah saya katakan sempit.

Jadi sekarang ini penyiasatan masih ada, apa seandainya kalau misal kata, kita katakanlah di sini umpamanya pada hari ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Ya, point of order atau pun penjelasan, kalau penjelasan minta maaf, saya belum habis lagi penjelasan saya di situ. Ini semua fikiran dia sempit ini Tuan Yang di-Pertua, tidak apalah Sabah akan buka fikiran semua ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Umpamanya kalau saya katakan di sini, adakah ini akan memuaskan hati saudara kalau saya katakan, oh! penyiasatan BPR sekarang ini sudah kompetit, dan sekarang tiada tindakan apa-apa. Sudah tentu saudara tidak akan berpuas hati kerana saudara mengatakan kenapa penyiasatan terburu-buru. Selepas itu saudara menuduh bahawa BPR ini adalah satu badan yang tidak bebas [*Disampuk*] Bukankah begitu. Tetapi masalah saudara-saudara sebelah sana, kalau umpamanya saudara yang terkena, didakwa, lepas itu pula dilepaskan oleh mahkamah, kamu puji dengan sistem perundangan kita, baik. Tetapi kalau ada pihak sebelah sini yang dihadapkan di mahkamah, lepas itu pula didapati tidak bersalah, kamu bilang bahawa kita tidak mempunyai 'keyakinan', seperti perkataan yang selalu dibuat oleh Kuala Kedah. Itu perbezaan kita. Kita mempunyai fikiran terbuka, saudara-saudara di sana mempunyai fikiran sempit.

Kalaulah saudara-saudara sendiri daripada pembangkang tidak menaruh keyakinan kepada sistem yang kita gubal, yang sudah kita bina bersama, yang kita bentuk sampai kini, orang mana yang akan menaruh kepercayaan.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kepong ya, sila Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya dengar suara yang 'berdengking-dengking' tadi. Saya percaya Yang Berhormat hendak mendaulatkan undang-undang di dalam negara ini. Kita di sini bukan semua sempit, kita memang dengan fikiran terbuka. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, berapa tahun yang kita perlukan untuk memastikan yang disyaki itu salah atau tidak. Saya setuju kalau tidak ada bukti yang lengkap, kita tidak boleh menuduh orang.

Walau bagaimanapun bolehkah Yang Berhormat terangkan, setakat ini tempoh siasatan yang telah pun dilaksanakan dan kemudian bilakah dijangka akan diselesaikan dan selepas diselesaikan apakah tindakan yang akan diambil mengikut kes yang disiasat. Bagi kita tahu, kerana kalau tidak silap saya lima tahun dah sekarang ataupun lebih? 1996, lebih empat tahun dan pihak kerajaan pun sudah mengumumkan siasatan ini dan pada satu ketika di dalam Dewan yang mulia ini pun ada buat penjelasan.

Boleh Yang Berhormat, ini bukan sempit, ini terbuka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Kepong ya, cukup ya. Saya sebelum ini, sebab beberapa kementerian lagi hendak jawab, kita hanya ada dua hari. Jadi terpulanglah kepada menteri yang terlibat, menyesuaikan jawapan itu dengan masa, sebab kita hanya dua hari, hari ini dengan besok untuk menteri-menteri menjawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, biasanya untuk Perdana Menteri, memang dia mengambil masa panjang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya itulah hanya saya beritahu, macam itulah. Saya faham lah tu. Sila menteri

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri ini ada dua menteri yang menjawab, saya dan Ahli Yang Berhormat bagi Kinabalu. Jadi selepas saya, Ahli Yang Berhormat bagi Kinabalu. Jadi panjang cerita ini. Jadi kalaulah Ahli Yang Berhormat terdesak untuk berdiri juga meminta supaya kita perjelaskan, insya-Allah kita perjelaskan. Tetapi

seperti saya katakan tadi, janganlah soalan Yang Berhormat itu mesej tersembunyi itu *the innuendo meaning, is political*. Itulah saya katakan sempit.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi persoalan daripada Kepong, dia minta saya beritahu kepada beliau berapa lama lagi. Dalam soal kes jenayah yang sebesar begini, kita tidak boleh hadkan masa. Tidak boleh kita hadkan masa dan dalam kes yang kompleks begini dan orang-orang terlibat pula, orang-orang yang berkedudukan dan saksi-saksi tertentu sekarang ini, kerana sekarang ini sedang kita mengumpul maklumat mengikut keterangan *recording of statement* daripada saksi-saksi yang kita fikir boleh membawa mereka ini ke penjara.

Kita tidak akan membawa satu kes, sampai di mahkamah lepas itu dibela oleh satu QC daripada mana-mana luar negara, lepas itu kita kalah. Kita tidak mahu tetapi persoalan-persoalan Yang Berhormat itu seolah-olah kerajaan menutup kes ini. Itu dia punya mesej. Dan saya tidak boleh tentukan bila, tetapi sekarang ini Ahli Yang Berhormat bagi Kepong harus sedar kes yang kompleks seperti ini memerlukan keterangan-keterangan yang jelas.

Telah pun saya sebutkan tadi bahawa AG Chambers telah pun memberi arahan kepada BPR sehingga kita keluar negara, dan kalau umpamanya saksi-saksi di luar negara itu terpaksa kita rekod statement, timbul lagi persoalan hubungan antarabangsa di antara Malaysia dengan negara yang terlibat.

Ada lagi satu dasar dan polisi, peraturan yang harus kita ikuti. Kita tidak boleh sewenang-wenangnya masuk dalam negara orang luar dengan kita punya penyiasat-penyiasat dari BPR, lepas itu mengejar orang-orang Jepun umpamanya untuk merekod statement mereka kerana itu bukan negara kita. Itulah makanya, ini semua mengambil masa.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat menteri, Yang Berhormat menteri, Yang Berhormat bagi Jeli bangun.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kemaman menggesa kerajaan supaya memberi kebebasan kepada BPR untuk menjalankan siasatan dan melaporkan kepada Parlimen, paling sempit.

Saya akan terangkan kenapa paling sempit, untuk maklumannya Yang Berhormat sememangnya BPR adalah bebas untuk menyiasat sesiapa sahaja mengikut kuasa-kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang. BPR menyiasat pun mesti mengikut peraturan-peraturan, seksyen-seksyen tertentu di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997. Dia mesti ikut itu, dan undang-undang itu digubal oleh Dewan yang mulia ini. Tetapi dalam persoalan di sini, Ahli Yang Berhormat berkenaan minta perkara itu dilaporkan kepada Parlimen. Mahu dibincang di Parlimen supaya pengikut-pengikut, penyokong-penyokong mereka di kawasan masing-masing dapat dengar yang..., sedangkan kita telah menggubal undang-undang bahawa dalam peringkat penyiasatan mesti dirahsiakan, cuma pegawai-pegawai BPR dan pendakwaraya sahaja boleh tahu, bukan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tugas kita di sini adalah menggubal undang-undang, bukan sebagai investigator, penyiasat. Ada penyiasat dan kita ada judiciary system. Ini yang fikiran ini paling sempit sekali, sempit.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat menteri.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Nanti dulu, nanti dulu, belum saya siap, saya akan beri laluan jangan susah, saya akan beri laluan.

Seksyen 8 Akta Pencegahan Rasuah 1997, memberi kuasa kepada pegawai-pegawai BPR untuk membuat penyiasatan secara bebas. Dia bebas, ini mengikut Seksyen 8, kalau dia menyiasat luar daripada Seksyen 8 ini bermakna dia telah menyalahgunakan kuasa. Ingat Seksyen 8 ini, kita yang gubal dalam Parlimen. Dia juga harus mengikut undang-undang, bukan dia ikut oleh kerana kehendak sesetengah wakil rakyat. Tidak, saya baca, seksyen ini berbunyi "*Maka adalah menjadi kewajipan Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai badan untuk menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang perlakuan, kesalahan di bawah Akta ini dan menyiasat mana-mana aduan itu sebagaimana yang difikirkan praktik oleh Ketua Pengarah atau pegawai-pegawai itu*". Dia bebas, seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat Pokok Sena tadi. Yang Berhormat daripada 'Kangar' disiasat.

Seorang Ahli: Kuala Kangsar.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Kuala Kangsar, disiasat. Statement kena recorded. Biasanya kalau anggota pentadbiran setinggi begini, bertaraf menteri protokolnya orang-orang pendakwa dan polis ini mesti tabik hormat, tetapi oleh kerana dia bebas, dia tidak payah tabik hormat, dia terpaksa berdepan dengan penyiasatan berjam-jam. Ini Kuala Kedah tahulah ini, bekas..., dia ada menghadapi kes mahkamah, macam mana diambil statement dan sedemikiannya. Tahukan, macam mana rasanya, orang tertuduh?

Tuan Mohamad bin Sabu: Tahulah, ini nak tanya ni. *[Ketawa]*

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Belum lagi, belum lagi beri laluan. Dia tahu.

Jadi bermakna tuduhan itu adalah soal pertama. Mendakwa soal kedua. Menang atau tidak soal ketiga, dan menuduh ini itulah hukum Islam seperti kamu semua yang di sebelah sana. Kalau misal kata tuduhan itu berunsur fitnah, itulah maka dikatakan oleh Islam itu adalah dosa besar. Itulah makanya kita menyiasat lebih terperinci.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sudah masuk kes Kuala Kangsar.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Belum lagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Belum lagi!

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Belum lagi, akan masuk.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pasal tadi sudah disebut.

Seorang Ahli: Kalau masuk, sensitiflah jadinya.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Akan masuk, belum lagi. Namun begitu setelah tadi saya baca Seksyen 8, yang seksyen tadi itu, namun begitu hasil siasatan sesuatu kes tidak boleh dibincangkan, Ahli Yang Berhormat bagi Kemaman dia minta dilaporkan dalam Parlimen ini. Dia tidak boleh bincangkan secara terbuka atau didedahkan termasuk dibincangkan dalam Parlimen ini selaras dengan peruntukan kehendak Seksyen 21(4) iaitu oleh kerana ia masih diperingkat penyiasatan maka dia adalah rahsia. Rasionalnya untuk merahsiakan hasil siasatan BPR - tolong dengar baik-baik supaya jangan lagi berfikiran sempit. Rasionalnya untuk merahsiakan hasil siasatan BPR adalah kerana sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum sesuatu siasatan yang dijalankan itu belum tentu membuahkan bukti bahawa mereka yang disiasat telah melakukan kesalahan rasuah atau tidak dan dalam jenayah lain juga bukan bermakna

yang tertuduh itu salah atau tidak, Kuala Kedah telah mengalami ini dia tertuduh tetapi mahkamah bilang tidak, tetapi proses itu, dia menjalani proses yang amat perit dan pahit sekali. Tetapi kita di Barisan Nasional tidak berfikiran sempit, dia menang, Alhamdulillah, dia menanglah, tahniah Yang Berhormat Kuala Kedah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Penjelasan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Belum lagi Tuan Yang di-Pertua, saya masih ada mood untuk bercakap.

Saya ulangi, sesuatu siasatan yang dijalankan itu belum tentu membuahkan bukti bahawa mereka yang disiasat telah melakukan kesalahan rasuah. Pendedahan akan menimbulkan pandangan negatif dan prejudis terhadap mereka yang disiasat. Jika mereka ini dituduh di mahkamah pula, pendedahan sedemikian akan menimbulkan keadaan subjudis semasa perbicaraan. Kita juga ada mempunyai undang-undang dan peraturan, apa-apa kes yang sedang dibicarakan tidak boleh kita perbincangkan secara terbuka kerana itu apa yang dinamakan prejudis.

Dalam Dewan yang mulia ini sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Tetap 36(2) Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat “...*tidak membenarkan Ahli-ahli menyentuh perkara-perkara yang sedang dan dalam pertimbangan mahkamah sekiranya pada pendapat Pengerusi perkara tersebut menjejaskan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu*”

Yang Berhormat Kemaman perlu maklum kepada peruntukan seksyen 24(4) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang telah saya nyatakan sebentar tadi. Yang Berhormat Kemaman meminta supaya diperbincangkan di Parlimen kerana mungkin menurut beliau bahawa Parlimen ini ‘is the highest law making body’ tetapi dia silap, fikiran sempit, kita membuat undang-undang ‘we are legislature’. Anggota pentadbiran adalah eksekutif, perundangan adalah judiciary, ini adalah ‘separation of power’ ataupun saya minta ‘legal lecture’ lagi supaya membuka fikiran-fikiran yang sempit ini.

Kerajaan sentiasa memastikan bahawa tindakan yang diambil dibuat secara adil dan mengikut lunas-lunas undang-undang yang kita semua gubal di Dewan ini. Pendakwaan sesuatu kes hanya akan dapat dibuat apabila pihak Jabatan Peguam Negara kerana itu tugas pendakwaraya. Pendakwaan cuma akan dibuat apabila pihak Jabatan Peguam Negara berpuas hati terhadap bukti dan keterangan yang mencukupi untuk

berbuat sedemikian. Kalau seumpamanya sesuatu kes penyiasatan sampai diperhatikan Peguam Negara, dia berpuas hati dengan segala keterangan yang diambil bahawa boleh dibawa ke mahkamah maka dia akan dibawa ke mahkamah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kemaman yang kita mengatakan bahawa BPR bebas menyiasat dan kerajaan menjamin bahawa kita akan bersikap adil, terdapat pemimpin politik kerajaan termasuk Menteri Besar, Ketua Menteri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang didakwa di mahkamah dan ada di antara mereka yang masuk penjara kerana salah di sisi undang-undang.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Datuk Menteri yang berfikiran terbuka yang baik hati, minta maaf kerana kami semua berfikiran sempit.

Cuma satu pertanyaan Yang Berhormat Menteri, masalah Perwaja ini ia bermula 1980, kerajaan telah membelanjakan melebihi RM10,000 juta untuk Perwaja dan keadaan Perwaja sudah berpindah tangan seperti mana bertukarnya pakaian. Keadaan Perwaja sehingga sekarang 'hidup segan mati tak mahu'.

Yang menjadi masalah sekarang ini bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan pada 1996 melalui Parlimen ini juga telah menggariskan secara terang-terang, itu di Parlimen tempat penggubal undang-undang paling tinggi. Jadi sekarang kalau 1996 tahun 2000 belum ambil keputusan, dalam siasatan, dalam siasatan sehingga orang tertuduh mati, lepas orang tertuduh mati, anaknya pula mati, seratus tahun belum ambil keputusan, ini apa? Zaman IT, ini zaman IT. Apakah kita sudah mahu kebelakang. Jadi yang terkini bukan lapuk dek zaman, kita hendak tanya bila, kalau jawab dalam proses, sampai bila-bila pun tidak selesai dalam proses ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang berfikiran terbuka.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya sudah dengar mesej Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingin dapat tahu sama ada ucapan Yang Berhormat panjang lagikah?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Kalau saya beri cepat barangkali setengah jamlah, tetapi dengan gangguan begini barangkali dua hari pun tidak siap.

Tetapi kalau kita tidak beri laluan kepada mereka ini, dia tidak berpuas hati, itu lagi terlampau sempit, bukan lagi terlampau sempit, dia kurang dengar, mulut saya 'berboya' tadi memberi keterangan bahawa dalam kes penyiasatan jenayah yang sekompleks ini, tidak ada masa yang perlu dihadkan, tidak ada. Kalau umpamanya, misalnya adakah Yang Berhormat berpuas hati kalau saya katakan 'okay, case close, not case'? Tidak, cerita bukan berakhir di sana, Yang Berhormat kata, oleh kerana ini adalah kroni maka ianya disembunyikan dan Yang Berhormat akan pergi ke kawasan Yang Berhormat mengatakan itu. Itu mesejnya Yang Berhormat, saya tahu.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya tidak kata pun. Tidak pernah kata.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Kita tahu, kita faham maksud Yang Berhormat, itulah yang ada antara yang lain ini senyap kerana kita tahu apa sebetulnya mesyuarat itu seperti apa yang dikatakan oleh Kepong, itu ikan ia berkilat sahaja kita tahu jantan betinanya, kita tahu.

Saya sudah terangkan, sekarang ini masih dalam penyiasatan dan hairankah Yang Berhormat kalau umpamanya ada 'key witness' dalam sesuatu kes bahawa 'witness' itu sengaja untuk melarikan diri tidak mahu bekerjasama dengan kerajaan. Hairan? Saya tidak hairan, ataupun pihak yang tertuduh bukan saya bercakap mengenai dengan kes ini 'hypothesis', andaian. Orang yang tertuduh umpamanya, kalau dia betul-betul bersalah dan selepas itu mengupah pula saksi-saksi itu lari ke mana-mana negara, hairan Yang Berhormat? Selepas itu adakah Yang Berhormat puas hati kalau umpamanya kerajaan bawa sahaja kes ini ke mahkamah, tanpa keterangan yang jelas, selepas itu kerajaan kalah. Yang Berhormat tidak berpuas hati, Yang Berhormat tidak akan menyalahkan lagi sistem perundangan kita. Itu persoalannya, itu persoalan yang sebenar, bukan soalan-soalan yang ditanya ini, kita ini Yang Berhormat cuma bertikam lidah sahaja, inti dia itu kita faham, orang Sabah tidak bodoh.

Tuan Yang di-Pertua, mana kita tidak berkata sempit, dia bawa pula kes sudah pun ada undang-undang, dia tahu. Selepas itu dibawa, diperbincangkan secara terbuka di Parlimen. Sedangkan akta yang dia sendiri gubal, dia tidak tahu, mana tidak sempit. Saya tidak mahu gunakan perkataan yang lebih dahsyat daripada itu, saya cuma perkatakan sempit sahaja, cukup memadai untuk sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dungun membangkitkan penyelewangan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum pilihan raya umum yang lepas di mana kononnya Jawatankuasa Hisbah iaitu kerajaan baru sekarang di Terengganu, mendapati pemimpin Barisan Nasional meminta wang berjumlah RM400,000 bagi setiap perjanjian balak ataupun 'approval of timber concession' yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional daripada permohonan pembalak.

Sewaktu saya dengar Tuan Yang di-Pertua, wakil daripada Dungun waktu bercakap itu saya ambil tahu siapa sebenarnya wakil rakyat Dungun ini, saya dapat tahu bahawa beliau ini adalah peguam [*Disampuk*] Guru besar, saya tahu juga bahawa dia sekarang ini Exco. Jadi dia sekarang ini anggota kerajaan, kalau umpamannya terbukti sudah didapati oleh Jawatankuasa Hisbah, apa lagi hendak berlengah-lengah mahu pergi berjumpa BPR, hantarlah pergi BPR, kenapa dibangkitkan di Parlimen, apa sebab? Itu semua adalah publisiti murahan. Itu cuma...., umpamanya kalau public gallery itu penuh, 'in another words, you are playing music to the ear of the people who wants to hear', itu sahaja.

Jadi kerajaan amat memandang berat kepada dakwaan Yang Berhormat dan sekiranya dakwaan tersebut benar ianya perlu dilaporkan dengan segera kepada BPR agar tindakan mengikut proses perundangan dapat dimulakan dengan segera. Kita menunggulah.

Yang Berhormat Pokok Sena ingin tahu [*Memandang kepada Y.B bagi Pokok Sena*] Ini persoalan Yang Berhormat, dengar baik-baik, Yang Berhormat Pokok Sena ingin tahu kenapa Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz, mohon izin, saya terpaksa sebut nama sebab dia sebut nama juga, ataupun wakil rakyat bagi Kuala Kangsar tidak didakwa di mahkamah sedangkan BPR mengatakannya bebas menyiasat siapa sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat BPR adalah bebas seperti yang saya katakan tadi untuk menyiasat sesiapa sahaja. Kebebasan BPR untuk menyiasat termaktub di bawah Seksyen 8, saya ulangi balik, Akta Pencegahan Rasuah 1997 di mana ia menyebut, saya ulang balik, "*Maka adalah menjadi kewajipan Ketua Pengarah dan Pegawai-pegawai Badan untuk menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang perlakuan kesalahan di bawah akta ini dan menyiasat mana-mana aduan itu sebagaimana yang difikirkan praktik oleh Ketua Pengarah atau Pegawai-pegawai itu*"

Wording Seksyen 8 ini telah dibincang dalam Dewan yang mulia ini, telah dibincang dalam peringkat Jawatankuasa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun yang baru menang itu dia terpaksa juga tahu, mesti dia baca *Hansard*. BPR telah pun menjalankan siasatannya terhadap Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Pokok Sena iaitu pemberian saham kepada menantu beliau, BPR telah membuat penyiasaan.

Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, dengar baik-baik, mana tahu ada lagi soalan tambahan, atau penjelasan, kuasa untuk menentukan sama ada sesuatu kes dibawa ke mahkamah atau tidak terletak di bawah bidang kuasa pendakwaraya sebagaimana yang diperuntukan oleh Seksyen 26 Akta Pencegahan Rasuah. Itu juga seksyen ini digubal dalam Dewan ini, dia berbunyi seperti demikian, "*Pendakwaan sesuatu kesalahan di bawah akta ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan pendakwaraya*".

Pendakwaan sesuatu kes pula akan dibuat hanya apabila pendakwaraya berpuas hati terhadap bukti dan keterangannya mencukupi untuk berbuat demikian bukan berunsur fitnah, bukan berunsur cerita kedai kopi, bukan 'saya telah difahamkan', bukan oleh laporan satu pihak yang tidak lengkap, itu proses perbicaraan. Memang orang yang berdepan di mahkamah ini, orang professional, bukan macam kita Ahli-ahli Yang Berhormat. Kadang-kadang ada peraturan tetap pun kita tidak ikut. Di sana tidak, you melangkah sahaja you punya Evident Act, you tidak tahu Akta Keterangan, you soal satu perkataan sudah ada objection, 'in his lawship will say, sorry!', sama ada dia bilang diteruskan ataupun tidak diteruskan, itu cara berbicara.

Dalam hal ini sesuatu kesalahan itu cuma boleh diteruskan sekiranya, pendakwaraya bilang, 'okay diteruskan kerana bukti jelas'. Pendakwaan sesuatu kes pula akan dibuat hanya keterangan jelas. Kuasa Peguam Negara untuk mendakwa atau tidak mendakwa, kuasa dia, kita yang beri kuasa kepada dia, dia boleh mendakwa atau tidak mendakwa, mana tahu satu ketika nanti anak atau cucu kepada wakil rakyat bagi Kuala Kedah jadi Peguam Negara, tidak hairan, kerana sekarang ini pun sudah mengatakan bahawa sini spesis terakhir dan saya tidak bersetuju dengan itu, sebelah sana yang spesis terakhir yang berfikiran sempit ini, saya tidak sama sekali setuju.

Okay, kuasa yang kita beri kepada Peguam Negara adalah seperti termaktub di bawah Artikel 145(3), Perlembagaan Persekutuan. Ini di bawah Perlembagaan Persekutuan dan berbunyi seperti berikut; *“Peguam Negara adalah mempunyai kuasa, kita kasi kuasa itu, Parlimen kasi kuasa itu, dan kuasa itu hendaklah dijalankan menurut budi bicaranya...”*. Discretion, ini wording telah dipertimbangkan dalam Dewan yang mulia ini. Kalau umpamanya budi bicaranya ini tidak boleh digunakan, kenapa tidak dibangkang dahulu. Ini kuasanya, *“...bagi membawa, menjalankan atau memberhentikan apa-apa perbicaraan mengenai sesuatu kesalahan lain daripada perbicaraan di hadapan mahkamah Syariah, mahkamah bumiputera atau mahkamah Tentera”*

Untuk makluman Yang Berhormat Pokok Sena, setakat ini di mana-mana negara sekalipun yang mengamalkan sistem demokrasi seperti kita, perasingan kuasa menyiasat dan mendakwa telah wujud bagi mengelakkan ketidakadilan dan pengasingan ini perlu supaya satu sistem ‘check and balance’, dengan izin, diwujudkan. Untuk membenarkan sebuah agensi yang menjalankan siasatan lalu membuat keputusan pula untuk mendakwa akan mempunyai implikasi negatif ke atas prinsip-prinsip kuasa tersebut.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: nanti dulu, saya belum selesai pasal ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman lanjut

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Belum lagi siasat.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Ahli Yang Berhormat Pokok Sena dan Dewan yang mulia ini, setelah penyiasatan bebas dibuat terhadap wakil rakyat Kuala Kangsar dilakukan oleh BPR selaras dengan seksyen yang saya sebut tadi, terhadap kes Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri selaras dengan peruntukan Seksyen 8, Akta Pencegah Rasuah 1997. Setelah penyiasatan bebas di bawah Seksyen 8 dilakukan, pihak BPR telah mengemukakan hasil siasatan tersebut kepada pihak pendakwa raya untuk mengambil tindakan selanjutnya selaras dengan kehendak peruntukan di bawah Seksyen 26, Akta Pencegah Rasuah dan Seksyen 50, Akta Pencegah Rasuah 1997 dan setelah meneliti hasil siasatan kes tersebut pihak pendakwa raya berpendapat dan berpuas hati bahawa tidak ada keterangan dan bukti bahawa menteri yang berkenaan harus dan

perlu didakwa di mahkamah di bawah mana-mana peraturan di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997.

Tuan Yang di-Pertua, dalam erti kata yang lain, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah bebas dari segala tuduhan berhubung dengan perkara yang berbangkit dan saya mohonlah supaya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang tidak lagi membangkitkan isu ini kerana inilah keputusannya bahawa penyiasatan telah selesai. BPR telah mengemukakan dokumen penyiasatan kepada pendakwa raya. Pendakwa raya berpuas hati bahawa tidak ada kes terhadap Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Tidak ada kes.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Pokok Sena bangun.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: You tanya pasal apa, pasal saya bilang tidak ada kes. Tidak boleh lagi, tidak boleh lagi, Tuan Yang di-Pertua, pasal tidak ada kes.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya hendak minta penjelasan. Berilah. Kan hari ini...

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Okay, boleh.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:Yang Berhormat sudah menjadi 'pendekar'. *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa pihak Jabatan Peguam Negara, pihak pendakwa raya sudah pun berpuas hati dengan hasil siasatan yang dibuat oleh BPR dan mendapati bahawa tidak wujud kes terhadap Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar untuk didakwa dia di bawah mana-mana seksyen di bawah akta BPR sedangkan saya difahamkan cadangan yang dibuat oleh BPR berasaskan kepada pertuduhan yang kononnya dikatakan dilakukan oleh saudara Ezam Mohd. Nor ini yang kononnya mendedahkan dokumen itu, difahamkan kepada saya bahawa dokumen itu menyebut bahawa siasatan ke atas Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar ini ialah bagi menentukan sama ada Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar ini melakukan kesalahan di bawah Seksyen 2(1), Ordinan 22, Kuasa-kuasa Perlu Darurat 1970.

Jadi, saya hendak minta penjelasan tentang apa yang terkandung di dalam dokumen yang dikatakan, disahkan oleh pihak pendakwa di dalam kes saudara Ezam Mohd. Nor. Kemudiannya kenapa pihak Jabatan Peguam Negara tidak membuat apa-apa penjelasan selama ini mengatakan bahawa kes itu dia berpuas hati bahawa tidak ada apa-apa *prima facie*, tidak ada apa-apa kes terhadap Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar. Saya minta penjelasan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, terpaksa saya gunakan ‘fikiran sempit’ lagi. Terpaksa, saya terpaksa, kalau tidak terpaksa saya tidak akan gunakan itu. Pertamanya mengenai dengan kes Ketua Pemuda Keadilan, Ezam yang didakwa ini. Beliau didakwa oleh kerana dia mempunyai satu dokumen rahsia. Di dapati dalam tangan beliau satu dokumen rahsia dan untuk memiliki satu dokumen rahsia yang belum dibebaskan daripada kerahsiaan. Dan orang yang berkenaan kalau tidak berhak untuk memegang dokumen tersebut, dia kena dakwa.

Umpamanya, seperti anggota pentadbiran sekarang ini seperti saya. Sewaktu mengangkat sumpah jawatan, pun kita bersumpah bahawa segala apa yang kita tahu sewaktu kita dalam kerajaan, tidak boleh kita dedahkan kerana kita akan didakwa.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Nanti dulu! Nanti dulu....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya tidak membangkitkan soal pendakwaan terhadap Ezam tetapi yang saya bangkit, Yang Berhormat harus faham, jangan berfikiran sempit, terkongkong

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia:Nanti dulu.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sepertimana katak di bawah tempurung.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya belum habis.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya membangkitkan isu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena.....

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Speaker, inilah Tuan Speaker, dengan pembangkang ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...biar dia habiskan dulu.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Kalau kita sudah menjelaskan, dia rasa pedas, terus dia berdiri...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya membangkitkan soal isu bagaimana pendakwa secara tidak langsung memperakui bahawa dokumen yang didedahkan kononnya oleh Saudara Ezam ialah dokumen berkaitan hasil penyiasatan BPR yang diperakui, ditandatangani oleh Abdul Ghani Patail pada 14.3.1995.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Speaker, saya harus mengingatkan Yang Berhormat, apa Yang Berhormat sebut ini seolah-olah Yang Berhormat juga mempunyai dokumen tersebut. Yang Berhormat, hati-hati apa Yang Berhormat luahkan dalam Dewan yang mulia ini. *[Tepuk] [Ketawa]* Oleh kerana Ahli Yang Berhormat pun akan kena dakwa juga dengan mengeluarkan perkara-perkara rahsia kerana Ahli Yang Berhormat adalah bukan orang yang harus memegang dokumen-dokumen rahsia....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya tidak ada dokumen rahsia.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Jadi, nanti dulu, nanti dulu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa sekarang saya cabar kerajaan, kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa Jabatan Peguam Negara sudah mengatakan bahawa tidak ada *prima facie*, tidak ada kes ke atas Yang Berhormat Kuala Kangsar, sekarang kita mahu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:dokumen yang dikatakan rahsia itu dibebaskan daripada kerahsiaan untuk ditatap oleh seluruh rakyat Malaysia. *[Tepuk]* Ayuh!

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Speaker, dia orang bersorak di sana. Kalaulah begini bakal menjadi menteri-menteri di sebelah sini, konon sebagai Barisan Alternatif, Tuhan akan tolong kita. Tuhan akan tolong Malaysia, ditolak bala 144 malaikat. *[Ketawa]* Begitu punya pendapat. Kita mempunyai akta rahsia. Akta rahsia itu ialah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sukalah saya ingatkan ada ramai lagi menteri hendak jawab.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Dia ganggu, saya kasi laluan. Jadi, tolonglah oleh kerana saya sudah kena warning bahawa tidak lagi kasi laluan, jangan pula

menganggap bahawa saya tidak mahu kasi laluan. Itu daripada Tuan Speaker sendiri. Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jawab. Saya minta bebaskan dokumen itu daripada rahsia.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Untuk membebaskan dokumen daripada rahsia, ada juga masanya yang terhad. Kita tidak boleh memuakan satu orang daripada Pokok Sena ataupun pengikut saudara di Pokok Sena sana – Malaysia mempunyai rakyat yang berjuta-juta.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sekarang Yang Berhormat mengatakan bahawa Jabatan Peguam Negara berpuas hati, tidak ada kes terhadap Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar. Untuk apa lagi dokumen itu masih diklasifikasikan sebagai dokumen rahsia? Untuk apa?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Yang Berhormat, ini Yang Berhormat tidak faham.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya cabar, kalau Yang Berhormat benar-benar seorang pendekar, ayuh bebaskan! *[Disampuk]* Kalau tidak....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, teruskan, teruskanlah.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Yang Berhormat betul-betullah berfikiran sempit. *[Ketawa]* Langsung tidak faham dengan sistem pentadbiran perundangan dan sedemikiannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri yang kasi dia peluang. *[Ketawa]*

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Okay, sekarang saya tidak mahu kasi peluang. Saya masih berdiri, dia berdiri.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jawab, kenapa tidak jawab soalan saya.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Sudah saya jawab. Saya jawab tetapi jangan lagi bangun. Saya jawab.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Akta Rahsia, nanti dulu, nanti dulu. Akta Rahsia ada nanti masanya untuk perkara itu dibebaskan. Untuk dibebaskan ada.

Sekarang ini mesej daripada Ahli Yang Berhormat untuk *challenge* ini, saya cabar ini, maksud Yang Berhormat ialah untuk *political mileage* kerana seolah-olah Yang Berhormat menuduh bahawa sekarang ini kerajaan ada *cover up*. Yang Berhormat sendiri.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya tidak mahu kasi laluan lagi. Tidak ada, saya tidak mahu kasi laluan lagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya tidak mahu kasi lalun, sudah cukup.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Speaker, point of order.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:bahawa ada political mileage.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya tidak ada kasi laluan lagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini soal kepentingan negara, kepentingan rakyat. Pemikiran sempit.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Jadi, yang kita buat ini bukan untuk kepentingan rakyat? Untuk kepentingan Pokok Sena sahaja. Itulah saya katakan fikiran sempit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, daripada Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order 37(1). Minta seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang benar. Saya bersetuju dengan peraturan yang dikemukakan itu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tolonglah, ini sudah jadi macam kedai kopi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, teruskan ucapan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan kasi laluan lagi oleh kerana laluan-laluan yang saya kasi telah *diabusekan*, dengan izin.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Fikiran sempit, bagaimana hendak bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pokok Sena...

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Itu pandangan saya, saudara berfikiran sempit. Sudah pun kita kasi penerangan, lepas itu berdiri, lepas itu meluahkan pula pandangan-pandangan yang tidak munasabah. Remehlah bagi pendapat saya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tadi dia kata penyiasatan mahu berapa lama lagi. Kita bilang sedang dijalankan. Dia tanya berapa had. Jadi, kita bilang tiada had. Lepas itu kita bilang kes *closed*, lepas itu dia persoalkan balik. Macam mana ini? [*Ketawa*] Itulah kita kata mesej setiap perkataan Ahli Yang Berhormat. Itu ikan dia berkilat sahaja, kita tahu jantan betinanya. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Bintang minta supaya BPR supaya menyiasat pembinaan rel kereta api di Pulau Indah yang dikatakan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Ini dia mengatakan, selalu mereka mengatakan 'saya difahamkan', 'kami dapat tahu', *all this*. Dalam mahkamah, 'saya difahamkan' ini ataupun 'saya dapat tahu' ini *hearsay evidence, hearsay*, tidak boleh diterima.

Tuan Fong Kui Lun: [*Bangun*]

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya tidak kasi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Bintang bangun.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya tidak kasi laluan. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Yang Berhormat Bukit Bintang meminta supaya Badan Pencegah Rasuah menyiasat pembinaan rel kereta api di Pulau Indah yang dikatakan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, BPR telah menyiasat perkara yang dibangkitkan selaras

dengan peruntukan seksyen-seksyen yang saya sebut tadi dan didapati tidak ada unsur-unsur rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa. Apa lagi mahu tanya?

Tuan Kerk Kim Hock: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya tidak mahu kasi laluan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri tidak beri laluan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya tidak mahu kasi laluan lagi kerana nanti apa pun penjelasan saya tidak diterima dengan baik.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Datuk Speaker, 37(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...sepatutnya ikut peraturan.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order, Datuk Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Melaka perlu mengikut peraturan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Datuk Speaker, point of order. Minta semua duduk, saya hendak bercakap.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Termasuk menteri ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: 37(1), Datuk Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebab saya ingatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat perlu mengikut, mematuhi peraturan yang sedia ada.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri, teruskan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya cadang, tidak payah jawablah. Senang, buang masa kita sahaja. *[Tepuk]*

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya tetap akan jawab persoalan dibangkitkan. Kalau Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tidak mahu dengar, boleh

dipersilakan keluar. *[Disorak]* Kerana semua jawapan kita termasuk dalam *Hansard*. Kita bukan main-main sewaktu kita menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, saya ingat teruskan ucapan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya terpaksa buat response, Tuan Speaker. Tidak boleh kalau saya tidak buat response. Waktu dia berdiri itu pun belum saya kasi penjelasan lagi. Saya belum kasi laluan, dia terus cakap.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:: *[Menyampuk]*

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Dia panggil kita “spesis terakhir”, pergi Sabahlah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kita tidak bertanding di Sabah. Bukan jadi calon.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tak payah responlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Kedah meminta kerajaan membuat kajian pembangunan ekonomi di Kuala Kedah kerana taraf hidup penduduk terlalu rendah dan dalam keadaan daif. Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Kedah bahawa Kerajaan Persekutuan memang telah ada peruntukan khas yang boleh diminta oleh Kerajaan Negeri bagi menjalankan kajian pembangunan ekonomi negeri termasuk di daerah-daerah yang kurang maju termasuk di kawasan Yang Berhormat. Bagi negeri Kedah, kajian pembangunan ekonomi terakhir telah siap pada pertengahan 1990-an.

Yang Berhormat Kluang membangkitkan isu bayaran sijil pengesahan halal yang tinggi dan memohon supaya kerajaan mengkaji semula bayaran ini. Untuk makluman Yang Berhormat, isu yang dibangkitkan ini telah mendapatkan perhatian kerajaan dan pada masa ini beberapa perundingan khususnya yang melibatkan bayaran sijil pengesahan halal telah diadakan dengan pihak Persatuan Pengilang-pengilang Malaysia, Ilham Daya Sdn. Bhd. dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Pengumuman perkara ini akan dibuat apabila selesai perundingan tersebut.

Yang Berhormat Bagan telah membangkitkan mengenai salah tanggapan di kalangan orang-orang bukan Islam terhadap Islam terutamanya semasa kempen pilihan raya umum yang lalu dan seterusnya meminta kerajaan mengambil langkah memperbetulkan keadaan ini. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bagan dan Dewan yang mulia ini, bahawa salah tanggapan orang bukan Islam terhadap Islam telah lama berlaku tetapi tidaklah menyeluruh. Untuk memperbetulkan salah tanggapan tersebut, kerajaan sentiasa berusaha memberi penjelasan kepada orang bukan Islam mengenai agama Islam melalui pelbagai program seperti pelaksanaan dasar penerapan nilai-nilai Islam serta penubuhan agensi-agensi agama iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Usaha-usaha ini dijangka dapat menghapuskan kekeliruan dan salah faham orang bukan Islam tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Kota Belud membangkitkan perkara mengenai kelewatan Lembaga Tabung Haji memaklumkan jadual bertolak ke tanah suci kepada bakal-bakal haji dari Sabah...

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Kota Melaka bangun.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tadi Tuan Yang di-Pertua telah tegur saya,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi laluan tidak diberi, jadi Yang Berhormat sila duduk.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Yalah, kalau saya beri laluan nanti saya kena tegur balik.

Tuan Kerk Kim Hock: Tak apa Datuk, tak apa, jawab dengan baik.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam sistem pendaftaran haji terbuka, setiap bakal haji yang mendaftar untuk menunaikan fardhu haji, akan diberi nombor giliran yang dinamakan nombor merit. Pemberian nombor merit dibuat melalui sistem komputer yang didirikan khas berdasarkan kepada tarikh dan masa pendaftaran iaitu yang dahulu, didahulukan

manakala yang kemudian, dikemudiankan. Bakal-bakal haji akan dikategorikan seperti berikut:

- (i) jemaah haji terpilih iaitu yang mempunyai nombor merit sehingga 22,000 iaitu jumlah kuota haji yang ditetapkan bagi negara Malaysia; dan
- (ii) jemaah haji 'stand by' iaitu bagi jemaah haji yang mempunyai nombor merit di antara 22,001 ke atas bagi yang mendaftar tahun semasa. Kumpulan jemaah haji ini akan dipilih untuk menunaikan fardhu haji sekiranya ada pembatalan, penangguhan pemergian dari kalangan 22,000 jemaah haji yang terpilih. Begitu juga jika ada kelonggaran tambahan kuota khas, kuota atas ehsan dari Kerajaan Arab Saudi.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada setiap awal tahun mengikut kalendar hijrah, Lembaga Tabung Haji akan mengeluarkan surat pemberitahuan kepada bakal-bakal haji sebagaimana berikut:

- (i) nombor merit mereka di antara 1-22,000 dan terpilih untuk menunaikan fardhu haji;
- (ii) nombor merit mereka di antara 22,001 hingga angka yang dijangka dapat menunaikan fardhu haji berdasarkan pengalaman pada musim-musim haji yang terdahulu, mereka dikategorikan sebagai jemaah haji 'stand by'; dan
- (iii) akan dipilih untuk menunaikan fardhu haji sekiranya kuota tambahan diperolehi dari kerajaan Arab Saudi

Lembaga Tabung Haji juga akan mengeluarkan surat pemberitahuan kepada bakal-bakal haji tersebut sama ada terpilih atau 'stand by' iaitu untuk mengikuti kursus-kursus haji anjuran Lembaga Tabung Haji, membuat pemeriksaan kesihatan dan mendapatkan suntikan dan membuat persediaan dari segi mental, fizikal untuk menunaikan fardhu haji.

Jadual penerbangan haji mula dikirim kepada bakal-bakal haji yang terpilih pada minggu terakhir Ramadhan setiap tahun. Bagi jemaah haji 'stand by' pula jadual penerbangan haji pula hanya dapat dikirim kepada jemaah haji setelah kuota tambahan

diperolehi dari kerajaan Arab Saudi dan pada kebiasaannya kuota tambahan ini hanya diperolehi seminggu sebelum penerbangan pertama jemaah haji bermula. Walaupun jemaah haji 'stand by' lewat menerima jadual penerbangan haji, mereka sepatutnya telah membuat persiapan awal untuk menunaikan haji kerana mereka telah diberi maklum akan dipilih untuk menunaikan haji apabila kuota tambahan diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sipitang membangkitkan masalah yang dihadapi oleh para jemaah haji di pusat pemeriksaan imigresen dan pengangkutan di Jeddah dan ingin tahu apakah langkah yang telah diambil oleh Lembaga Tabung Haji bagi mengatasi masalah ini. Untuk makluman Yang Berhormat Sipitang dan Dewan yang mulia ini bahawa Lembaga Tabung Haji dalam usahanya untuk memperbaiki mutu perkhidmatan kepada jemaah haji, sentiasa mengadakan rundingan dan perbincangan dengan pihak berkuasa Arab Saudi berkaitan urusan haji. Rundingan ini diadakan di peringkat tertinggi melalui rundingan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengan Tuan Yang Terutama Menteri Haji Arab Saudi selain daripada rundingan dan perbincangan di peringkat pegawai-pegawai tinggi Lembaga Tabung Haji. Rundingan dan perbincangan ini diadakan sebaik sahaja tamat musim haji tahun semasa dan sebelum operasi haji tahun baru bermula.

Sebenarnya urusan imigresen di Lapangan Terbang KAAIA di Jeddah dan juga lapangan terbang di Madinah pada masa ini lebih jauh berbeza dengan musim haji yang lepas. Pihak imigresen Arab Saudi juga mendapat pujian daripada jemaah haji atas kepantasan urusan ke kaunter imigresen. Pada masa ini semua kaunter imigresen di Jeddah dan Madinah menggunakan komputer dan mereka juga memberi kerjasama sepenuhnya kepada rombongan haji Malaysia yang menyediakan kad imigresen untuk diletakkan di dalam pasport jemaah haji sebelum jemaah haji berlepas ke Arab Saudi.

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui sistem baru ini, jemaah haji hanya memerlukan masa antara 30 hingga 90 minit sahaja - di antara turun dari pesawat, memasuki dewan tiba, melalui kaunter imigresen dan seterusnya pemeriksaan kastam. Masa yang diperlukan di kaunter imigresen ialah di antara lima hingga tujuh minit sahaja bagi setiap orang jemaah haji.

Walau bagaimanapun, dalam kemuncak operasi haji, apabila semua terminal menerima berpuluh-puluh pesawat dan terdapat beberapa kumpulan jemaah haji sebelum

jemaah haji Malaysia memasuki imigresen adalah tidak dinafikan jemaah haji kita terpaksa menunggu seketika sementara kumpulan jemaah haji negara lain dibereskan. Namun demikian apabila sampai giliran jemaah haji Malaysia, proses di hadapan kaunter imigresen tetap tidak mengambil masa begitu lama.

Untuk makluman Yang Berhormat, begitu juga dalam semua semua urusan pengendalian haji di tanah suci mahupun perumahan, pengangkutan, urusan Arafah dan Mena pada tahun-tahun terakhir ini banyak mengalami perubahan dan penambahbaikan yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa Arab Saudi hasil rundingan dan perbincangan yang diadakan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Baling telah membangkitkan persoalan kenapa anak syarikat Lembaga Tabung Haji iaitu Perbadanan Pengangkutan Tabung Haji menggunakan skim perlindungan insurans daripada syarikat Royal Insurans dan bukannya menggunakan skim insurans Takaful sama ada daripada Syarikat Takaful Malaysia atau Syarikat MNI. Untuk makluman Yang Berhormat, PPTH telah pun bertukar nama kepada TH Travel Industry Sendirian Berhad atau singkatnya THTI. Sebagai anak syarikat milik penuh TH, ia telah diarah untuk menggunakan perkhidmatan insurans Takaful sepenuhnya. Pada ketika ini hampir kesemua harta TH dan anak-anak syarikatnya seperti hartanah, kenderaan, ternakan, wang tunai dan lain-lain dilindungi oleh Takaful di mana ia ada mempunyai perkhidmatan.

Bagaimanapun, perlindungan insurans Takaful pada ketika ini belum lagi menyeluruh. Bagi sektor-sektor yang belum ada perlindungan di Takaful maka THTI perlu mengambil perlindungan insurans conventional untuk sementara waktu. Ada juga beberapa faktor lain yang mana THTI terpaksa mengambil perlindungan insurans conventional tetapi ini adalah di tahap minimum. Insya-Allah, TH dan anak-anak syarikatnya akan menggunakan perkhidmatan Takaful sepenuhnya apabila ia bersedia untuk memberi perlindungan dalam bidang-bidang yang berkenaan, dalam erti kata lain, memberikan perkhidmatan yang menyeluruh kelak.

Yang Berhormat Baling juga membangkitkan isu aktiviti ekonomi LTH kepada agensi-agensi atau syarikat yang tidak wajar atau bertentangan dengan syariat Islam. Sebagai contohnya, pelaburan LTH secara joint venture dengan syarikat Time of Set

Sendirian Berhad di mana aktiviti utamanya ialah mencetak bahan-bahan bible atau cerita-cerita kristian dalam berbagai bahasa serta diedarkan di seluruh dunia.

Yang Berhormat seterusnya menggesa agar LTH lebih cermat dan prihatin semasa membuat pelaburan supaya wang tabungan orang-orang Islam tidak disalahgunakan dan bertentangan dengan syarat penyimpanan. Kerajaan mengucapkan setinggi-setinggi terima kasih kepada Yang Berhormat di atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai aktiviti pelaburan Tabung Haji. Bagaimanapun, ingin saya mengingatkan Yang Berhormat supaya membuat siasatan lebih mendalam mengenai isu-isu sensitif seperti ini supaya niat suci Yang Berhormat untuk memartabatkan agama Islam tidak mendatangkan akibat sebaliknya dengan kenyataan yang tidak tepat atau tidak lengkap.

Kerajaan memberi keyakinan bahawa TH akan tetap berpegang teguh kepada amanah untuk menguruskan pelaburan para pendeposit mengikut lunas-lunas Islam yang suci. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, TH bersetuju melabur dalam syarikat Time Offset Sendirian Berhad, bukan Time Office Sendirian Berhad kerana aktiviti asalnya adalah dalam percetakan majalah yang tidak bercanggah dengan syarat. Percetakan buku-buku berunsur agama lain seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berlaku kemudian dan tidak dimaklumkan kepada TH dan juga Lembaga Pengarahnya. Ia adalah tindakan pengurusan syarikat berkenaan. TH hanya mengetahui tentang percetakan tersebut pada hujung tahun lalu melalui maklumat dalaman dan telah terus membuat siasatan dan merujuk kepada pihak JAKIM.

Mesyuarat Lembaga Pengarah TH pada akhir Februari 2000 telah tidak teragak-agak membuat keputusan supaya TH keluar daripada syarikat ini. Tindakan penjualan pegangan TH sedang berjalan sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat, TH belum lagi menerima apa-apa dividen daripada joint venture itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Kedah ingin tahu apakah peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh orang-orang yang diisytiharkan bankrap. Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Kedah bahawa tanggungjawab seseorang yang bankrap adalah seperti berikut, ini bukan tanggungjawab kerajaan, tanggungjawab seseorang yang bankrap itu:

- (i) menghadirkan diri di hadapan Pegawai Pemegang Harta dengan segera sebaik sahaja dihukum bankrap;

- (ii) memberikan maklumat lengkap mengenai hal-hal peribadi seperti pekerjaan, pendapatan dan tanggungan serta memfailkan satu penyata mengenai aset dan liabilitinya;
- (iii) sentiasa mematuhi perintah mahkamah yang dibuat terhadapnya dari masa ke semasa dan arahan-arahan yang diberi oleh Pegawai Pemegang Harta sepanjang tempoh kebankrapannya;
- (iv) tidak melanggar mana-mana sekatan yang dikenakan ke atasnya;
- (v) tidak melakukan sebarang kesalahan di bawah seksyen 109,110, 111, 112, 113 dan 104 Akta Kebankrapan 1967;
- (vi) perlu memfailkan satu penyata pendapatan dan perbelanjaan tiap-tiap enam bulan sekali; dan
- (vii) sentiasa memaklumkan kepada Pegawai Pemegang Harta tentang sebarang perubahan kepada pendapatannya, tempat tinggal dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa sekatan ke atas seseorang yang bankrap pula ialah:

- tidak boleh dilantik sebagai Majistret Hakim Mahkamah Sesyen;
- tidak boleh dinamakan atau dilantik sebagai ahli Majlis Perbandaran dan Badan Berkuasa Tempatan;
- tidak boleh meneruskan sebarang tindakan mahkamah kecuali untuk personal injury tanpa kebenaran Pegawai Pemegang Harta;
- tidak boleh ke luar negeri tanpa kelulusan Pegawai Pemegang Harta atau mahkamah;
- tidak boleh menjadi pengarah syarikat, menjalankan perniagaan ataupun terlibat dalam pengurusan syarikat tanpa kelulusan Pegawai Pemegang Harta atau mahkamah;
- tidak boleh terlibat dalam pengurusan syarikat atau menjadi pekerja syarikat yang dimiliki oleh isterinya atau saudara maranya tanpa kelulusan Pegawai Pemegang Harta atau mahkamah; dan
- tidak boleh menjadi ahli Jawatankuasa atau bekerja dengan mana-mana pertubuhan berdaftar.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa sesiapa yang bankrap dan ke luar negeri tanpa kelulusan Pegawai Pemegang Harta ataupun mahkamah boleh dikenakan tindakan committal yang memungkinkan si bankrap tersebut dipenjarakan.

Jabatan Pemegang Harta juga akan memaklumkan kepada pihak imigresen mengenai kebangkrupan seseorang dan pihak imigresen boleh merampas pasport si bankrap tersebut jika beliau didapati ke luar negara tanpa kelulusan Pegawai Pemegang Harta atau mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batang Sadong telah membangkitkan perkara mengenai wanita supaya diberikan peluang yang lebih dalam bidang-bidang tertentu dan meminta pegawai profesional, kakitangan dan peruntukan kewangan Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) dipertingkatkan bagi membolehkan HAWA bertindak dengan lebih berkesan. Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Batang Sadong terhadap keperluan HAWA. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan HAWA. Atas keprihatinan inilah maka HAWA telah diletakkan oleh kerajaan di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Seputeh membangkitkan isu berhubung komposisi wanita dalam politik dan pentadbiran dan mencadangkan supaya suatu gabungan yang mengandungi pelbagai pihak termasuk pembangkang bagi membincangkan isu-isu wanita. Yang Berhormat Seputeh juga mencadangkan supaya HAWA juga menggubal Undang-undang Anti Gangguan Seksual. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan menyambut baik cadangan itu. Di peringkat HAWA telah ada pelbagai jawatankuasa yang diwakili oleh pelbagai pihak termasuklah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang nyata menyokong pihak pembangkang. Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu tertentu mengenai wanita.

Untuk makluman lanjut Yang Berhormat Seputeh, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah menubuhkan satu Jawatankuasa mengenai Gangguan Seksual pada tahun 1998. Jawatankuasa yang diwakili oleh pelbagai pihak ini telah memutuskan bahawa keadaan di Malaysia belum memerlukan satu undang-undang khas iaitu Undang-undang Anti Gangguan Seksual digubal dalam jangka masa terdekat ini. Apa yang mungkin dipertimbangkan ialah meminda atau menambah klausa kepada undang-undang yang sedia ada bagi penjawat awam. Perintah Am ataupun dengan izin,

General Order telah mempunyai klausa yang boleh diguna pakai untuk menangani gangguan seksual.

Bagi pekerja swasta pula Kementerian Sumber Manusia telah pun mengeluarkan garis panduan mengenai gangguan seksual yang kini digunapakai oleh kebanyakan syarikat atau kilang.

Yang Berhormat bagi Pendang meminta kerajaan supaya mengkaji semula paras kemiskinan yang diguna pakai sekarang kerana perbelanjaan asas yang terpaksa ditanggung oleh rakyat sekarang telah meningkat. Untuk makluman Yang Berhormat, anggaran kemiskinan di Malaysia dikira berasaskan kepada satu tingkat pendapatan yang dikenali sebagai pendapatan garis kemiskinan (PGK). PGK yang diguna pakai sekarang telah pun mengambil kira kos keperluan pendidikan dan kesihatan di samping perbelanjaan asas lain seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. PGK ini dikemaskinikan setiap tahun berasaskan indeks harga pengguna atau IHP bagi mencerminkan perubahan harga atau inflasi. Paras PGK di Malaysia adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan yang digunakan oleh masyarakat antarabangsa bagi menganggarkan kemiskinan. Ini adalah kerana PGK di Malaysia dikira berasaskan taraf hidup di negara ini yang jauh lebih tinggi daripada kebanyakan negara membangun lain.

Yang Berhormat bagi Permatang Pauh pula menyatakan paras kemiskinan mutlak iaitu RM4.25 di Semenanjung dan RM3.75 Sabah dan Sarawak bagi isirumah 4.25 orang adalah tidak realistik kerana kos sara hidup telah meningkat dan meminta kerajaan supaya mengkaji semula paras kemiskinan mutlak dan memberi definisi sebenar kemiskinan mutlak. Untuk makluman Yang Berhormat, ukuran kadar kemiskinan mutlak di Malaysia adalah realistik kerana ianya berdasarkan PGK yang telah mengambil kira keperluan asas bagi sesebuah keluarga. PGK ini dikira secara saintifik dengan perakuan pakar-pakar dalam bidang-bidang berkenaan. Di antara komponen PGK ialah perbelanjaan keperluan berzat, mengikut kiraan kalori yang mencukupi untuk sesebuah keluarga. Selain daripada itu, keperluan pendidikan dan perubatan juga telah diambil kira. Keperluan pakaian, keperluan tempat kediaman, bahan api dan kuasa serta pengangkutan dan perhubungan juga telah diambil kira dalam menentukan PGK.

Sebagaimana saya nyatakan di atas tadi bahawa PGK ini dikemaskinikan setiap tahun berasaskan IHP untuk mengambil kira perubahan komponen-komponen berkenaan.

Berdasarkan perkiraan tersebut, PGK bagi tahun 1997 adalah sebanyak RM460 sebulan sekeluarga di Semenanjung, RM633 sebulan di Sabah dan RM543 di Sarawak. Paras ini adalah jauh lebih tinggi daripada kebanyakan negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Arau membangkitkan isu kualiti hidup rakyat negara ini yang kian meningkat hasil usaha kerajaan selama ini. Sehubungan itu, Yang Berhormat bagi Arau meminta kerajaan supaya meneruskan usaha-usaha meningkatkan lagi taraf hidup rakyat terutama di luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, memang tidak dapat dinafikan kualiti hidup rakyat di kawasan bandar dan kawasan luar bandar telah dapat dipertingkatkan hasil daripada kemajuan ekonomi negara dan pelaksanaan pelbagai program pembangunan. Walau bagaimanapun, kerajaan sedar masih terdapat segelintir rakyat di negara ini khususnya di kawasan luar bandar yang masih lagi mundur. Bersesuaian dengan strategi pembangunan wilayah yang seimbang, pembangunan luar bandar dipergiat menerusi pembangunan dan pengkomersialan aktiviti pertanian serta kepelbagaian ekonomi luar bandar. Dalam hubungan ini, tumpuan diberi kepada penubuhan pusat-pusat pertumbuhan desa (PPD) di kawasan luar bandar bagi membantu perluaskan aktiviti ekonomi di kawasan-kawasan mundur.

Yang Berhormat bagi Setiu membangkitkan pelaksanaan projek-projek penswastaaan yang dilaksanakan oleh kerajaan yang tidak mencapai matlamat dan membebankan rakyat. Yang Berhormat telah mencadangkan supaya pendapat awam diperolehi terlebih dahulu sebelum sesuatu projek penswastaaan dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan dasar penswastaaan adalah selaras dengan matlamat yang ditetapkan oleh kerajaan. Di samping itu, keputusan untuk menswastakan sesuatu perkhidmatan hanya akan dibuat sekiranya penswastaaan perkhidmatan berkenaan berdaya maju, dapat meningkatkan kecekapan dan kadar caj yang dikenakan tidak membebankan pengguna.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya pendapat awam diperolehi sebelum sesuatu projek diswastakan, sukacita dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini telah dilaksanakan bagi projek-projek lebuhraya yang baru. Dalam hubungan ini, sebelum sesuatu projek dilaksanakan kaji selidik akan dijalankan bagi membolehkan orang ramai memberi maklum balas mengenai kesesuaian lebuhraya berkenaan dan kadar tol yang akan dikenakan. Maklum balas yang diterima

tersebut akan digunakan oleh kerajaan dalam menentukan kesesuaian pelaksanaan projek berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bagan membuat cadangan untuk mewujudkan badan bebas untuk mengambil alih Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK). Beliau menyatakan penswastaaan sesuatu projek hendaklah telus, fleksibel dan memberi manfaat kepada orang ramai. Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya diwujudkan badan bebas untuk mengambil alih IWK dan tindakan diambil terhadap penyelewengan dalam pengurusan IWK.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bagan sejak memulakan operasinya Syarikat IWK telah menghadapi pelbagai masalah terutamanya keengganan pengguna untuk menjelaskan bil pembedung. Keadaan ini telah menyebabkan pihak IWK mengalami kerugian yang menjejaskan kelicinan operasinya kepada pengguna. Di samping itu, keadaan ini juga telah menjejaskan keupayaan IWK untuk melaksanakan kerja-kerja membangunkan kemudahan pembedung. Kos pembangunan kemudahan pembedung dianggarkan akan melibatkan perbelanjaan lebih daripada RM17 bilion. IWK tidak dapat menjanakan hasil yang mencukupi untuk menanggung kos pembangunan ini dan akan bergantung sepenuhnya kepada bantuan kewangan daripada kerajaan. Sehingga kini kerajaan telah bersetuju untuk menyediakan pinjaman sejumlah RM104,025 juta untuk membiayai kerja-kerja pembangunan kemudahan pembedung. Berasaskan kedudukan kewangan ini IWK akan terus bergantung kepada bantuan kewangan kerajaan untuk meneruskan pelaksanaan projeknya serta untuk memenuhi obligasi seperti yang termaktub dalam perjanjian konsesi.

Memandangkan IWK merupakan sebuah konsesi yang melibatkan pembedung seluruh negara dan perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan asas yang tidak boleh diabaikan, kerajaan telah memutuskan untuk mengambil alih saham IWK dan IWK akan dijadikan syarikat milik penuh kerajaan. Pihak kerajaan akan mengambil langkah-langkah tertentu bagi menentukan IWK berdaya maju dalam tempoh jangka panjang serta dapat melaksanakan projek ini dengan jayanya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Kemaman bangun.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Sudah cukup laluan yang saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Langkah ini diambil bagi menjamin kelicinan perkhidmatan pembedugan kepada pengguna tidak terjejas. Satu kajian menyeluruh mengenainya sedang dijalankan oleh pakar perunding dan kerajaan akan mengambil kira hasil kajian ini untuk menyusun semula IWK.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat....

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia:mengenai dengan tanggungjawab Perdana Menteri.

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Sudah, saya mahu duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Ada dua-tiga minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada menteri lain hendak berucap.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Ada menteri lain lagi berucap. Saya boleh engage sama Yang Berhormat dalam sesi-sesi yang akan datang, insya-Allah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Ya, itu lagi fikiran sempit mahu bercakap lagi. Spesis terakhir fikiran sempit.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Itulah spesis terakhir. *[Ketawa]*

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Ini memang kekal 43 tahun, insya-Allah. Terengganu kita akan ambil balik, macam Sabah kita sudah ambil balik.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tak bertanding.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tidak bertanding oleh kerana dia pandai. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, belum habis lagi Yang Berhormat Menteri? Kata sudah habis.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Setakat itu sahaja yang saya dapat jawab mengenai dengan soal-soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Perdana Menteri dan mana-mana soalan yang saya tidak jawab akan dijawab oleh teman sekementerian saya yang duduk di belakang dan mana-mana perkara yang tidak dapat kita jawab secara lisan, insya-Allah, telah kita ambil perhatian akan juga dicatat dalam *Hansard* dan tindakan yang perlu dan sewajarnya akan diambil. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang lain yang ingin berucap dijemput.

12.59 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Belanjawan 2000. Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Pendang, Bagan, Bukit Bintang, Kota Belud, Bentong, Permatang Pauh dan Kemaman telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab saya di Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya saya menghargai pandangan, teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat bagi Pendang juga telah membangkitkan penentuan gaji minimum sektor awam yang dikatakan di bawah garis kemiskinan iaitu sebanyak RM450 sebulan. Yang Berhormat mencadangkan supaya garis minimum gaji pekerja di sektor awam dan swasta ialah sebanyak RM750 sebulan. Untuk Yang Berhormat bahawa gaji permulaan untuk kakitangan awam terendah ialah Pembantu Am Rendah iaitu R11 adalah sebanyak RM384 sebulan. Apabila dicampurkan dengan elaun-elaun, jumlah pendapatan sebulan adalah sebanyak RM559 yang mana adalah lebih daripada garis kemiskinan iaitu RM460 sebulan bagi sebuah isirumah.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa kerajaan tidak bercadang untuk menetapkan aras gaji minimum memandangkan keupayaan untuk membayar adalah berbeza di antara sektor industri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: ...juga mungkin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok:akan menjejaskan kedudukan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok:daya saing negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa suntuk, Yang Berhormat boleh sambung ucapan pada petang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila sambung. Yang Berhormat makan masa panjang lagi tidak? Kerana kita patut habis dalam masa dua hari.

2.30 ptg.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Kalau tidak ada gangguan, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa lebih kurang 20 minit atau setengah jam.

Tuan Yang di-Pertua: Setengah jam lagi!

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyambung pergulungan perbahasan bagi Jabatan Perdana Menteri pada perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Teman sekementerian saya tidak dapat menyambung perbahasan oleh kerana hal-hal penting yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pendang juga telah membangkitkan penentuan gaji minimum sektor awam yang dikatakan dibawah garis kemiskinan iaitu sebanyak RM450 sebulan. Yang Berhormat mencadangkan supaya gaji minimum, gaji pekerja di sektor awam dan swasta ialah sebanyak RM750 sebulan. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa gaji permulaan untuk kakitangan awam terendah iaitu Pembantu Am Rendah, R11 adalah sebanyak RM384 sebulan, apabila dicampurkan dgn elaun-elaun, jumlah pendapatan sebulan adalah sebanyak RM559 yang mana adalah lebih daripada garis kemiskinan iaitu RM460 sebulan bagi sebuah isi rumah. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa kerajaan tidak bercadang untuk menetapkan paras gaji

minimum memandangkan keupayaan untuk membayar adalah berbeza di antara sektor dan industri. Ia juga mungkin akan menjejaskan kedudukan daya saing negara.

Yang Berhormat Pendang turut mencadangkan supaya umur persaraan pegawai dan kakitangan kerajaan ditingkatkan kepada 58 atau 60 tahun kerana jangka hayat penduduk di Malaysia telah meningkat melebihi 70 tahun. Cadangan untuk meningkatkan umur persaraan daripada 55 tahun kepada 58 tahun telah di terima daripada pelbagai pihak termasuk Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam perkhidmatan awam iaitu CUEPACS dan kerajaan sedang mengkaji cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan telah membangkitkan isu-isu yang menyentuh proses pilihan raya umum yang lalu seperti buku daftar pengundi yang dicemari dengan pemindahan pengundi-pengundi dari luar kawasan, kelewatan melebihi 7 bulan untuk mengesahkan pendaftaran 680,000 orang pemilih baru dan undang-undang mengehadkan perbelanjaan pilihan raya bagi calon Dewan Undangan Negeri sebanyak RM30 ribu dan Dewan Parlimen RM50 ribu.

Seterusnya Yang Berhormat Bagan mencadangkan supaya Suruhanjaya Pilihanraya terus bertanggungjawab kepada Parlimen dan bukannya kepada Jabatan Perdana Menteri. Untuk makluman Yang Berhormat Bagan bahawa urusan pendaftaran dan penyemakan daftar pemilih yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya setiap tahun membenarkan seseorang itu memohon bertukar kawasan pendaftaran jika sekiranya ia bertukar alamat. Walau bagaimanapun, jika sekiranya terdapat pemilih yang tanpa persetujuannya mendapati namanya telah dipindahkan ke kawasan lain, maka peraturan yang digunapakai ada memberi peluang kepada pemilih

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Point of order. Korum tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Sila bilang.

[Ahli dikira – 25 orang]

[Loceng dibunyikan selama 2 minit]

[Ahli dikira – 34 orang]

Tuan Yang di-Pertua: 34, sudah cukup. Yang Berhormat sila teruskan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya ulangi Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Bagan bahawa urusan pendaftaran dan penyemakan

daftar pemilih yang dijalankan oleh SPR setiap tahun membenarkan seseorang itu memohon bertukar kawasan pendaftaran jika sekiranya ia telah bertukar alamat. Walau bagaimanapun, jika sekiranya terdapat pemilih yang tanpa persetujuannya mendapati namanya telah dipindahkan ke kawasan lain, maka peraturan yang digunapakai ada memberi peluang kepada pemilih berkenaan membuat bantahan semasa penyemakan daftar pemilih dan SPR akan menjalankan siasatan sewajarnya. Jika didapati bantahan itu berasas, maka kedudukan pemilih yang terbabit akan diperbetulkan, namanya dikekalkan dalam kawasan pendaftaran yang asal.

Adalah tidak benar sesiapa yang menuduh yang SPR tidak mengambil tindakan untuk membersihkan senarai pemilih. Peraturan pilihan raya pendaftaran pemilih tahun 1971 memperuntukkan bahawa penyemakan daftar pemilih dijalankan tiap-tiap tahun. Berdasarkan peruntukan undang-undang ini SPR menjalankan urusan pembersihan secara berterusan tiap-tiap tahun. Sebagai contoh SPR telah mengeluarkan sejumlah 1,302,714 nama pemilih dari daftar tahun 1990 hingga tahun 1999. Dalam urusan penyemakan daftar pemilih tahun 1999 sahaja, SPR telah memotong sejumlah 735,859 pemilih dari daftar pemilihan tahun 1998. Ini merupakan pemotongan yang terbesar yang pernah dilakukan oleh SPR. Nama-nama yang dikeluarkan termasuk pemilih yang telah meninggal dunia, nama-nama pemilih yang berganda, pemilih yang hilang kelayakan dan mereka yang bersara dari perkhidmatan tentera dan polis.

Dalam menjalankan urusan pendaftaran dan penyemakan daftar pemilih SPR berpandukan kepada Peraturan Pilihan Raya Pendaftar Pemilih 1971. Peraturan ini menetapkan tempoh-tempoh tertentu dalam menjalankan urusan tersebut. Tempoh urusan pendaftaran ialah 21 hari minimum dan 42 hari maksimum, manakala pameran Rang Daftar Pemilih ditetapkan selama 14 hari. SPR telah menerima borang-borang permohonan berjumlah 1.2 juta semasa urusan pendaftaran tahun 1999 yang merupakan satu jumlah yang besar. Justeru itu, SPR terpaksa mengambil masa yang panjang untuk menyiapkan proses pendaftaran ke dalam komputer.

Untuk makluman Yang Berhormat di waktu yang sama, SPR juga telah menerima sejumlah 12,272 tuntutan dan 38,308 bantahan yang mesti diadakan siasatan awal bagi setiap kes. Penyiasaan kes tuntutan dan bantahan mengambil masa yang amat panjang. Pada bulan November 1999 SPR juga menjalankan Pilihanraya Umum Negeri Kesepuluh

sebaik sahaja Parlimen dibubarkan. Ini memerlukan tumpuan sepenuhnya bagi menjalankan pilihan raya dalam tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang. Tindakan-tindakan yang diambil oleh SPR adalah semata-mata mematuhi peraturan dan undang-undang yang sedia ada.

Berhubung dengan undang-undang mengehendkan perbelanjaan pilihan raya bagi calon DUN sebanyak RM30 ribu dan dewan Parlimen sebanyak RM50 ribu, sukarlah dinyatakan bahawa perkara tersebut adalah berdasarkan kepada Perkara 19(1) Akta Kesalahan Pilihanraya 1994 Akta 5, jumlah maksima ini mungkin dikira munasabah dan kita rasa munasabah. Berdasarkan kepada penyata perbelanjaan yang dikemukakan oleh calon dan ajen calon setakat hari ini SPR mendapati calon-calon telah mematuhi peraturan tersebut.

Menyentuh mengenai cadangan supaya SPR bertanggungjawab kepada Parlimen dan bukan diletakkan dibawah Jabatan Perdana Menteri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR ditubuhkan di bawah peruntukan perlembagaan dan perlantikan ahli-ahlinya dibuat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Oleh yang demikian, adalah tepat jika SPR yang merupakan badan bebas bertanggungjawab terus kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi tujuan memudahkan pentadbiran, perkhidmatan pegawai dan kakitangan, SPR diletakkan dibawah pengawasan Jabatan Perdana Menteri yang bertindak sebagai penyelaras di antara SPR dan Parlimen.

Yang Berhormat Bagan juga mencadangkan supaya gaji anggota bawahan Polis Diraja Malaysia dinaikkan sebanyak 50% daripada gaji permulaan, sebanyak RM485 yang dikatakan diparas kemiskinan. Untuk makluman Yang Berhormat Bagan, ukuran garis kemiskinan mengambil bilangan 5 orang isi rumah dan pendapatan sebulan. Di Semenanjung Malaysia paras kemiskinan ialah sebanyak RM460 sebulan dan ke bawah. Pendapatan anggota bawahan PDRM sebagai contohnya seorang konstable polis ialah sebanyak RM780, manakala pendapatan seorang Lans. Koperal ialah sebanyak RM1080 sebulan. Ini menunjukkan, pendapatan bulanan mereka melebihi paras kemiskinan.

Yang Berhormat Bukit Bintang mendakwa, seramai 735,859 orang pemilih telah dikeluarkan dari daftar pemilih dan ingin tahu adakah mereka ini boleh mendaftar semula sebagai pemilih baru. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang bahawa bagi pemilih yang layak yang mungkin nama mereka termasuk dalam senarai yang

dikeluarkan disebabkan kerana keraguan status warganegaranya maka boleh mendaftar semula sebagai pemilih baru semasa urusan pendaftaran pemilih yang akan dijalankan pada tahun ini. Bagi pemilih yang masih belum menukarkan kad pengenalan itu dari kad pengenalan lama kepada kad pengenalan baru hendaklah berbuat demikian sebelum membuat pendaftaran pemilih yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Belud meminta kerajaan supaya menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin (PTI) di Sabah secara menyeluruh. Bagi mengatasi masalah kesukaran membezakan pendatang tanpa izin dengan penduduk tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat Kota Belud bahawa tanggungjawab menyelesaikan masalah kehadiran pendatang tanpa izin bukanlah terletak pada bahu kerajaan semata-mata, ianya memerlukan usaha bersepadu dan komitmen daripada semua pihak termasuklah ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin masyarakat serta rakyat jelata negeri Sabah. Pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah konkrit menanggapi masalah terbabit, ia termasuklah usaha-usaha di peringkat diplomasi, pembangunan ekonomi wilayah, operasi-operasi bersepadu oleh agensi keselamatan dan awam serta penggemblengan penglibatan rakyat di peringkat akar umbi.

Bagi memastikan usaha-usaha dalam menanggapi pendatang tanpa izin mencapai kejayaan, penduduk negeri Sabah haruslah mengubah sikap mereka. Ini memandangkan terdapat di kalangan mereka masih cenderung mengamalkan budaya melindungi pendatang tanpa izin seperti menyewakan tanah dan rumah, mengambil mereka sebagai pekerja, malah ada yang berkahwin dengan mereka di samping bersikap terus bergantung kepada khidmat pekerja asing bagi melaksanakan kerja yang lasak dan berat.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha berterusan telah, sedang dan akan diambil untuk menghantar pulang pendatang tanpa izin dari negeri Sabah. Sejak 10 tahun lepas, sejak pasukan petugas Persekutuan Sabah-Labuan ditubuhkan, seramai 144,315 orang pendatang tanpa izin terdiri daripada 74,463 Filipina dan 69,852 Indonesia telah dihantar pulang ke negara asal masing-masing.

Yang Berhormat bagi Kota Belud juga mencadangkan supaya diadakan pertukaran pegawai-pegawai kerajaan antara Sabah dan Semenanjung bagi meningkatkan kefahaman antara budaya.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini pertukaran pegawai-pegawai kerajaan antara Sabah dan Semenanjung dibuat antara dua cara:

- (i) melalui Program Integrasi Nasional. Program ini bermula pada tahun 1994 di mana pada peringkat awal seramai 13 orang pegawai telah terlibat dengan program berkenaan. Pada tahun 2000, program ini diteruskan semula di mana seramai 15 orang pegawai lagi iaitu seramai sepuluh orang dari Semenanjung dan lima orang dari Sabah terlibat; dan
- (ii) melalui Proses Pengisian Jawatan-jawatan di jabatan-jabatan dan agensi-agensi Persekutuan di Sabah. Antara tahun 1994 hingga tahun 1999 seramai 86 orang pegawai telah ditukarkan dari Semenanjung ke Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bentong meminta kerajaan melaksanakan sistem gaji berasaskan produktiviti dan memantau indeks harga pengguna bagi memastikan kesatuan sekerja, majikan dan kerajaan dapat menetapkan kenaikan gaji pekerja.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah mengambil kira produktiviti sektor awam dan indeks harga pengguna sebagai salah satu unsur untuk menetapkan kenaikan gaji pekerja sektor awam.

Yang Berhormat bagi Permatang Pauh pula mencadangkan supaya kenaikan gaji perkhidmatan awam iaitu anggota PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia dikaji semula. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan memang prihatin kepada semua perkhidmatan awam. Oleh itu, kerajaan mencadangkan kenaikan gaji 10% kepada semua anggota perkhidmatan awam dalam Belanjawan Tahun 2000.

Manakala cadangan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh berhubung bayaran pencen minimum kepada pesara dinaikkan kepada satu tahap yang melepasi garis kemiskinan, sukacita dimaklumkan bahawa kajian sedang dijalankan untuk menentukan kadar yang munasabah dengan mengambil kira kemampuan kewangan kerajaan. Dalam pada itu, perlu dinyatakan bahawa pencen minimum yang sedang dikaji semula ini ialah bagi pesara yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun. Seperti yang diketahui umum, pencen yang dibayar kepada pesara kerajaan merupakan pencen pekerjaan

occupational pension, dengan izin. Kadarnya bergantung kepada tempoh perkhidmatan dan gaji terakhir seseorang pesara itu.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tidak boleh dinafikan bahawa kadar pencen seseorang pesara yang telah berkhidmat selama satu tempoh yang panjang dan mempunyai gaji terakhir yang tinggi akan menikmati pencen yang lebih tinggi, berbanding dengan seseorang pesara yang telah hanya berkhidmat untuk satu tempoh yang singkat dan mempunyai gaji terakhir yang rendah. Tempoh perkhidmatan yang singkat adalah disebabkan:

- (i) perlantikan kali pertama ke dalam perkhidmatan awam ketika lanjut usia;
- (ii) persaraan secara pilihan lebih awal dari umur wajib bersara iaitu 55 tahun;
- (iii) pilihan pesara sendiri untuk mengambil caruman bahagian kerajaan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) membawa kesan tempoh perkhidmatan panjang di mana caruman KWSP dilakukan, tidak dimasukkan kira bagi perkiraan pencen; dan
- (iv) pencen yang kecil boleh juga disebabkan oleh keadaan-keadaan seperti berikut:
 - (a) pembahagian satu pencen kepada lebih daripada satu penerima, misalnya antara dua balu kepada seorang pesara; dan
 - (b) potongan daripada kadar pencen sebenar untuk mengutip balik baki pinjaman kerajaan atau bagi menetapi arahan mahkamah untuk pembayaran nafkah.

Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak sebab kenapa pencen yang diterima oleh seseorang pesara itu adalah kecil. Bukan semua sebab tertentu sepatutnya menjadi alasan untuk meningkatkan kadar pencen yang rendah itu terutamanya sekiranya kadar pencen rendah disebabkan oleh tindakan atau pilihan pesara sendiri.

Di samping itu, mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, paras kemiskinan ditetapkan berlandaskan saiz isi rumah iaitu RM460 sebulan di

Semenanjung bagi isi rumah empat hingga enam orang. RM633 sebulan di Sabah bagi isi rumah empat hingga sembilan orang dan RM543 sebulan di Sarawak bagi isi rumah empat hingga lapan orang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan. Penjelasan, satu sahaja. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Tadi Yang Berhormat ada kata 10% kenaikan gaji kepada semua anggota kerajaan. Bolehkah saya dapat tahu sama ada 10% kenaikan gaji ini berdasar kepada skim salary atau dikatakan salary permulaan dan pada setiap tahun dia akan dinaikkan gaji setakat..., dia mungkin pada hari ini, terkini – dia mungkin terima satu jumlah salary yang bukan dari gaji permulaannya.

Jadi, 10% kenaikan gaji itu berdasarkan kepada gaji permulaan atau gaji terkini?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui bahawa saya tidak mempunyai figure tersebut dan kalau boleh saya akan beri kepada saudara Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Bukan figure. Yang Berhormat, bukan figure. Kata 10% kenaikan gaji, based on starting salary atau gaji yang terkini yang dia dapat sekarang?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Yang Berhormat, saya sudah mengakui saya tidak tahu. Saya tidak akan mengelirukan Dewan yang mulia ini. Saya akan bertanya dengan pegawai, sama ada based on salary ataupun terkini. Okay. [*Pegawai kementerian memberi kertas jawapan*]

Tuan Lim Hock Seng: Ada jawapan di belakang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Kita di Barisan Nasional, kalau kita tahu

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bagan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia:kalau kita tidak tahu, kita bilang tidak tahu. Kita jelas. Kita

Tuan Lim Hock Seng: Sampai, sudah sampai.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Ha, ini ada. [*Bentara Mesyuarat memberikan jawapan daripada pegawai kementerian*] [*Ketawa*]

Tuan Lim Hock Seng: Ha, sudah sampai.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Ha, ini ada. [*Ketawa*]

Tuan Lim Hock Seng: Bagus-bagus.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Mengikut skim gaji dan bukan gaji permulaan.

Tuan Lim Hock Seng: Ha, skim gaji.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Ini kalau saya tadi sebut yang bukan-bukan semata-mata menjawab Yang Berhormat, nanti orang bilang saya bodoh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, sila teruskan Yang Berhormat ya.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Kita terbuka di Barisan Nasional Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tidak ada innuendo dalam segala jawapan kita. Telus.

Tuan Lim Hock Seng: Gaji permulaan...

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah mendakwa pengurangan pemberian Biasiswa Persekutuan kepada pelajar-pelajar miskin luar bandar telah menyukarkan orang Melayu di luar bandar untuk menyara pendidikan anak-anak mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, biasiswa yang ditawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kepada pelajar-pelajar adalah berdasarkan kriteria kecemerlangan akademik pelajar-pelajar tanpa mengambil kira lokasi tempat tinggal mereka sama ada di luar ataupun di bandar.

Biasiswa yang ditawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dari masa ke semasa adalah meningkat jumlah bilangannya. Pada tahun 2000, sebanyak 4,000 bilangan biasiswa telah ditawarkan kepada pelajar-pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah respon daripada Jabatan Perdana Menteri mengenai dengan soal-soal yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi, berhubung dengan perkara-perkara yang tidak dapat saya jawab secara lisan, masalah-masalah yang dibangkitkan tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan dengan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kementerian Dalam Negeri.

2.52 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri. Bagi isu-isu yang telah disentuh, saya akan cuba memberi penjelasan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan telah menegur beberapa jabatan yang tidak responds dengan izin, kepada masalah rakyat. Beliau telah membangkitkan mengenai satu surat yang telah beliau hantar kepada Ketua Pengarah Imigresen di Pusat Bandar Damansara pada 12 Oktober 1999 yang masih belum mendapat sebarang jawapan.

Berhubung dengan perkara ini, saya telah menerima laporan iaitu Jabatan Imigresen Malaysia tidak menerima surat yang dimaksudkan itu. Oleh itu, sukalah saya menyarankan supaya pihak Yang Berhormat menghubungi semula jabatan yang berkenaan bagi tindakan selanjutnya.

Yang Berhormat bagi Bagan juga menyarankan supaya rombakan dalam PDRM kerana tidak dapat bertindak ke atas pihak-pihak yang melakukan jenayah sedangkan perkara tersebut diketahui oleh orang ramai.

Di sini sukalah saya menegaskan bahawa kerajaan akan mengambil tindakan mengikut keperluan yang sedia ada sekiranya terbukti ada pihak-pihak tertentu melakukan jenayah termasuklah anggota-anggota polis.

Mengenai saranan Yang Berhormat supaya gaji anggota pangkat rendah polis dikaji semula. Cadangan telah pun dikemukakan untuk mengkaji Skim Perkhidmatan PDRM yang merangkumi syarat-syarat peningkatan kerjaya dan tangga gaji.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Selangau memberitahu masih ramai lagi rakyat di Sarawak yang belum mempunyai Surat Beranak dan kad pengenalan.

Beliau seterusnya memohon kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara turun sekali lagi ke kawasan-kawasan luar bandar untuk menjalankan operasi pendaftaran sebagaimana yang pernah dilakukan di tahun yang lalu. Perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, program lawatan Jabatan Pendaftaran Negara negeri Sarawak ke kawasan pedalaman bagi menyelesaikan masalah Sijil Kelahiran dan kad pengenalan adalah satu program berterusan. Selain daripada kemudahan tersebut, pihak kerajaan juga telah memberi kelonggaran kepada pemohon yang tidak mempunyai dokumen yang mencukupi. Bagi memenuhi permintaan Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian akan mengarahkan Jabatan Pendaftaran Negara negeri Sarawak supaya mengaturkan jadual lawatan khas sepanjang tahun 2000.

Di samping itu, Yang Berhormat serta ketua-ketua pemimpin masyarakat boleh memberi kerjasama kepada pihak Jabatan Pendaftaran Negara negeri Sarawak, memaklumkan kawasan-kawasan yang masih mempunyai ramai penduduk yang menghadapi masalah berkenaan.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah berkaitan dengan kejadian tembak menembak dengan kumpulan Gang Steyr, setakat ini kerajaan berpuas hati bahawa semua mereka yang terlibat adalah penjenayah yang sebenarnya. Dalam hubungan ini, kerajaan akan terus menyiasat jika timbul apa-apa keraguan dalam kes yang berkenaan.

Berhubung dengan penyeludupan keluar senjata dari Kem Kemunting, perkara ini masih dalam siasatan bersama-sama dengan pihak tentera.

Berhubung dengan usul membaharui permit *Harakah*. Sebagaimana Yang Berhormat bagi Kuala Kedah mungkin telah pun maklum penerbit *Harakah* telah pun diberi permit terbaharu, berkuat kuasa mulai 1 Mac 2000 hingga 28 Februari 2001.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah juga menyuarakan kebimbangannya terhadap jumlah penagih dadah yang terdapat di Kuala Kedah. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan mengambil tindakan tegas dalam menangani gejala dadah di seluruh negara bukan sahaja di Kuala Kedah. Di Kuala Kedah sahaja pada tahun 1999, kerajaan telah mengambil tindakan seperti berikut:

- pencegahan umum;

- menganjur seminar penetapan keluarga bersama PEMADAM di Institut Latihan Pertubuhan Peladang, Langkawi selama tiga hari di mana kawasan Kuala Kedah diwakili oleh 12 orang peserta;
- menjalankan aktiviti kaunseling individu, kelompok dan keluarga kepada bekas penagih serta keluarga yang bermasalah di samping khidmat nasihat;
- menganjurkan ceramah dan pameran anti dadah di kawasan Kuala Kedah yang melibatkan lain-lain agensi kerajaan;
- menganjurkan Seminar Pencegah Dadah di kalangan nelayan bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Pencegahan awalan, melaksanakan Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) di Sekolah Kebangsaan Haji Ismail, Kuala Kedah;
- mengadakan ceramah, ujian urine (air kencing) dan pameran melibatkan sekolah-sekolah sekitar Kuala Kedah; dan
- menganjurkan Kem PINTAR yang melibatkan sekolah-sekolah PINTAR selama empat hari.

Penguatkuasaan kerajaan melalui Jabatan Narkotik Kuala Kedah Darul Aman, menjalankan Operasi Penguatkuasaan di Kuala Kedah. Memandangkan Kuala Kedah merupakan kawasan yang berisiko tinggi dalam hal masalah dadah, kerajaan telah merancang untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:

- menganjur majlis dialog bersama Persatuan Nelayan dan masyarakat Kuala Kedah;
- mengadakan majlis gotong-royong membersihkan kawasan masjid melibatkan bekas penagih dan masyarakat setempat di Kuala Kedah;
- menganjur program sehari bersama masyarakat Kuala Kedah;
- mengadakan ceramah dan pameran 'JATI' di Kuala Kedah; dan
- meningkatkan gerakan-gerakan penguatkuasaan dari masa ke semasa.

Dalam hal menghadapi masalah penyalahgunaan dadah ini, tindakan di pihak kerajaan sahaja tidak boleh membendung atau menghapuskan gejala dadah. Kerjasama

dan tindakan daripada semua lapisan masyarakat adalah penting di dalam memerangi masalah dadah. Oleh sebab itu, telah pun dipersetujui tema Kempen Anti Dadah kita pada tahun ini ialah 'Bersepadu Memerangi Dadah'.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gesaan Yang Berhormat bagi Rasah dan Yang Berhormat bagi Sipitang supaya kerajaan mengambil tindakan tegas ke atas semua majikan yang mendera dan mencederakan pembantu-pembantu rumah warga asing. Kerajaan sememangnya sentiasa memberi perhatian ke atas perkara tersebut. Hal ini telah nyata apabila beberapa orang daripada mereka baru-baru ini telah didakwa di mahkamah atas kes penderaan.

Dalam hubungan ini, kerajaan akan sentiasa memastikan sebarang pelanggaran undang-undang oleh majikan ke atas pembantu-pembantu rumah dan diambil tindakan sewajarnya bagi menjamin penguatkuasaan undang-undang demi menjaga imej negara kita.

Yang Berhormat bagi Sipitang juga meminta kerajaan menyatakan bilangan pekerja asing yang masih bekerja dalam negara ini mengikut negara asal dan sektor pekerjaan mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pekerja asing yang sah pada 1 Januari 2000 ialah seramai 697,219 orang dan bilangan mereka mengikut negara-negara asal di sektor pekerjaan adalah seperti berikut:-

Negara	Bil. (orang)
Indonesia	- 512,766
Bangladesh	- 129,004
Filipina	- 30,510
Thailand	- 2,885
Pakistan	- 3,280
Lain-lain	- 18,774
Jumlah	<u>697,219</u>

Kita lihat dari pekerjaan mereka mengikut sektor masing-masing:

Sektor Pekerjaan	Bil. (orang)
Pembantu rumah	- 155,004
Perkilangan	- 211,694
Perladangan	- 200,946
Pembinaan	- 74,499

Perkhidmatan	-	49,623
Lain-lain	-	3,453
Jumlah		<u>697,219</u>

Selanjutnya jumlah pendatang tanpa izin (PTI) yang telah dihantar pulang ialah seramai 41,908 orang pada tahun 1997

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya ingat dia bangun sahaja, nak buat apa?

[Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memang menjadi satu keperluan kepada perindustrian kita di sesetengah sektor memerlukan pekerja-pekerja asing dari Indonesia, dari Bangladesh. Saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri disesetengah tempat berlaku sedikit kegelisahan penduduk tempatan dan ini saya mohon penjelasan, apakah kementerian sedar atau tidak dan kalau sedar apakah tindakan yang boleh diambil bagi mencegah satu unsur yang bercanggah dengan agama dan budaya tempatan khususnya orang Melayu. Setengah-setengah pekerja wanita daripada Indonesia menggunakan peluang mereka bekerja di negara ini di waktu lapang petang dan malam umpamanya, ada seolah-olah sindiket yang membuat kerja-kerja yang tidak begitu baik, yang tidak bermoral.

Beberapa kereta datang ke kawasan-kawasan kilang mengambil mereka keluar, wallahu'alam, apa tujuannya. Tetapi yang diambil pekerja perempuan, yang datang kereta-kereta lelaki, jauh malam dipulangkan. Di Tongkang Pecah di kawasan saya umpamanya berlaku perkara-perkara seperti ini dan menimbulkan kemarahan orang-orang tempatan.

Jadi, diadakan kepada tauke ataupun tuan punya kilang, tuan punya kilang akan lepas tangan bahawa itu bukan tanggungjawab mereka. Jadi, hendak diambil tindakan perkara-perkara seperti ini agak menyukarkan orang tempatan. Jadi, ini menimbulkan kegelisahan. Jadi, saya mohon penjelasan Yang Berhormat, apakah perkara seperti ini disedari dan kalau disedari apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk menjaga ketenteraman masyarakat yang gelisah atas perkara ini dan untuk bersama-sama supaya

peluang bekerja di negara ini tidak diambil oleh mereka untuk melakukan kerja-kerja yang di luar dari tujuan asal mereka dipanggil datang ke negara kita. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading. Soalan ini melibatkan moral sebenarnya yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dan saya yakin perkara yang dibangkitkan ini banyak melibatkan kaum wanita dan kalau kaum wanita ianya bukanlah hanya kepada pendatang-pendatang, pekerja asing dari Indonesia sahaja. Banyak operasi yang telah kita jalankan di bawah kementerian ini sama ada pihak Imigresen, pihak polis apabila kita menyerbu di tempat-tempat yang tertentu, kita dapat menangkap banyak pendatang-pendatang, pelawat-pelawat, pekerja-pekerja daripada kilang-kilang, daripada mana-mana tempat. Gerak laku mereka yang bukan sahaja membimbangkan, yang menjolok mata, yang agak lebih kepada kehidupan sosial yang membimbangkan moral rakyat negara ini.

Kejadian-kejadian ini hanya dapat kita kesan di tempat-tempat yang tertentu seperti di night club, karaoke dan sebagainya, tetapi kejadian ini kita tidak dapat kesan seperti di kampung-kampung ataupun di tempat-tempat riadah yang lain kerana operasi di tempat-tempat begini ataupun laporan-laporan tentang salah laku pendatang-pendatang asing ke negara kita ini tidak diberitahu kepada pihak Imigresen ataupun pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil kesempatan ini, saya sangat suka perkara ini yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya juga meminta Ahli-ahli Yang Berhormat serta ahli-ahli politik, ahli pemimpin masyarakat di tempat lain, supaya memberi kerjasama kepada kita untuk memaklumkan apakah salah laku ini dijalankan dan di mana tempatnya dan kita boleh maklumkan kepada pihak polis dan kita maklumkan kepada Jawatankuasa Kemajuan Kampung ataupun pihak pencegah maksiat untuk melihat ataupun mengatasi bahkan menangkap mereka yang terlibat dalam salah laku moral ini.

Di samping itu saya yakin juga kalau kita ada tidak mungkin salah laku moral ini diadakan di hadapan kita, maka ini yang menjadi masalah kepada kita yang berhadapan dan masalah yang dihadapi oleh kerajaan. Ayoh! Kita bersama untuk melihat dan kita memberi bantuan bersama-sama nasihat kepada mereka yang terlibat supaya negara kita ini dapat kita lihat dalam hidup yang lebih sempurna dan lebih bermoral.

Tuan Yang di-Pertua, berbangkit kepada persoalan yang telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang tadi, jumlah pendatang tanpa izin yang telah dihantar pulang seramai 41,908 orang pada tahun 1997, 72,481 orang pada tahun 1998 dan 67,192 pada tahun 1999.

Sebagaimana saranan Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang kerajaan memang bertindak tegas dan sentiasa meningkatkan penguasaan bagi membendung kemunculan kampung-kampung pendatang asing tanpa izin ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa meroboh rumah-rumah terletak di bawah kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan RELA sentiasa memberi kerjasama dalam membantu kementerian dan pihak berkuasa tempatan melaksanakan penguatkuasaan dengan menangkap pendatang tanpa izin serta mendakwa dan menghantar mereka pulang.

Berhubung dengan agensi-agensi kerajaan yang menyeleweng dan melanggar peraturan yang ditetapkan terutamanya agensi-agensi yang bergerak tanpa lesen, jika dapat dikesan, tindakan sememangnya diambil terhadap mereka yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara ugutan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh, sukalah saya menyatakan kementerian ini telah dimaklumkan bahawa kes tersebut dalam siasatan polis.

Yang Berhormat bagi Tanjong Aru menyatakan kebimbangan beliau mengenai
....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Kementerian Dalam Negeri bercadang untuk meminda Penal Code 509 yang berkenaan dengan *words and gesture that insult assault the modesty of a woman*, yang mana memerlukan order to investigate daripada DPP. Saya telah bercadang dalam ucapan saya bahawa ini telah mendatangkan memberi alasan kepada setengah pegawai polis untuk tidak menjalankan siasatan terhadap aduan mengenai gangguan seksual. Jadi, adalah cadangan saya bahawa Penal Code 509 itu perlulah dipinda supaya order to investigate tidak diperlukan bagi pegawai polis apabila mereka menerima aduan kes seperti saya itu, mereka boleh terus menjalankan siasatan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, rancangan untuk meminda Penal Code ini satu rancangan yang baru dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri. Saya suka memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dan mencadangkan apakah bentuk cadangan yang Ahli Yang Berhormat inginkan. Tetapi untuk memberi suatu kuasa secara mendadak ataupun secara terus kepada pegawai polis yang berkenaan adalah satu tindakan yang perlu kita lihat supaya ianya tidak menjadi satu, dengan izin, back fire kepada pegawai ataupun pegawai polis yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerana berhubung dengan kaum wanita ini, kadang-kadang bertanya ataupun bercakap lama menjadi satu sindiran kepada umum, oleh sebab itu kita terpaksa berhati-hati untuk mengambil tindakan ataupun menyiasat terhadap apa-apa saranan yang diberikan kepada kita terhadap wanita ataupun daripada wanita. Saya sangat berterima kasih atas pandangan Ahli Yang Berhormat demi memelihara kesucian dan keharmonian hidup kaum wanita dalam negara ini, saya harap kepekaan ini akan berterusan di dalam kalangan parti Ahli Yang Berhormat sendiri.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Aru menyatakan kebimbangan beliau mengenai bertambahnya bilangan PATI di Sabah yang menjadi penyebab kepada peningkatan jenayah dan masalah sosial di Sabah. Beliau mencadangkan supaya kerajaan menambah bilangan anggota polis agar gerakan rondaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Berhubung perkara tersebut, kekuatan anggota PDRM pada masa ini adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, kerajaan akan mengkaji dari masa ke semasa keperluannya bagi menjamin keamanan dan keselamatan negara.

Mengenai pemilikan kad pengenalan palsu di kalangan pendatang asing di Sabah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Aru, kerajaan memang menyedari masalah tersebut, kerajaan sememangnya berusaha menyelesaikan masalah kegiatan negatif yang diwujudkan oleh pekerja asing dan pendatang tanpa izin. Oleh itu, pembentukan Suruhanjaya Siasatan Diraja adalah difikirkan tidak mendesak untuk ditubuhkan pada masa ini.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat bagi Lanang supaya kerajaan melipatganda rondaan di kawasan perairan negeri bagi mencegah aktiviti nelayan-nelayan asing memasuki perairan negara bagi tujuan menangkap ikan dan mengganggu

punca rezeki nelayan tempatan, pihak polis marin kita sentiasa mengadakan kawalan dan pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti kapal asing yang memasuki perairan negara kita. Jika terdapat maklumat mengenai kegiatan-kegiatan yang mencurigakan, pemeriksaan rapi akan dijalankan.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Nibong Tebal, kerajaan sangat prihatin dan sedar terhadap gejala penggunaan pil ecstasy yang telah menular di kalangan remaja. Adalah tidak benar anggapan Ahli Yang Berhormat bagi Nibong Tebal bahawa kerajaan tidak berkesan di dalam mengawal penyalahgunaan pil ini. Untuk makluman Ahlahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, kerajaan telah bertindak untuk mengawal pil-pil ecstasy dengan mengambil tindakan-tindakan yang tertentu. Hasilnya adalah seperti berikut. Tangkapan yang melibatkan pil ini di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952;

- (i) Seksyen 39B –
 - tahun 1997 – 43;
 - tahun 1998 – 50; dan
 - tahun 1999 – 41, jumlahnya 134.
- (ii) Seksyen 39A(2);
 - tahun 1997 – tiada;
 - tahun 1998 – tiada; dan
 - tahun 1999 – 11, jumlahnya 11.
- (iii) Seksyen 39(1);
 - tahun 1997 – tiada;
 - tahun 1998 – 1; dan
 - tahun 1999 – 41, jumlahnya 42 kes.
- (iv) Lain-lain seksyen;
 - tahun 1997 – 23;
 - tahun 1998 – 34;
 - tahun 1999 – 219, jumlahnya – 276 kes.

Jumlah keseluruhannya ialah 463 kes.

Tangkapan yang melibatkan pil ecstasy di bawah Akta Dadah Merbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985:

<u>Tahun</u>	<u>Tangkapan (orang)</u>
1997	10
1998	10
1999	11
Jumlah	<u>31</u>

Rampasan pil-pil ini:

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah</u>
1997	38,389
1998	7,191
1999	46,920
Jumlah	<u>92,500</u>

Di samping tindakan di atas, kerajaan juga telah dan sedang mengambil tindakan lanjut seperti berikut:

- mengadakan penguatkuasaan melalui pemeriksaan yang rapi ke atas orang tertentu di semua pintu masuk khususnya di Lapangan Terbang Antarabangsa;
- berhubung rapat dengan negara-negara jiran untuk menyekat kemasukan pil-pil khayal;
- meningkatkan pemeriksaan ke atas pusat-pusat hiburan dengan tujuan mengawal tindakan pihak-pihak yang mengedar pil-pil ecstasy di kelab-kelab malam, karaoke dan disko kepada belia dan pengunjung di tempat-tempat yang berkenaan.

Tuan Chang See Ten: Minta penjelasan, maaf. Memang pihak penguatkuasa polis ada mengambil tindakan terhadap kelab-kelab malam dan lain-lain yang mana ada kes-kes penyalahgunaan pil ecstasy. Tetapi nampaknya kesan tidak begitu membanggakan kerana masih banyak masalah yang ditimbulkan.

Lagi satu perkara di mana Wakil Rakyat sentiasa dapat aduan daripada orang ramai yang mana kelab malam, pub, kelab karaoke, mereka berniaga dari lewat malam hingga pagi. Dan ini sudah mendatangkan gangguan bising kerana bunyi di kawasan

kelab-kelab ini sangat kuat hingga penduduk yang berhampiran dengan kelab-kelab ini tidak dapat tidur dan mereka telah mengalami penyakit insomnia, dengan izin, iaitu tidak dapat tidur dan ini sudah mendatangkan banyak masalah. Mereka harap pihak penguatkuasa seperti saya di Johor Bahru sentiasa dapat aduan tentang kes ini. Saya harap pihak penguatkuasa daripada polis dan jabatan yang lain dapat bekerjasama untuk menangani masalah ini supaya pelesen kelab-kelab ini ikuti dengan had masa yang mereka boleh berniaga. Apa tindakan yang lebih berkesan pihak Kementerian Dalam Negeri akan buat tentang kes ini. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, soalan bising dan tidak boleh tidur ini, tidak berapa banyak kuasa dalam Kementerian Dalam Negeri ini kerana kalau kita hendak tengok orang tidak boleh tidur ini, bukan kerana bising sahaja, kadangkadangkang hutang banyak pun tidak tidur boleh tidur juga. *[Ketawa]* Kalah pilihan raya pun tidak boleh tidur juga. Menang majoriti sikit dalam pilihan raya pun tidak boleh tidur juga, Tuan Yang di-Pertua.

Masalah tidak boleh tidur dengan bising ini kalau hendak dikaitkan dengan kelab malam di kawasan Yang Berhormat sebutkan tadi juga tidak ada dalam kuasa Kementerian Dalam Negeri. Memberi lesen-lesen kepada kelab malam ini ialah melalui Kerajaan Tempatan ataupun Majlis Perbandaran. Elok kita nasihatkan kepada penduduk-penduduk di kawasan kelab malam yang bising - biasanya kelab malam tidak bising. Kalau kelab malam yang bising ini saya minta supaya penduduk-penduduk tempatan berunding dengan pihak berkuasa tempatan untuk meminta kerjasama daripada penganjur-penganjur kelab malam ini supaya mereka mententeramkan - kita kata, pelanggan-pelanggan mereka ini. Kalau rundingan dan permuafakatan ini tidak boleh diatasi, saya percaya bahawa penguasa tempatan boleh mengambil tindakan kerana penganjur tidak bertanggungjawab dan mengganggu jiran-jiran. Ini satu tindakan yang boleh diambil oleh pihak penguasa tempatan.

Saya tidak berhajat, Tuan Yang di-Pertua, untuk dengan izin, *encroached* kuasa-kuasa yang ada dalam kerajaan tempatan tetapi ini adalah nasihat daripada kita. Tetapi sekiranya berlaku, sekiranya berlaku kekacauan, pergaduhan, pertengkaran, ini kita boleh minta kerjasama daripada pihak pegawai-pegawai keselamatan kita, polis di kawasan yang berkenaan.

Tuan Chang See Ten: Hendak minta penjelasan lagi. Memang penduduk ada buat aduan kepada pihak berkuasa tempatan dan pejabat daerah yang mengeluarkan lesen hiburan tetapi tidak mendatangkan kesan yang baik. Oleh yang demikian, kita perlu pihak polis ambil tindakan kerana kita anggap pihak polis yang mana mereka adalah lebih takut kepada pihak polis, bukan kepada pihak berkuasa tempatan yang cuma keluarkan lesen premis dan mereka memberikan lesen tentang kesesuaian tempat dari segi kesihatan sahaja dan tentang had masa adalah dalam kuasa pejabat daerah. Tetapi pegawai yang menguatkuasakan undang ini daripada Akta Hiburan adalah pihak pejabat daerah bergantung kepada pihak polis untuk menolong mereka dalam hal ini. Ini yang masalah. Bila kita dapat aduan ini, atau aduan dari orang-orang kepada pihak yang berkenaan, semua tolak kerja ini. Ini sudah jadi satu rungutan dari orang ramai, mana jabatan yang mereka boleh mengadu tentang gangguan bising ini? Gangguan bising ini bukan masalahnya sendiri kerana kelakuan orang lain, kerana sangat kuat bunyi bising dalam kelab-kelab itu dan berniaga sampai pagi. Ini yang masalah. Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, eloklah kalau Yang Berhormat dapat maklumkan kepada kita kelab malam mana yang terlalu bising. Tetapi saya tidak berhajat untuk hendak menggunakan tenaga pasukan polis kita bagi menakutkan rakyat. Saya lebih suka rakyat menghormati polis kerana polis menjaga keselamatan. Kalau rakyat melihat polis sebagai satu yang akan mengancam keselamatan ataupun ketenangan mereka, ini satu keadaan perhubungan sosial yang tidak baik. Kalau mereka tidak hormat kepada penguasa tempatan, elok Yang Berhormat cadangkan kepada penguasa tempatan ini tutup sahaja kelab malam itu. Tidak ada orang lagi hendak bising di situ.

Menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena, Yang Berhormat bagi Machang, Yang Berhormat bagi Tumpat. Sukalah saya menjelaskan, iaitu pemberian permit penerbitan kepada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) bagi menerbitkan *Harakah* bertujuan untuk membolehkan PAS menyalurkan maklumat-maklumat penting kepada ahli-ahli partinya mengenai aktiviti yang dianjurkan oleh pertubuhan parti berkenaan. Tetapi PAS telah menyalahgunakan penerbitan tersebut ataupun penerbit telah menyalahgunakan penerbitan tersebut dengan memuatkan

rancangan gambar yang berunsur negatif di akhbar berkenaan sehingga akhbar tersebut telah lari jauh dari konsep asalnya.

Sejak tahun 1999 sehingga sekarang, Kementerian Dalam Negeri telah pun menghantar 14 pucuk surat berbentuk nasihat, teguran dan amaran kepada penerbit ataupun PAS tetapi ianya tidak diendahkan.

Sehubungan perkara yang sama juga, keputusan kementerian mengehendkan penerbitan *Harakah* kepada dua minggu sekali tidak sekali-sekali berbau politik, berniat jahat ataupun satu percubaan bagi menyembunyikan fakta sebenar. Keputusan tersebut dibuat adalah berasaskan bahawa dengan kekerapan penerbitan *Harakah* dua minggu sekali telah membolehkan PAS memaklumkan kepada ahli-ahli partinya mengenai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh PAS. Di samping itu, keputusan kementerian mengehendkan penerbitan *Harakah* kepada dua minggu sekali, adalah juga berasaskan bahawa sebahagian besar akhbar lidah rasmi parti-parti politik yang lain adalah juga mempunyai kekerapan sedemikian. Bukan PAS sahaja yang dapat sebulan dua kali, yang lain pun sama. Jadi, kita telah tetapkan begini.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan ke tidak?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih sahabat saya, Timbalan Menteri. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut bahawa alasannya ialah kerana menyiarkan gambar-gambar yang negatif sedangkan sebelum ini tidak timbul gambar-gambar negatif yang saya difahamkan. Yang dipamerkan di kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pihak kerajaan ialah berkenaan dengan soal dijual di premis-premis secara terbuka. Saya difahamkan bahawa pihak *Harakah* telah berusaha untuk mematuhi syarat-syarat tersebut dengan mengeluarkan arahan-arahan kepada pengedar-pengedar supaya tidak menjual di premis secara terbuka dan dijual di markas-markas dan kini timbul pula bila permit itu diberikan semula bukan disambung permit lama tetapi diberikan permit baru, bagi saya, sebab kalau sambung permit lama bermakna bahawa mestilah kekerapannya sepertimana yang sebelum itu. Dan ini saya kira bahawa satu tindakan yang tidak sewajarnya dan alasan yang mengatakan bahawa banyak akhbar-akhbar parti-parti politik lain juga kekerapannya sebulan dua kali adalah tidak wajar digunakan untuk mengenakan syarat kepada PAS. Itu berdasarkan kepada kemampuan

parti masing-masing. Bagi saya kalau UMNO sendiri tidak mampu untuk membuat kekerapan akhbar mereka kenapa harus juga dikenakan kepada PAS.

Satu perkara lagi saya sebut di sini bahawa tindakan itu bagi saya tindakan berbau politik sebab saya menyebut bahawa kenapa tindakan kepada akhbar-akhbar lain tidak pernah diambil, umpamanya kumpulan *New Straits Times* yang menyiarkan artikel-artikel yang berbentuk berbau hasutan, menghina Islam, mencaci Islam. Dalam tulisan Nora Marzuki, dalam tulisan Kassim Ahmad dan sebagainya yang boleh memberi kekeliruan kepada masyarakat Islam. Saya tidak nampak mengatakan bahawa KDN memberikan amaran kepada *The New Straits Times*. Begitu juga majalah-majalah hiburan yang separuh bogel yang saya pernah lambakkan di pejabat Kementerian Dalam Negeri sewaktu Dato' Megat Junid suatu ketika dahulu kerana melanggar syarat-syarat kod etika yang ditentukan oleh Kementerian Dalam Negeri sehingga sekarang kita lihat bahawa tidak ada kesungguhan tindakan yang dibuat terhadap penerbitan-penerbitan tersebut. Sebab itu saya katakan bahawa tindakan terhadap *Harakah* adalah tindakan politik kerana UMNO merasai bahawa dengan adanya *Harakah* menyebabkan kemerosotan undi yang diperolehi oleh UMNO dalam pilihan raya baru-baru ini.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bagi Pokok Sena boleh buat berbagai-bagai andaian, boleh mengambil berbagai-bagai keputusan, kerajaan telah menimbangkan beberapa perkara yang tertentu. Kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa tindakan ini ialah tindakan yang berbau politik, kita juga bukan menghukum *Harakah*, kita juga memberi penentuan kepada semua, umpamanya penerbitan daripada Pemuda UMNO, daripada Guardian MCA, daripada Rokat, daripada Buletin Gerakan, Berita Maju, Suara Rakyat dan daripada Sosialis, daripada Kemajuan Idaman, Harian PAS yang saya sebutkan tadi ialah kita selaraskan pada hal daripada Gerakan setahun hanya empat kali. Tetapi oleh sebab kita hendak seratakan kita bagikan sebulan dua kali kepada *Harakah* yang telah meminta ataupun yang tidak kita berikan kebenaran pada masa yang lalu. Kalau kita hendak menganggapkan bahawa hukuman ataupun kebenaran yang diberi kepada PAS ini satu tindakan yang agak berbau politik, kita sepatutnya telah memberikan kebenaran kepada parti-parti di dalam Barisan Nasional ini lebih awal tetapi mereka juga mesti mematuhi arahan yang sama.

Bersabit dengan perkara-perkara lain Yang Berhormat katakan bahawa Kementerian Dalam Negeri tidak mengambil tindakan, sebenarnya ada kita ambil tindakan....

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak habiskan. Ya, Kota Melaka berdiri Yang Berhormat. Hendak selesaikan dahulu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Nanti, saya jawab ini dulu. Sikit sahaja. Sikit sahaja saya jawab sikit tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Tuan Kerk Kim Hock: Boleh, tidak apa. Ya, ini pentafsiran kerajaan bahawa apa yang dipamerkan dalam *Harakah* itu adalah negatif. Ini terpulang, ini pentafsiran. Kita di sebelah ini kata ini macam, kerajaan kata ini macam tetapi prinsip demokrasi ialah seperti yang dikatakan dahulu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa kerajaan begitu yakin terhadap kebijaksanaan rakyat untuk menilai apa itu intan dan apa itu kaca. Jadi apakah sebabnya tiba-tiba kerajaan sudah tidak ada keyakinan. Kita biarkan bagi rakyat buat keputusan apa yang kita katakan betul ataupun tidak.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju seperti kata Yang Berhormat bahawa kita biarkan rakyat buat penilaian. Kita melihat rakyat buat penilaian terhadap keputusan yang kita buat pada hari ini dan kita tengok empat tahun yang akan datang penilaian akan dibuat oleh rakyat. Apakah yang akan dibuat oleh rakyat kita pulangkan kepada rakyat. Kalau nasib Yang Berhormat baik, DAP baik dan nasib PAS lebih baik, terpulang kepada rakyat untuk menentukannya dan kita tidak akan membiar nasib kita menjadi buruk. Dalam Dewan ini kita berjanji kepada rakyat kita akan terus membuktikan kesungguhan kita bahawa tindakan yang kita ambil ini bukan kerana kita iri hati dan bukan kita takut kepada parti pembangkang. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Penjelasan, sedikit sahaja Yang Berhormat. Terima kasih banyak, saya seronoklah cara Yang Berhormat jawab berbanding dengan pagi ini. Ya, berkenaan dengan hujah kerajaan menyelaraskan semua dua kali sebulan.

Boleh tidak kerajaan maju ke depan sedikit, semua dua kali seminggu. UMNO dua kali seminggu, Gerakan dua kali seminggu, MIC dua kali seminggu, DAP dua kali seminggu, fasal apa kita kena backward, kenapa kita tidak boleh ke depan? Sekarang kita cakap k-society. K-society maksudnya tiada penggelapan berita. Ini yang asas. Kalau kita sudah gelap berita, hendak ada k-society macam mana dan hujah tentang *Harakah* ini berbeza-beza. Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata semua parti dalam Malaysia dua kali sebulan. Ini di bawah peruntukan undang-undang mana? Ini sahaja tradisi UMNO dua kali sebulan dijadikan undang-undang, ini tidak betul, ini tidak demokratik. Hujah Perdana Menteri ialah kerana PAS jual kepada orang ramai. Pemberita tanya dia, yang orang beli itu adakah salah? Perdana Menteri kata tidak salah, jual salah. Kalau jual salah, beli tidak salah, baik kita beri terus permit kepada *Harakah* untuk dijual kepada awam, baru kita nampak lebih demokratik. Tidak ada satu hujah yang betul-betul konkrit mengapa *Harakah* dikurangkan pengeluarannya daripada dua kali seminggu kepada dua kali sebulan melainkan kita telah menghakis sistem demokrasi kita.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Menghakis ini bermakna habis. Ini tidak habis. Bukan kita tutup terus dan memang PAS risau sekiranya *Harakah* ini ditutup terus. Sebenarnya kita tidak tutup. Maka ianya tidak terhakis. Kalau kita hendak dedahkan kepada rakyat berita-berita mengenai parti, berita-berita mengenai perkara lain yang sesuai dengan peraturan yang diberikan kepada *Harakah* sebagai media, sebagai akhbar parti, dua minggu sekalipun *Harakah* boleh mendedahkan begitu banyak. Kalau tidak cukup dua puluh muka, tiga puluh muka, empat puluh muka. Tapi dua minggu sekali kita putuskan. UMNO pun kita tidak beri dulu umpamanya sebulan dua kali. Pemuda UMNO sebulan sekali sahaja. Jadi oleh sebab kita sudah beri *Harakah* dua kali, kita bagi Pemuda UMNO pun dua kali. Jadi, serata.

Soal mampu ataupun tidak mampu, boleh atau tidak boleh rakyat membaca pun daripada Pokok Sena kata kita dedahkan kepada rakyat, saudara juga dedahkan kepada rakyat, kita dedahkan kepada rakyat. Ini keputusan yang dibuat oleh kerajaan pada hari ini dan kita dedahkan kepada rakyat keputusan yang kerajaan buat. Kerajaan Barisan Nasional buat dan kita anggap ini adalah sesuai....

Tuan Mohamad bin Sabu: Dato', saya pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Kedah ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya, tidak boleh kita ambil hujah daripada UMNO iaitu sebulan sekali atau dua bulan sekali surat khabar lain pun nak kena begitu juga. Sebab UMNO dapat berita misalnya perhimpunan agong UMNO diliputi penuh dengan surat khabar *Utusan, Berita Harian* dan sebagainya. Tetapi aktiviti kami tak ada liputan apa-apa, melainkan *Harakah*. Kalau keluar dua minggu sekali, itu bukan berita, itu hari ini dalam sejarah.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*].

Tuan Mohamad bin Sabu: Jadi apakah kita hendak biarkan rakyat dalam IT ini membaca hari ini dalam sejarah. Benda ini dan kalau dua kali dalam sebulan ini, apakah Dato' yang dahulu Ketua Penerangan 46 yang merungut masalah ini, iaitu masalah ketidakadilan dalam media. Saya ceramah dengan Dato' banyak kali [*Ketawa*] ...dalam hal ini. Jadi sekarang tolonglah rekomen supaya akhbar *Purnama* itu diberi lesen harian yang kami mohon iaitu akhbar *Purnama* pula, jadi minta Dato' bekas Ketua Penerangan 46 dahulu pembangkang sekarang kerajaan, dan mungkin tak lama lagi pembangkang pula. Jadi kita kena ada sudut keadilan itu. Minta penjelasan dekat Dato'.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ini yang cacat ini. [*Ketawa*] Kita kalau kita jadi penerangan dan PAS juga ada penerangan, adakah penerangan yang dibuat oleh PAS itu tidak cukup maka ia perlukan surat khabar dan membantu penerangan, sama ada penerangan yang dianjurkan oleh PAS itu lemah maka perlukan bantuan daripada surat khabar untuk membuatkan ini. Kita juga tidak menyekatkan penerangan-penerangan yang dibuat oleh PAS dan kita juga tidak menyekatkan penerangan-penerangan yang dibuat oleh parti lain. Dulu saya dalam 46 pun kita keluar 46 sebulan sekali sahaja. Kita tak minta kata sebulan dua tiga kali.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kerana tak dapat permit.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bukan tak dapat permit, kita dapat permit, tetapi kita tak bercelaru macam PAS ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya hendak tutuplah, dia dok soal berbalik-balik kut tu jugak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak tutup jawab kah, nak tutup beri laluan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Hendak tutup laluan. Fasal *Harakah* ini tutup dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tak bagi ya. Sila, sila.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Selain daripada soal dalam Dewan, dia soal saya di luar, saya jawab dah. Tapi dia soal juga lagi. Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak masuk dalam rekod .

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ha, eloklah tu. Sehubungan perkara yang sama juga keputusan, saya pun dah tertinggal di mana. Untuk makluman Yang Berhormat Pokok Sena Kementerian Dalam Negeri tidak pernah meluluskan penerbitan yang memuatkan gambar ataupun lukisan berunsur negatif dan lucah dijual di pasaran. Seperti kata Yang Berhormat tadi ya, sekiranya dapat penerbitan sedemikian di pasaran bererti ianya diterbit, diimport dan dijual secara haram. Kementerian Dalam Negeri sentiasa mempertingkatkan penguatkuasaan bagi membanteras penerbitan berunsur lucah daripada diterbit, dicetak diimport dan diedar di pasaran. Sejak tahun 1995 sehingga 1999 sejumlah 23,314,597 naskah penerbitan berunsur lucah telah dirampas. Rampas, bukan tak rampas, tetapi orang tak ambil kisah bila kita rampas. Dia ambil kisah kerana rampas *Harakah* sahaja. Sejumlah 197 tajuk penerbitan berkenaan telah pun dikenakan perintah larangan dan diharamkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan sekiranya terdapat

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Pokok Sena berdiri Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Mengenai majalah hiburan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh dalam jawapan saya tadi

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Pihak kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tengah serius.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dato' minta penjelasan, boleh ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Begitulah jawapan saya Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sebanyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. *[Ketawa]*. Kementerian....

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya satu sahaja, apakah akan berlaku sekiranya Yang Berhormat lain telah membuat ucapan dan pihak menteri tak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu terpulang pada menteri, Yang Berhormat duduklah.

Tuan Kerk Kim Hock: Tak saya cuma nak tanya itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah.

Tuan Kerk Kim Hock: Maksud saya, saya tahu banyak perkara telah ditimbulkan oleh pihak sini dan juga pihak kerajaan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk, duduk.

Tuan Kerk Kim Hock: Tetapi satu contoh passport, Bintulu dia ucap saya baca dalam *Hansard*, tidak ada beri jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia kata tadi, duduk, duduk. Dia kata yang lain-lain dia akan ambil tindakan.

Tuan Kerk Kim Hock: Adakah perkara ini tak seriuskah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Serius semua, kita pun masa tak cukup.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya pun nak tahu, apakah harus kita buat sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini terpulang kepada menteri sama ada dia nak menjawab atau tidak. Ada dalam peruntukan, apa-apa soalan yang dikemukakan itu terserahlah kepada kementerian yang berkenaan sama ada

dia nak menjawab ataupun tidak. Dia dah cuba, kebanyakan kita lihat kesemua menteri-menteri telah cuba menjawab semampu boleh. Jadi mana yang tak jawab ramai...

Tuan Kerk Kim Hock: Akan bagi jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang akan jawab kemudian.

Tuan Kerk Kim Hock: Nak tahu sahaja. Saya bukan mahu gaduh, saya nak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: itu penjelasan saya. Duduklah.

Tuan Kerk Kim Hock: Bagi jawapan bertulis? Adakah itu satu amalan biasa yang kita harus terima di dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak kira, sama ada dia nak bertulis, tak bertulis, itu terpulang kepada kementerian.

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau tak cukup masa kita lanjutkan sampai malam tak apa, jangan kita buat perkara yang timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebagai remeh temeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak payah, Yang Berhormat duduklah.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini Barisan yang timbulkan, tak ada jawab, saya tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu jawapan saya Yang Berhormat. Duduk, duduklah.

Tuan Kerk Kim Hock: Tak saya cuma tahu apakah akan berlaku sekiranya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: Tak mahu jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak ada siapa yang boleh jawab, tapi yang saya katakan

Tuan Kerk Kim Hock: Kita lanjutkan masa bagi dia jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sebab Yang Berhormat pun tanya kepada siapa pun tak tahu. Saya hanya memberi penjelasan.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini kerana pegawai kerajaan tak sediakan jawapan, tak boleh jawab itu fasallah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha itu hak menterilah.

Tuan Kerk Kim Hock: ...memakan gaji buta.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk, sebab ada benda yang kita kadangkala tak perlu jawab, kadangkala berjawab. Kadangkala benda itu ada yang berlapis-lapis. Ada yang jawab, ada yang belum jawab. Jadi sekarang saya jemput Kementerian Pengangkutan.

3.43 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin dan memahami tentang fungsi dan bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Kementerian ini menghargai pandangan yang telah diberikan semasa sesi perbahasan dalam Dewan yang mulia ini. Walaupun begitu ingin saya tegaskan bahawa kementerian ini akan sentiasa melaksanakan tugas sebaik mungkin supaya prestasi terus-menerus dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gelang Patah telah menunjukkan minatnya kepada masalah pengurusan pengangkutan khususnya pengangkutan di bandar-bandar dan juga mengenai cadangan beliau untuk memajukan sistem pengangkutan negara secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Gelang Patah, kerajaan sentiasa prihatin tentang masalah-masalah pengangkutan yang dihadapi oleh orang ramai terutama masalah yang berkaitan dengan kesesakan jalan raya di bandar-bandar besar seperti di bandar raya Kuala Lumpur. Bagi mengatasi masalah ini kerajaan telah menubuhkan kumpulan perancang antara agensi sektor pengangkutan untuk menangani masalah tersebut. Kumpulan kerja ini terbahagi kepada beberapa kumpulan kerja teknikal, di mana kumpulan kerja yang dikenal pasti bagi menyelesaikan masalah tersebut dikenali sebagai Kumpulan Kerja Teknikal Pengangkutan Bandar. Kumpulan kerja ini yang dipengerusikan oleh Bahagian Kemajuan Wilayah, Jabatan Perdana Menteri, dianggotai oleh kementerian dan beberapa agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pengangkutan, Polis Diraja

Malaysia, Majlis-majlis Tempatan dan Operator Pengangkutan seperti KTMB, Putra, Star. Kumpulan kerja ini telah diberi tugas untuk menyelesaikan isu-isu mengenai kecekapan sistem pengangkutan awam, pengangkutan multimodel dan pembangunan industri pengangkutan. Adalah diharapkan melalui kajian ini yang bakal dibuat kelak oleh kumpulan kerja ini akan dapat membantu kerajaan dalam mengatasi masalah pengangkutan di bandar-bandar besar selaras dengan pelaksanaan dasar, strategi, program dan projek yang akan dilaksanakan dan Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Belud telah membuat cadangan supaya diadakan penerbangan shuttle di antara Kuala Lumpur dengan Sabah dan Sarawak. Penerbangan shuttle ini tidak perlu kelas dan separuh harga. Tujuan ialah untuk menggalakkan pelancongan dan integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Penerbangan Malaysia (MAS) pada masa sekarang tidak ada cadangan untuk mengadakan penerbangan 'shuttle' di antara Kuala Lumpur dengan Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun MAS pada masa sekarang sudah pun mengadakan banyak penerbangan berjadual di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak. Misalnya MAS kini mengadakan sebanyak lebih kurang 50 penerbangan seminggu secara terus di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu dan 61 penerbangan seminggu secara terus di antara Kuala Lumpur dan Khucing. Dalam hal ini MAS sentiasa mengawal pengaliran trafik di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak dan sekiranya perlu akan menambah lagi penerbangan-penerbangan berjadual serta penerbangan-penerbangan tambahan atas sektor-sektor berkenaan.

Di samping itu ke arah menggalakkan lagi pelancongan.....

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sipitang bangun Yang Berhormat. Dia minta tunggu sekejap.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:dan integrasi, MAS telah menawarkan pelbagai tambang istimewa dan diskaun bagi perjalanan ke Sabah dan Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sibunya bangun Yang Berhormat. Mana yang hendak bagi. Bagi Sipitang. Sila.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen. Tadi Yang Berhormat mengatakan

bahawa cadangan untuk penerbangan 'shuttle' itu tidak akan dilayan, tetapi masalahnya Yang Berhormat sekarang ini berita beberapa hari yang lalu bahawa MAS pula akan menaikkan tambang di dalam negeri iaitu di antara Sabah Sarawak dan lain-lain penerbangan.

Soalnya bilangan penerbangan itu tidak menjadi masalah Yang Berhormat, tetapi yang kita inginkan ada penerbangan yang murah di antara Sabah dan Sarawak membolehkan orang daripada Semenanjung melawat saudara atau melancong ke Sabah dan Sarawak dan ramai pula orang Sabah dan Sarawak yang datang ke Semenanjung. Yang Berhormat, ramai lagi orang Sabah yang tidak pernah datang ke Semenanjung, Kuala Lumpur dan ramai pula juga orang Semenanjung tidak pernah datang ke Sabah dan Sarawak.

Jadi yang kita maksudkan di sini kalau ada 'shuttle service' tidak semestinya oleh MAS tetapi oleh agensi-agensi lain. Kalau perlu kapal terbang Caribou pun tidak apa atau Hercules asalkan ada penerbangan murah yang ala kadar boleh dimampui oleh orang awam ataupun orang biasa. Bayangkan sekarang penerbangan kita daripada Sabah dan Sarawak kelas ekonomi RM660, kalau siang biasa RM800, tidak mungkin ramai yang boleh menaiki kapal terbang ini lebih-lebih lagi bila naik lagi nanti, kita tidak tahu, sampai mungkin RM1,000 ataupun RM1,500. Jadi maksud saya adakah Yang Berhormat dapat membenarkan ada agensi lain yang boleh membuat 'shuttle service' ini. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sipitang. Ini soalan lama, memang lama. Untuk makluman Yang Berhormat penerbangan MAS pada masa sekarang tidak ada cadangan untuk mengurangkan tambang-tambang domestik tetapi tentang kenaikan tambang-tambang memang sedang dikaji. Namun demikian MAS sememangnya ada pelbagai tambang istimewa dan diskaun untuk mempromosikan pelancongan termasuk ke Sabah dan Sarawak.

Di samping itu MAS kini sedang membuat kajian ke atas kemungkinan mewujudkan tambang-tambang istimewa baru untuk menggalakkan lagi pelancongan termasuk ke Sabah dan Sarawak. Saya diberitahu bahawa MAS sedang berbincang bersama kerajaan Sarawak dan juga memang akan datang membincang dengan kerajaan

Sabah supaya kita boleh mengadakan pakej yang tambang lebih murah supaya lebih orang boleh pergi ke Sabah dan Sarawak dan datang ke sini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Labuan ada memohon supaya diadakan penerbangan tambahan dari Kota Kinabalu ke Labuan jika boleh perkhidmatan secara 'shuttle' juga sebagaimana perkhidmatan di antara Singapura dan Kuala Lumpur. Ini bagi menarik pekerja mahir untuk datang dan bekerja di Labuan yang sedang membangun dengan pesat sebagai Pusat Kewangan Pesisiran Pantai Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Penerbangan Malaysia (MAS) pada masa sekarang menyediakan perkhidmatan 20 kali B737 dan 18 kali F50 setiap minggu atas sektor Kota Kinabalu-Labuan. Jumlah penerbangan ini adalah memadai untuk menampung permintaan buat masa ini. Untuk makluman Yang Berhormat MAS sentiasa mengawasi pengaliran trafik dan sekiranya perlu akan menambah penerbangan. MAS walau bagaimanapun tiada cadangan untuk mengadakan penerbangan 'shuttle' atas sektor tersebut.

Yang Berhormat Sibü mengucapkan terima kasih kerana dua aero-bridge telah dipasang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan berdiri.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi saya ada mendengar jawapan dari Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan bahawa kerajaan sedang mengkaji sama ada tambang kapal terbang antara Peninsular dengan Sabah Sarawak boleh diturunkan tetapi hari ini dalam laporan surat khabar bahawa kerajaan juga sedang menimbang tuntutan kenaikan tambang kapal terbang di dalam negeri bukan di luar negeri, bukan international line sahaja, di dalam negeri. Jadi sama ada kerajaan akan timbang mana satu yang lebih berat, sama ada hendak mengurangkan atau hendak menambahkan tambang kapal terbang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masuk belaka dalam kajian itu.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, tambang ini naik atau turun memang kita boleh buat kajian sebab kita mesti ingat semua barang pun naik, oleh

itu kementerian akan membuat kajian yang teliti sebelum kita bagi MAS naikkan harga ataupun turunkan harga.

Yang Berhormat Sibuleng mengucapkan terima kasih kepada dua aero-bridge telah dipasang di lapangan terbang Sibuleng dan mencadangkan supaya kerajaan membesarkan lapangan terbang Sibuleng untuk membolehkan pesawat-pesawat besar seperti airbus mendarat.

Tuan Yang di-Pertua, lapangan terbang Sibuleng yang sedia ada dapat menampung operasi pesawat jenis B737 400. Pada ketika ini lapangan terbang Sibuleng berkeupayaan menampung keperluan operasi penerbangan, memandangkan kepada itu kerajaan tidak ada rancangan buat masa ini untuk membesarkan lapangan terbang Sibuleng untuk operasi pesawat airbus.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sibuleng bangkit, sila.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih. Minta penjelasan, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya merayu Rangoi, Lapangan Terbang Sibuleng perlu diperpanjangkan kerana sekarang di samping 'schedule flight', dengan izin, banyak penerbangan asing berminat 'shuttle flight' melancong ke Sibuleng, contohnya di antara Sibuleng dan Foochow City di Fookion Province, China. Saya difahamkan tanah itu tanah cukup di Lapangan Terbang Sibuleng, mungkin ongkosnya sepanjang Rangoi tidak begitu mahal iaitu saya merayu dengan ikhlas kepada Kementerian Pengangkutan menimbang balik kemungkinan perpanjangkan Rangoi.

Tambahan pula bolehkah, saya setuju dengan cadangan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang, saya fikir begini, 'flight' di antara Sabah Sarawak dan Semenanjung tambangnya kalau naik, ini untuk orang business dan biasa punya, kami tidak ada hal tetapi jangan cancel, hapuskan 'flight' contohnya di Sibuleng. Dahulu kami mempunyai dua 'flight' satu pagi, satu sore atau petang tetapi sekarang kerana kekurangan penumpang, ia dihapuskan, malamnya hanya untuk hari Jumaat dan hari minggu.

Saya fikir ini 'action' oleh MAS adalah negatiflah, positif ialah MAS perlu cari jalan promosikan contohnya wujudkan tambang istimewa untuk 'group fare', contohnya supaya boleh diskaun dengan 50%. Kalau ini saya fikir 'you can fill out the air craft than

you no need to cancel the flight' dengan izin. Ini saya haraplah kementerian akan merayu atau memberi arahan atau cadangan kepada MAS. Sekian terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, Lapangan Terbang Sibu baru dapat dua *aerobridge*, oleh itu Yang Berhormat mesti tunggu sedikitlah untuk *runaway* sebab *lanenya land* lapangan terbang pun nak minta.

Tentang tambang-tambang yang mahal, saya tadi sudah buat penjelasan bahawa MAS sedang membuat perundingan dengan Kerajaan Negeri Sarawak. So, saya harap kalau Yang Berhormat ada pandangan memang boleh merujuk kepada Kerajaan Negeri Sarawak supaya boleh berbincang dengan pihak MAS.

Yang Berhormat Kapit ada membangkit soal perkhidmatan MAS melalui *twin otter* dari Sibu ke Kapit telah diberhentikan dua tahun yang lalu kerana kekurangan penumpang. Akan tetapi mengikut kajiannya bukan kerana kekurangan penumpang cuma kerana jadual penerbangan yang kerap kali ditunda. Sehubungan dengan itu, hendak mencadangkan perkhidmatan MAS diadakan semula dan kali ini dari Kuching ke Kapit. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kapit, cadangan ini akan dikaji oleh pihak MAS dan kita akan menjawab secara bertulis.

Yang Berhormat Setiu ada membangkit soal sistem pengangkutan awam bersepadu hendaklah diwujudkan melalui perkhidmatan yang diberikan dan tambang yang dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memberikan keutamaan dalam menyediakan sistem pengangkutan awam yang cekap bagi mengurangkan kesesakan lalu-lintas. Kadar tambang yang berpatutan dan sistem pengangkutan yang tidak mencemarkan alam sekitar. Antara strategi-strategi yang telah dilaksanakan ialah:

- i. penyediaan kenderaan pengangkutan awam yang moden, yang berasaskan rel iaitu KTM komuter, monorel dan LRT;
- ii. memperbaiki kemudahan *pedestrian*;
- iii. penyediaan bas perantara untuk menyokong sistem pengangkutan berasaskan rel;
- iv. penggabungan syarikat-syarikat bas;
- v. kerajaan bercadang untuk memperkenalkan Sistem Tiket Bersepadu (Integrated Ticketing System) bagi semua syarikat bas

dan rel bagi memudahkan orang awam menggunakan pengangkutan awam;

- vi. memperbaiki keadaan jalan raya dengan menyediakan rangkaian jalan raya yang lebih baik; dan
- vii. membaiki sistem bas dan teksi.

Yang Berhormat pun ada membangkit soal kemudahan awam terutama tandas awam hendaklah disediakan dan dinaiktarafkan di semua stesen bas, LRT dan KTM.

Tuan Yang di-Pertua, suka dimaklumkan bahawa syarikat-syarikat LRT, syarikat pengendalian bas dan KTMB ada menyediakan kemudahan tandas untuk orang awam di semua stesen. Bagi menaikkan taraf tandas, syarikat LRT-PUTRA telah menyediakan tandas untuk orang-orang kurang upaya.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat ada membangkit soal kemalangan maut telah menunjukkan peningkatan. Satu program yang lebih berterusan hendaklah dirancang dan dikaji pelaksanaan oleh JPJ untuk mengatasi masalah kemalangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan melalui Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia telah merancang dan menjalankan beberapa program bersepadu untuk menangani isu kemalangan jalan raya yang dikenali sebagai pendekatan 3P iaitu pendidikan, penguatkuasaan dan 'kejuruteraan'.

Hasil daripada usaha yang diambil, bilangan kematian berdasarkan 10,000 kenderaan yang didaftarkan iaitu penunjuk yang biasa digunakan di peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa angka kematian telah menurun daripada 8.4 kematian setiap 10,000 kenderaan yang didaftarkan pada tahun 1996.....

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: kepada 5.8 kematian setiap

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Padang Terap berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:setiap 10,000 kenderaan yang didaftarkan pada tahun 1999.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Sila Yang Berhormat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Beberapa tahun dulu, kerajaan telah mewajibkan pemilik-pemilik kenderaan diseluruh negara memasang lampu belakang, lampu yang ketiga di bawah cermin dan sekiranya pihak pemilik kenderaan engkar berbuat demikian, mereka akan didenda atas alasan untuk keselamatan. Oleh kerana itu, semua pemilik telah memasang lampu tersebut di kenderaan masing-masing walaupun sesetengahnya harga begitu tinggi.

Tetapi sekarang ini nampaknya setelah semua kenderaan memasang lampu dan syarikat-syarikat yang membekalkan lampu-lampu tersebut sudah kaya, kini penguatkuasaan tidak dijalankan lagi. Jadi, adakah undang-undang itu untuk mengkayakan syarikat-syarikat itu sahaja ataupun untuk tujuan apa. Minta penjelasan.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan daripada Yang Berhormat tidaklah patut sebab dari segi kemalangan, kementerian telah buat kajian. Untuk makluman Yang Berhormat, setelah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dan juga JPJ, kadar kematian telah turun dari setahun ke setahun. Daripada bilangan kematian kemalangan jalan raya pada tahun 1996 sebanyak 6304, pada tahun 1997 sebanyak 6302 dan angka ini terus menurun kepada 5744 kematian untuk tahun 1998 dan 5791 untuk tahun 1999.

Inilah langkah yang kita ambil dan kematian pun telah turun. Saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa sejak tahun 1996, program-program keselamatan jalan raya telah dikaji penilaian keberkesanannya oleh Unit Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Universiti Putra Malaysia. Ini bermakna program-program yang dilaksanakan adalah dirancang dan diawasi pelaksanaannya dengan rapi serta dilaksanakan dengan jayanya. Kejayaan ini dibuktikan daripada penurunan sebanyak 15% kadar kematian keseluruhan mulai tahun 1990 hingga tahun 1999 dan pengurangan 13% kadar kematian bagi penunggang dan pembonceng motosikal hasil daripada pelaksanaan program keselamatan penunggang dan pembonceng motosikal yang dilancarkan pada 17 September 1997 hingga Disember 1999.

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat Batu Pahat ada membangkit tentang PUSPAKOM setelah diswastakan didapati tidak dipantau aktivitiinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ini ada Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan: Minta penjelasan. Ini mengenai tadi Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa kadar kematian akibat kemalangan telah turun sebanyak 15%, memberi angka-angka menunjukkan penurunan kematian. Apakah ini menunjukkan bahawa masalah kemalangan jalan raya tidak lagi serius. Jika ia memang tidak serius mengapa wujud setiap hari dalam surat khabar pengiraan berapa kemalangan jalan raya di highway, di trunk road dan mengapa masih ada tayangan di televisyen mengenai berapa jumlah kemalangan setiap hari yang berlaku.

Dan mengapakah di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyatakan kerisauannya mengenai masalah kemalangan yang amat tinggi. Angka-angka ini hanya menunjukkan kadar penurunan kematian sahaja akibat kemalangan. Ia tidak menunjukkan, pada pendapat saya ia tidak menunjukkan bahawa masalah kemalangan jalan raya ini telah berjaya diatasi. Jika benar, tidak akan ada banyak siaran di dalam rancangan televisyen, di dalam surat khabar mengenai kebimbangan masalah kemalangan ini. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat dari Batu Gajah. Saya harap Yang Berhormat buat kajianlah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perbandingan kadar kematian antara negara-negara Asia adalah seperti berikut untuk makluman Yang Berhormat. Tadi saya ada sebut Malaysia ada 5.8 dan Jepun ada 2.8, Singapore - 4.3, Thailand - 8.4, Indonesia - 9.1, China - 48, dan India - 140....

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Batu Gajah berdiri lagi Yang Berhormat.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Cukuplah, cukup, saya belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi, dia tidak bagi.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Ini jelas menunjukkan langkah yang diambil oleh Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bersama dengan pihak Majlis Keselamatan Jalan Raya dan pihak polis telah mendapat kesan yang baik.

Kalau dibandingkan dengan negara-negara di Asian atau rantau ini, Malaysia menduduki tempat kedua yang terbaik selepas Singapura.

Puan Fong Po Kuan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Batu Gajah berdiri lagi.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:tentang....belum habis...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia belum habis.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tentang perkara yang tadi yang Yang Berhormat bangkit sebab apa surat khabar menerbit bilangan kemalangan setiap hari. Untuk makluman Yang Berhormat ini adalah untuk kesedaran, untuk mengubah sikap pemandu supaya kemalangan jalan raya akan diturunkan.

Tuan Yang di-Pertua, PUSPAKOM yang mengambil alih tugas bahagian teknik dan pemeriksaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam tahun 1994 untuk menjalankan aktiviti pemeriksaan kenderaan adalah tertakluk kepada perjanjian konsensi yang ditandatangani di antara pihak swasta dengan kerajaan. Di antara syarat-syarat perjanjian itu adalah membenarkan bahagian kawal selia teknik JPJ mengawasi dan mengawas selia aktiviti PUSPAKOM bagi menentukan ianya mengikut standard peperiksaan yang ditetapkan oleh JPJ. Sejak ditubuhkan sehingga kini, sejumlah 200 pemeriksaan mengejut telah dijalankan oleh JPJ ke atas PUSPAKOM hingga kini. Ini tidak termasuk jumlah mesyuarat dan perbincangan yang diadakan oleh JPJ dari masa ke semasa berdasarkan teguran atau aduan yang diterima dari orang ramai mengenai aktiviti dan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh PUSPAKOM.

Selain daripada membuat pemantauan, JPJ juga menjalankan penentuan ke atas peralatan-peralatan yang digunakan oleh PUSPAKOM bagi menjamin ianya mengikut standard yang telah ditetapkan. Bagi mempercepat dan memperkemaskan kerja-kerja pemantauan ke atas PUSPAKOM, JPJ bercadang untuk menubuhkan unit teknik di semua pejabat JPJ negeri.

Sementara bagi isu berhubung dengan pemilik kenderaan tidak dapat melihat situasi kerja yang dijalankan oleh PUSPAKOM dan ianya juga kurang cepat memandangkan proses kerja yang dibuat oleh PUSPAKOM ini di pusat-pusat

pemeriksaan adalah terbuka kepada pemilik kenderaan di mana pemilik kenderaan dapat melihat dengan jelas pemeriksaan yang dijalankan oleh kakitangan PUSPAKOM melalui kawasan menunggu di semua pusat-pusat pemeriksaan. Dalam hal ini pemilik hanya tidak dibenarkan berada di dalam kenderaan yang terlibat dalam pemeriksaan yang dijalankan bagi memastikan keselamatan mereka serta untuk mengelakkan gejala rasuah dari berlaku. Namun demikian sekiranya pemilik kenderaan tidak berpuas hati atau mengesyaki sesuatu yang tidak kena dengan cara dan kaedah pemeriksaan yang dijalankan oleh PUSPAKOM mereka boleh memohon untuk bersama-sama semasa proses pemeriksaan dibuat.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat pun ada membangkit soal arahan-arahan lalu lintas yang dikeluarkan oleh pihak JPJ hendaklah seragam dan tidak berlainan atau bercanggah setiap kali Ketua Pengarah baru datang. Tuan Yang di-Pertua, arahan-arahan jabatan yang dikeluarkan oleh pihak JPJ dari masa ke semasa adalah untuk memastikan penguatkuasaan yang dijalankan oleh JPJ adalah teratur dan berkesan berhubung dengan arahan-arahan yang baru, yang dikeluarkan oleh JPJ setiap kali Ketua Pengarah baru mentadbir jabatan. Ianya adalah bertujuan untuk memperkemaskan lagi peraturan yang ada di samping menjadikan lebih berkesan serta menaikkan imej jabatan.

Perubahan arahan yang dibuat dari masa ke semasa ini adalah perkara biasa yang berlaku di mana-mana jabatan kerajaan sesuai dengan perubahan dasar yang ditentukan oleh kerajaan untuk dipatuhi oleh jabatan bagi memberi manfaat kepada orang ramai terutama pengguna-pengguna jalan raya.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat juga ada membangkit soal penguatkuasaan hendaklah dijalankan ke atas lori-lori sayur di Cameron Highlands kerana ada yang tidak membayar cukai jalan serta insurans.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Yang Berhormat, JPJ telah menjalankan operasi penguatkuasaan secara besar-besaran di Cameron Highlands sebanyak dua kali pada tahun lepas di mana tumpuan diberi kepada lori-lori sayur yang beroperasi tanpa memperbaharui cukai jalan dan insurans kenderaan. Dalam operasi pertama iaitu pada 23 hingga 27 Mei 1999, sejumlah 60 saman telah dikeluarkan kepada pemilik dan pemandu kenderaan kerana melakukan beberapa kesalahan. Dari jumlah ini, 15 lori kargo dan 10 lori pick-up telah ditahan atas kesalahan tidak mempunyai cukai jalan dan insurans.

Sementara dalam operasi kedua iaitu pada 26 hingga 27 Julai 1999, daripada sejumlah 39 saman yang dikeluarkan oleh JPJ, didapati lima buah lori kargo, dua buah lori kecil dan dua buah lori pick-up telah didapati tidak mempunyai cukai jalan dan insurans.

Pihak JPJ memang serius terhadap pelanggaran mana-mana peraturan lalu lintas dan tidak akan berkompromi demi kepentingan orang awam dan juga pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Justeru itu, penguatkuasaan secara berterusan akan diadakan dari masa ke semasa di kawasan ini untuk mengatasi masalah yang tersebut.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat pun ada membuat cadangan supaya penguatkuasaan JPJ diberi saguhati 2% hingga 3% dari kompaun yang dikutip.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan supaya pegawai penguatkuasaan JPJ diberi saguhati 2% hingga 3% dari kompaun yang dikutip, adalah dimaklumkan bahawa pada masa ini tidak ada peraturan kewangan yang membenarkan cadangan itu dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian bersedia untuk mempertimbangkan cadangan yang baik ini demi untuk mempertingkatkan semangat pegawai-pegawai penguatkuasa JPJ dalam melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan mereka dengan lebih cemerlang lagi.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat membangkit soal perancangan penswastan Bahagian Pendaftaran Perlesenan Kenderaan di JPJ hendaklah dikaji semula supaya tidak berlaku penyelewengan dan kerumitan ke atas rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan rancangan kerajaan untuk menswastakan aktiviti pendaftaran dan perlesenan kenderaan dari Bahagian Pendaftaran dan Perlesenan JPJ ianya adalah dikendalikan oleh Bahagian Penswastan, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Pada ketika ini urusan penswastan itu masih lagi dalam pertimbangan bahagian berkenaan di mana ianya akan memastikan segala kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam urusan penswastan aktiviti pemeriksaan JPJ tidak akan berulang dalam rancangan ini sehingga ianya boleh menimbulkan kesulitan kepada orang ramai apabila ianya dilaksanakan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan ringkas saya berhubung dengan isu-isu yang telah dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang begitu prihatin dan telah sudi meluangkan masa untuk membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kementerian Kerja Raya.

4.15 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Belanjawan 2000 di peringkat dasar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah membangkitkan masalah krisis air di Lembah Klang pada tahun 1998 serta kelemahan dalam pengurusan dan penyelarasan air. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, krisis air di Lembah Klang pada tahun 1998 adalah disebabkan musim kemarau yang berpanjangan. Beberapa penyelesaian telah diambil oleh kerajaan ketika itu seperti menyewa lori-lori tangki pengangkut air; menyediakan peralatan penapisan air kolam dan lombong; memberi bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri Selangor bertujuan membayar elaun kerja lebih masa kakitangan yang bekerja 24 jam semasa krisis air; dan melaksanakan proses hujan tiruan.

Untuk mengelakkan perkara ini dari terus berlaku di masa-masa akan datang pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah jangka panjang. Ini termasuklah pembinaan loji-loji baru dan sistem penyambungan yang baru yang sedang dilaksanakan melalui Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa II. Melalui pembinaan loji baru ini sumber air mentah yang banyak dan bersih akan dapat dibekalkan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kerajaan telah menubuhkan Majlis Sumber Air Negara pada tahun 1998 untuk menyelaraskan perancangan pembangunan dan pengurusan sumber air. Salah satu dari usaha kerajaan melalui majlis ini ialah mendapatkan khidmat jurutera perunding bagi menjalankan kajian sumber air negara dari tahun 2000 hingga 2050. Kajian tersebut telah dimulakan pada Januari 1998 dan siap sepenuhnya pada Oktober 1999. Dengan cadangan kajian tersebut kerajaan menjangka bahawa pembangunan dan pengurusan sumber air negara akan dapat dikendalikan dengan lebih terancang dan ini sekali gus dapat memastikan bekalan air negara sentiasa mencukupi sehingga tahun 2050.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah membangkitkan mengenai kesesakan-kesesakan yang berlaku di jalan-jalan raya dalam negara kita. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, memang kita tidak menafikan berlakunya kesesakan tersebut. Bagi mengatasi masalah ini di peringkat Kementerian Kerja Raya, kerajaan telah bersetuju untuk membuat kajian Pelan Induk Jalan Raya Kebangsaan. Kajian ini bertujuan untuk merangka pelan pembangunan sistem jalan raya jangka panjang yang bersistematik dan berkesan. Ia akan mengenal pasti keperluan pembangunan jalan raya bagi menampung kehendak pengguna lalu lintas pada masa hadapan sama ada dalam bentuk jalan baru atau menaik taraf jalan sedia ada.

Pelan induk jalan raya ini adalah penting bagi mewujudkan sistem pengangkutan jalan raya yang selamat, efektif, efisien, bermutu dan bersepadu bagi memenuhi kehendak pelanggan, penumpang dan barang dagang dengan cara yang terbaik. Pelan induk ini juga berguna sebagai asas dan petunjuk penting bagi pertama, menilai taraf perkhidmatan jalan, dengan izin, road level of service bagi sistem rangkaian pengangkutan jalan raya sedia ada, dan yang kedua, sebagai asas dalam penyediaan pelan-pelan perancangan pembangunan lima tahun akan datang. Ini bermakna pelaksanaan secara tidak terancang iaitu *ad hoc* akan dapat dikurangkan. Kementerian Kerja Raya yang bertanggungjawab sepenuhnya mengenai kajian ini pada ketika ini sedang mengenal pasti juruperunding yang sesuai untuk melaksanakan kajian ini.

Seperti yang dinyatakan kajian ini meliputi jalan-jalan Persekutuan. Mengenai jalan-jalan negeri dan jalan-jalan di bawah pihak berkuasa tempatan, pihak kementerian percaya usaha yang sewajarnya akan diambil oleh pihak tersebut bagi mengatasi perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Mengenai perkara lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Serdang bangkit.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Pihak kementerian telah mengumumkan akan menjalankan kajian untuk pelan induk jalan. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan pelan induk jalan ini bila akan siap dan adakah setengah jalan dikajikan sama ada akan diswastakan atau tidak?

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Cadangan untuk membuat kajian ini baru sahaja mendapat kelulusan Kabinet. Seperti yang telah saya katakan tadi ianya adalah di bawah tanggungjawab sepenuhnya Kementerian Kerja Raya. Yang sedang kita lakukan sekarang ialah kita mencari pakar-pakar yang boleh membuat kajian tersebut tetapi kajian itu adalah di bawah tanggungjawab, dengan izin, Highway Planning Unit, Kementerian Kerja Raya. Terima kasih, Yang Berhormat.

Mengenai perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah, sememangnya perkara-perkara tersebut ada dalam makluman pihak kementerian.

Yang Berhormat bagi Sipitang dan Baram telah membangkitkan mengenai Lebuhraya Pan-Borneo serta cadangan-cadangan yang berkaitan dengannya yang kerajaan sememangnya sedar dan juga prihatin. Isu Lebuhraya Pan-Borneo dan cadangan jalan terus dari Sabah ke Sarawak tanpa melalui Brunei telah beberapa kali dibincangkan dalam Dewan ini, tetapi pada masa kini projek tersebut belum boleh dilaksanakan iaitu jalan supaya tidak melalui Brunei belum boleh dilaksanakan kerana pembinaan jalan di kawasan pedalaman tersebut melibatkan kos pembinaan yang tinggi kerana bentuk muka buminya yang bergunung-ganang dan kurang berdaya maju kerana kebanyakan penduduk tinggal secara berselerak.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian dan kerajaan negeri secara berperingkat-peringkat akan membina jalan-jalan baru dan menaik taraf jalan-jalan sedia ada di kawasan pedalaman di sempadan Sarawak dan Sabah serta Brunei mengikut pembangunan semasa. Di samping itu, kita mempunyai program-program kerjasama serantau dengan Brunei melalui pembangunan Asia Timur, Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina (BIMP-EAGA) dan sewajarnya kita memajukan kawasan yang bersempadan iaitu Sarawak, Sabah dan juga Brunei. Pada masa ini, iaitu dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Kerja Raya melalui JKR Sarawak sedang melaksanakan kerja-kerja menaik taraf dan memperelokkan jalan Lutong ke sempadan Brunei, iaitu dari Lutong ke Sungai Tujuh, Jalan Limbang ke sempadan Brunei dan juga Jalan Lawas ke Temburung yang melibatkan seksyen Terusan ke Mengkalap.

Mengenai masalah kekerapan pasport dicap sehingga 16 kali, kementerian ini berpandangan perkara tersebut boleh dikurangkan dengan perbincangan di peringkat diplomatik dan imigresen di antara Malaysia dan juga Brunei.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Baram yang membangkitkan isu kawasan Baram masih....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sipitang bangun.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: tidak mempunyai jalan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sipitang bangun, sila, sila.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas penjelasan mengenai dengan pembinaan Jalan Pan-Borneo ini oleh kerana Pan-Borneo ini melalui kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya tadi menyatakan jalan ini ialah kerana apakah kementerian sedar bahawa jikalau kita melalui kawasan pedalaman Sarawak itu bahawa kampung-kampung yang kita lalui di kawasan pedalaman itu dengan sendirinya akan jadi maju dan boleh dilawati. Yang kedua, pelancongan boleh diperbanyakkan di kawasan pedalaman Sarawak kerana kawasan pedalaman ini cantik dan menarik. Yang ketiga, nilai tanah dan tempat-tempat di kawasan yang dilalui oleh jalan itu akan sendirinya naik. Jadi, walaupun kos ini tinggi apakah kementerian bersungguh-sungguh bahawa inilah agenda kita untuk membangunkan luar bandar ini?

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih, Yang Berhormat. Sememangnya semua kawasan sekiranya boleh kita mahu supaya akhirnya mereka mendapat tahap infrastruktur yang sememangnya memuaskan. Tetapi seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa kos kita terpaksa memberi keutamaan. Jadi, ini merupakan soal keutamaan dan apa pun jalan yang hendak dibuat sama ada yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ataupun Ahli-ahli yang lain semuanya adalah berasaskan kepada perbincangan dengan bukan sahaja melalui saranan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tetapi juga setelah berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah dan juga Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Baram yang membangkitkan isu kawasan Baram yang masih tidak mempunyai jalan yang mencukupi dan banyak tempat menggunakan laluan balak, kerajaan mengambil maklum mengenai perkara ini dan akan menimbang pembinaan jalan-jalan yang sesuai untuk membangunkan kawasan ini dengan mengambil kira kedudukan penempatan kampung dan kos pembinaan yang terlibat.

Kementerian ini percaya Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri telah pun mengambil maklum banyak tempat di pedalaman Sarawak seperti Baram boleh dimajukan sebagai tempat eco-tourism, dengan izin, dan jungle adventure dan kemudahan infrastruktur seperti jalan perlu diadakan.

Mengenai keperluan untuk menaik taraf jalan Beluru ke Jambatan Lapok, membina jalan baru dari Sungai Teru ke Long Lama dan pembinaan jalan baru dari Miri ke pekan Marudi serta jalan dari Jambatan Lapok ke Ulu Baram, sebahagian daripada projek ini adalah projek Rancangan Malaysia Ketujuh yang sedang dijalankan dan JKR Sarawak telah memaklumkan keperluan-keperluan tambahan tersebut untuk disambung dalam Rancangan Malaysia Kelapan nanti. Kementerian berharap kerajaan dapat meluluskan peruntukan yang lebih besar untuk membolehkan kementerian melaksanakan semua program jalan tersebut.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Setiu telah membangkitkan projek lebuhraya ke Pantai Timur. Selain daripada itu, beliau juga memohon supaya jalan-jalan bertol yang telah balik modal dibatalkan tolnya seperti Jalan Kuching. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Setiu, pembinaan lebuhraya Pantai Timur adalah dari Karak di negeri Pahang sehingga Jenering di negeri Terengganu sejauh 338 kilometer. Walau bagaimanapun, projek ini akan dilaksanakan di peringkat negeri Pahang dahulu iaitu dari Karak ke Kuantan sejauh 169 kilometer. Seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dalam Dewan yang mulia ini, apa sahaja perkara dan isu mengenai projek ini akan dirundingkan antara Yang Berhormat Menteri dengan pihak Kerajaan Negeri Terengganu.

Berhubung mengenai jalan-jalan bertol yang telah balik modal dibatalkan tolnya seperti Jalan Kuching, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan tol di Jalan

Kuching akan tamat pada 7 Januari 2003 dan kutipan tol di Jalan Pahang akan tamat pada 31 Mac 2004.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran telah membangkitkan mengenai pembinaan Jalan Nagoh ke Paitan dan Pitas dalam daerah Sugut yang akan menghubungkan daerah kecil Paitan dengan daerah kecil Beluran dan daerah kecil Pitas. Beliau juga ada meminta kementerian mengambil usaha untuk membina Jalan Sabang, Sungai sejauh 25 kilometer, Paitan ke pantai Buring sejauh 42 kilometer dan Paitan ke Tangkarasun sejauh 20 kilometer.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini projek jalan Kementerian Kerja Raya yang sedang dalam pelaksanaan di kawasan Parlimen Beluran ialah naik taraf Jalan Beluran Spur. Sementara itu, Kementerian Kerja Raya juga akan melaksanakan dua projek jalan di kawasan Parlimen Beluran di mana perancangan dan reka bentuk telah dimulakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan pelaksanaan fizikal projek ini akan disambung dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Di antara jalan-jalan yang akan dibina ialah naik taraf jalan Beluran-Spur yang berharga RM40,824,521. Naik taraf Jalan Pitas ke Kanibungan anggaran kos RM34.5 juta. Membina jalan dari Nango ke Kanibungan, iaitu jalan baru sepanjang 137 kilometer yang melibatkan jalan bertar sepanjang 14 kilometer, anggaran kos RM126 juta. Kerja di tapak dijangka mula penghujung tahun 2000.

Projek-projek jalan di atas yang dilaksanakan merupakan projek yang akan membolehkan kawasan-kawasan baru dibuka dan aktiviti ekonomi boleh berkembang pesat di sepanjang jalan-jalan tersebut. Jalan Sebang, Sungai-sungai sejauh 25 kilometer, Paitan ke Pantai Buring sejauh 42 kilometer dan Paitan ke Tangkarasun sejauh 20 kilometer adalah jalan negeri dan dimaklumkan bahawa kerajaan negeri sedang membuat rancangan untuk melaksanakan jalan-jalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bandau, sukalah saya maklumkan iaitu jalan yang menghubungi Sekolah Kebangsaan Ongkilan di daerah Bandau dengan Pekan merupakan jalan yang dirancang untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah di dalam Rancangan Malaysia Kelapan. JKR Sabah akan mengemukakan cadangan untuk meninggikan aras dan menaikkan taraf....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang bangun.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sedikit penjelasan dimohonkan daripada isu naik taraf jalan tadi sebelum pihak Yang Berhormat melanjutkan tajuk berikut. Adakah pihak JKR khususnya mengambil kira satu syarat yang standard di seluruh Malaysia dalam usaha untuk menaik taraf jalan-jalan ini dan adakah perkara ini juga telah diselaraskan ataupun tidak dengan status jalan negeri sebagaimana yang dibangkitkan kerana dalam kawasan Parlimen saya di Bachok, beberapa kali cadangan telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Kerja Raya negeri supaya jalan yang melibatkan standard yang harus dipertingkatkan tarafnya tidak diambil kira oleh pihak Jabatan Kerja Raya, memandangkan jalan itu telah pun dianggap cukup syarat untuk dinaikkan taraf. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, jalan-jalan dalam negara kita terbahagi kepada 3 kategori, jalan persekutuan, jalan negeri dan juga jalan di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan. Dalam usaha untuk menentukan sesebuah jalan khususnya jalan negeri diambil alih tanggungjawab untuk menjaga dan meningkatkan taraf biasanya permohonan dikemukakan supaya jalan tersebut dibawa di dalam kategori sebagai jalan persekutuan. Tetapi biasanya jalan-jalan tersebut walaupun mungkin boleh dinaikkan taraf tetapi tidak dipersetujui oleh kerajaan negeri kerana kita harus faham dalam Dewan yang mulia ini iaitu setiap kerajaan negeri di bawah perlembagaan mendapat peruntukan mengikut panjangnya jalan, peruntukan untuk membaiki, membina, menyelenggara jalan raya. Jadi, digunakan oleh kerajaan negeri hasil tersebut sama ada untuk membaiki, membina jalan yang lain ataupun untuk menguruskan jalan tersebut. Jadi, atas sebab itulah biasanya sesebuah jalan yang di bawah tanggungjawab negeri tidak dipersetujui untuk diserahkan supaya dijadikan sebagai jalan persekutuan. Jadi, ini soal negeri, negeri yang menentukan manakala bagi persekutuan kadangkala kita tidak dapat menerima jalan itu sekiranya kita lihat kepada kemampuan, kedudukan kewangan kita. Jadi, saya berharap perkara ini dalam makluman pihak Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah yang dihadapi oleh sekolah Kebangsaan Magandai, sememangnya sekolah tersebut terletak di kawasan yang agak terpencil dan hanya boleh dihubungi oleh jalan lori balak ke jalan utama. Tidak ada jalan persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya yang dirancang untuk menghubungi sekolah tersebut ke jalan utama. Adalah dipercayai Kementerian Pendidikan telah sedia maklum mengenai masalah ini dan akan berusaha untuk menyelesaikannya dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tawau telah membangkitkan mengenai pembangunan infrastruktur di Sabah kurang memuaskan khususnya di Tawau. Antara lain beliau mencadangkan jalan-jalan yang dibina haruslah yang sesuai untuk apa pun keadaan cuaca dan jambatan yang lebih tahan. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Tawau, pada masa ini ada beberapa projek jalan persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya yang sedang dilaksanakan dan juga di dalam perancangan untuk dilaksanakan. Projek yang sedang dilaksanakan ialah:

- i. menaik taraf jalan Tawau-Sandakan dari kilometer 7 ke kilometer 29 yang harganya adalah sebanyak RM88,208,506 juta.
- ii. menaik taraf jalan Morotai-Kalabakan fasa I dan harga kontraknya ialah RM39,073,833.50 juta.
- iii. kerja membaiki dan menguatkan permukaan jalan dari jalan Tawau-Lahad Datu, dari jalan Aras-Persimpangan Balung.
- iv. naik taraf jalan Morotai-Kalabakan fasa II, anggaran kos RM80 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tuaran telah meminta Kementerian Kerja Raya memberi penjelasan mengapa perlunya jambatan Pulau Pinang II itu dilaksanakan berbanding dengan keperluan agar setiap kampung di kawasannya khususnya di luar bandar terutama sekali di Sabah dan Sarawak mendapat jalan raya yang sempurna. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran, jambatan Pulau Pinang yang sedia ada telah pun mencapai kapasiti maksimum iaitu 90 ribu kenderaan sehari, iaitu mengikut spesifikasi ianya dibina dahulu. Oleh yang demikian, kerajaan negeri Pulau Pinang dan kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk mencari satu alternatif segera dengan membina jambatan Pulau Pinang yang kedua. Sekiranya kerajaan menunggu lebih lama sehingga jalan di jambatan ini betul-betul sesak dan kemudian baru

memikirkan cara penyelesaian maka tentunya kerajaan dituduh tidak profesional, lembab dan juga tidak berfikiran jauh.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Parit Buntar telah membangkitkan soal pembinaan jambatan yang menghubungkan Kuala Kurau dengan Bagan Seberang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jambatan baru Kuala Kurau yang panjangnya 350 meter dianggarkan kos pembinaannya sebanyak RM20 juta. Di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM600 ribu bagi bayaran juru perunding, iaitu Hairi Consultant yang telah pun menyiapkan kajian kemungkinan teknikal dan ekonomi pada 31 Julai yang lepas. Seterusnya bagi peruntukan untuk membina jambatan ini akan dimasukkan ke dalam program pembangunan Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih pada semua Ahli Yang Berhormat yang berucap mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, kementerian saya akan memberi perhatian yang sewajarnya dan akan mengambil tindakan susulan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dijemput menjawab.

4.37 ptg.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Amar Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya juga suka ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan membangkitkan beberapa perkara di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Sesetengah daripada isu-isu yang dibangkitkan memang sudah diperjelaskan semasa sesi soal jawab, meskipun demikian, saya suka mengambil kesempatan untuk memberi penjelasan lanjut berhubung dengan perkara-perkara dasar yang tertentu sahaja.

Saya juga mengucapkan terima kasih pada saranan daripada Yang Berhormat bagi Parit Sulong yang menggesa kerajaan supaya mengutamakan soal keselamatan digital ke atas seluruh laman web yang kelak diwujudkan sebagai jentera pelaksanaan keekonomi atau e-commerce di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan keselamatan maklumat yang terdapat dalam rangkaian komputer khususnya dengan mengambil kira kejadian-kejadian hacking dan *unauthorized access*, dengan izin, yang pernah berlaku dan pernah kita baca berlaku beberapa kali di luar negara adalah merupakan satu aspek penting dalam usaha membangunkan dan menjayakan e-commerce ini. Dan kita sedar bahawa pengguna-pengguna perlu mempunyai comfort dan keyakinan untuk menggunakan network bagi tujuan perniagaan dan juga urusan-urusan yang melibatkan maklumat-maklumat yang sulit. Tindakan-tindakan yang sedang diambil ialah dengan mewujudkan five wall tertentu. Bagi hasrat ini, kerajaan juga telah memutuskan bagi pihak MIMOS menubuhkan suatu unit di MIMOS sendiri yang bertugas sebagai, dengan izin, National ICT Security and Emergency Respond sector (NISER), unit ini telah ditubuhkan pada bulan Ogos tahun yang lepas.

Dari segi perundangan kita juga ada Akta Jenayah Komputer ataupun Computer Crime Act 1997 dan juga Akta Tandatangan Digital 1997, di samping itu kementerian juga sedang dalam proses menggubal satu lagi rang undang-undang yang akan dipanggilkan Rang Undang-undang Perlindungan Daftar Peribadi ataupun Data Security Act.

Ahli Yang Berhormat bagi Kluang, membangkitkan tentang pencapaian *e-commerce* dalam negara kita dan mengharapkan pihak kementerian dan pembantu-pembantu peniaga-peniaga negara menggunakan e-commerce dalam urus niaga mereka. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kluang, pelan hala tuju strategi e-commerce Malaysia telah dibentang, dibincang dan diterima oleh jawatankuasa e-commerce di peringkat kali ketiga yang telah diadakan pada 17 Februari tahun ini. Dan ianya akan dicadang, dikemukakan untuk dipertimbangkan oleh MSC implementation counsel yang dijadual untuk bermesyuarat sebelum penghujung bulan Mac ini.

Mengenai penyebaran maklumat palsu dengan menggunakan IT seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Rasah, suka saya memberi keterangan sekali lagi kerajaan telah menjelaskan bahawa tiada sebarang tapisan bagi Internet. Polisi ini dikekalkan.

Walau bagaimanapun, undang-undang yang sedia ada memang sudah mencukupi untuk mendakwa mereka yang menyalahgunakan Internet bagi tujuan fitnah, khabar angin, menyebarkan bahan-bahan yang difikirkan jelek dan lucah.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan Ahli Yang Berhormat bagi Pendang tentang peranan MSC yang dikatakan telah beralih dari sepatutnya menjadikan industri yang membekalkan perkhidmatan yang terancang kepada hanya agenda yang memperkayakan golongan tertentu dengan kontrak berbillion ringgit adalah tidak berasas sama sekali.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tumpuan projek Koridor Raya Multimedia tidak pernah beralih dari agenda utamanya iaitu untuk menjadi pemangkin bagi menggalakkan pembangunan industri teknologi maklumat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Kepong bangun.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Biar saya habiskan sentence ini. Dan multimedia tempatan yang berdaya saing serta memainkan peranan sebagai jentera yang akan menjana pertumbuhan ekonomi negara di era ekonomi digital yang kita akan hadapi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kita di sini berharap MSC dapat dijayakan, bukan sahaja dijayakan dapat menjadi satu bidang teknologi yang ala Malaysia yang dapat memainkan peranan bukan sahaja di rantau ini, bahkan di seluruh dunia. Itu hasrat kita semua tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat manakah syarikat-syarikat besar yang dapat bertapak di MSC.

Keduanya, dengan itu penggabungan seperti itu American Online dengan Time Warna ini bermakna itu rangkaian Internet sudah pun dicantum dengan rangkaian televisyen, kable televisyen dan sebagainya. Ini menjadi satu convergence yang sangat besar, yang akan mengubah keadaan teknologi maklumat dan apakah cadangan kementerian daripada undang-undang dan juga daripada segi pengurusan untuk menghadapi perubahan dan perkembangan yang baru ini secocok dengan hasrat kita untuk mempertingkatkan teknologi maklumat.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar bahawa alaf yang akan datang ini memang banyak dipengaruhi oleh perkembangan

dari segi teknologi maklumat dan juga dari segi percantuman teknologi yang terdahulunya berasing. Oleh sebab itu, kita tidak ada negara pun yang sebenarnya mempunyai pandangan yang amat tepat sekali bagaimanakah hala tuju kita menghadapi cabaran serupa itu. Begitu juga dari negara kita ini.

Walaupun demikian, kita berharap dengan menggalakkan pembangunan teknologi maklumat dan kegunaannya bukan sahaja oleh kerana kita hendak menggunakan IT dan komputer tetapi kita merasakan kegunaan IT dan komputer ini dapat memperluaskan cara kita mendapat maklumat yang tertentu. Apa yang dikatakan dalam bahasa sekarang ke ekonomi.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tujuan kita ialah untuk membangunkan k-ekonomi dan dengan tujuan itu kita berharap rakyat kita sendiri termasuk semua golongan masyarakat akan mendedahkan diri dalam kegunaan teknologi maklumat serupa ini. Sebentar lagi.

Juga dari segi convergence itu tadi, kita memang sedar bahawa syarikat-syarikat besar di dunia pun sedang bergabung dan kita khawatir jika ini berlaku di negara kita ini, negara kita kecil dan negara kita mungkin tidak mempunyai kemampuan untuk menghadapinya. Oleh sebab itu, kita hendaklah berhati-hati di waktu kita menghadapi globalisasi ini. Kita hendak menentukan walaupun kita tidak dapat alih darinya, kita juga harus mengingatkan jangan pula kita seperti dikatakan di *recolonize*, dengan izin, through economic control. Ini sebenarnya tugas kita semua, tugas kerajaan, tugas pembangkang, tugas rakyat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Saya ingin tahu, ada dalam rancangan kerajaan tujuh aplikasi, Yang Berhormat Datuk telah jelaskan dalam sidang yang lepas. Perkembangan tujuh aplikasi itu saya hendak tahu salah satunya, adakah kerajaan telah pun mengeluarkan smart passport, apa nama ini Passport Bestari.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Passport Bestari. Ya. Apa nama ini – syarikat kalau boleh yang dapat projek ini, kalau tidak dapat hari ini pun lain kali pun tidak ada,

bertulis. Lepas itu dia punya kos keseluruhan projek ini dan perkembangannya. Sekian, terima kasih.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti apa soalan ini tadi. Mungkin yang disentuh ialah melibatkan smart card dan sebagainya. Sebenarnya apa nama – urusan untuk mewujudkan smart card ini masih juga berjalan, peringkat bagaimana pencapaiannya saya tidaklah mempunyai maklumat yang tepat dan saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Yang Berhormat mohon laluan.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Ya.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dengan merujuk kepada penjelasan yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kepong. Adakah pada pandangan Yang Berhormat Menteri langkah kerajaan menggubal, menonjol, memapar dan melaksanakan konsep MSC adalah satu langkah yang bijak dalam arus negara menghadapi globalisasi. Terima kasih.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya minta untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan kita – dari kawasan mana sekarang Tan Sri? *[Ketawa]*

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Ya, Kangar. *[Ketawa]*

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Ya, Kangar.

Beberapa Ahli: Kangar, Kangar.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Kangar, Kangar. Dahulu Arau ya.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Dahulu Arau, itulah lupa sekarang Kangar. Kerana apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kangar itu memang tepat sekali. Itulah dari beberapa sebab asas kita membangunkan MSC ini ialah untuk menyediakan negara kita dan rakyat kita dapat berpeluang ‘metahankan’ diri dalam menghadapi cabaran globalisasi yang akan datang ini...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: ...dan oleh sebab itu, saya berharap sangatlah bahawa projek ini akan diberi sokongan oleh semua lapisan rakyat negara kita ini. Projek-projek untuk membangunkan infrastruktur....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kubang Kerian bangun lagi.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Ada lagi? Okay.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya dapat tahu, adakah bermakna bagi kita untuk membangunkan masyarakat ksociety tadi termasuk dalam penggunaan IT bermakna bahawa kita mesti menumpukan perhatian dan pembangunan dalam bentuk hartanah iaitu kita tempatkan projek IT kita ini di satu kawasan yang tertentu dengan bangunan yang begitu canggih dan besar dan belanjanya mahal kerana saya tidak berapa alim dalam bahagian IT, pada fahaman saya industri IT tidak memerlukan bangunan yang besar, ia hanya memerlukan satu server yang canggih, satu laluan talian yang kuat kuasanya dan yang lebih penting daripada itu ialah 'a brain', kerana asas kepada k-ekonomi ialah brain, orang cacat sekali pun, ia boleh menghasilkan produk IT sama ada dalam bentuk multi media, soft ware dalam bentuk pengendalian e-commerce dan tidak memerlukan satu bangunan IT yang macam kita buat, kita ini macam mengutamakan pembinaan hartanah lebih daripada inti daripada IT itu sendiri.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya terima kasih atas soalan itu kerana ianya memberi peluang bagi kita memberi penjelasan sekali lagi bahawa tumpuan membangunkan IT dan MSC ini bukan tertumpu kepada pembangunan harta tanah. Bahkan kita mengambil peluang pembangunan harta tanah yang telah wujud di antara, dengan izin, Kuala Lumpur International Airport (KLIA) yang telah pun dibina di waktu itu juga lebu raya yang telah dibina untuk menyambungkan KLIA kepada Kuala Lumpur City Centre, juga pembangunan twin tower yang memang juga sudah dibangunkan. Apa yang kita buat, kita mengambil peluang infrastruktur yang sudah terbangun di tempat-tempat ini untuk memberi tumpuan menggalak pertumbuhan industri teknologi yang tinggi dalam kawasan ini. Bukan tertumpu kepada pembangunan harta tanah, ia tertumpu kepada kerajaan memberi insentif-insentif tertentu untuk menarik minat pelabur-pelabur asing atau tempatan yang bersedia untuk mendirikan modal dan sebagainya.

Walaupun demikian, sedikit sebanyak kita faham juga apakah yang mungkin menarik minat orang yang mempunyai mental yang tinggi, intellectual capacity yang tinggi, dengan izin, dan kita lihat di negara-negara yang lain mereka memerlukan iklim yang baik, mereka memerlukan landscaping yang baik, mereka tidak mahu bergerak di tempat-tempat di mana ianya tidak seronok dan tidak selesa, ini semuanya diambil kira.

Jadi, saya berharaplah bahawa jikalau Yang Berhormat menganggapkan itu tujuan MSC atau IT, ialah pembangunan harta tanah saya suka mengambil peluang untuk memahamkan Yang Berhormat semula bahawa bukan itu tujuan kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, projek-projek untuk membangunkan infrastruktur serta aplikasi perdana MSC mempunyai penyertaan dan penglibatan yang aktif dan intensif dari syarikat-syarikat tempatan termasuk syarikat-syarikat IT dan multimedia tempatan sendiri dan syarikat-syarikat ini telah dipilih berdasarkan kriteria yang ketat, yang juga memastikan bahawa mereka mempunyai kemampuan serta kebolehan yang tinggi untuk melaksanakan projek-projek tersebut. Infrastruktur yang canggih serta insentif-insentif dan kemudahan-kemudahan lain bagi menggalakkan pembangunan dan pertumbuhan industri IT dan multi media tempatan telah pun disediakan di dalam kawasan MSC dan jika dilihat juga dari segi ini, kadar sewa di tempat-tempat tersebut, juga ruang pejabat dan sebagainya adalah yang sangat berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat bagi Kota Belud yang menyentuh mengenai kelewatan pemasangan telefon ke tempat kediamannya di Kuala Lumpur yang mengambil masa sehingga hampir sepuluh hari

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Bachok bangun.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Okay.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, sebelum masuk kepada tajuk lain berhubung dengan MSC, satu perkara yang dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat bagi Jeli semalam, yang tidak disentuh oleh pihak Yang Berhormat Menteri iaitu penumpuan pelaburan dalam bidang MSC ini kita nampak tinggi pencapaiannya oleh pihak pelabur tempatan dan didapati sebagaimana disebut oleh beliau 18.2%

penglibatan modal daripada luar negara. Soalnya ialah promosi ini untuk menggalakkan pelabur datang ke medan MSC. Pada pandangan pihak yang mengkaji, prestasinya dilihat tidak berjaya di peringkat antarabangsa, itu yang pertama yang seharusnya pihak kementerian atau pihak Yang Berhormat Menteri memberi sedikit penjelasan.

Yang keduanya, satu lagi perkara yang berbangkit di peringkat rakyatnya ialah apakah Jaluran Hijau MSC ini yang sepanjang 50 km, lebar 15 km ini lebih kurang akan mencapai suatu peringkat status autoritinya sebagaimana Wilayah Persekutuan iaitu segala kedudukan kepentingan ekonomi, perdagangan dan seumpamanya akan diangkat penguasaan penuh kepada pihak Kerajaan Pusat dan tidak kepada kerajaan negeri kerana ini dibangkitkan, ditanyakan kepada saya nampak keseriusan pihak kerajaan untuk membangunkan MSC ini sebagai suatu tapak baru di sudut industri IT negara kita. Sekian, terima kasih.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya memang minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana saya kurang jelas mendengar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, mungkin sistem suara ini tidak tepat ataupun dia bercakap jauh sedikit dari itu, jadi saya tidak terang mendengar apa yang dicakap, cuma kalau tidak silap saya satu soalnya mempunyai keraguan apakah penglibatan ataupun kesanggupan syarikat-syarikat luar negara untuk melibatkan diri di MSC project, kalau tidak silap saya itu tujuan soalan yang pertama.

Sebenarnya soalan ini sudah kita jelaskan dahulu di waktu sesi ini juga dan di waktu itu Ahli Yang Berhormat sendiri juga yang membangkitkan perkara ini dan saya sudah jelaskan di waktu itu saya fikir eloklah kalau kita refer balik kepada *Hansard* tidak payahlah saya mengulangkan jawapan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Serdang.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kawasan Serdang termasuk secara langsung dalam Jaluran MSC, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, pembangunan canggih telah berlaku di Cyberjaya memberi kemudahan yang lebih canggih untuk syarikat-syarikat yang terdapat di situ, apa peranan dan apa kemudahan yang akan datang, yang akan diberi selain daripada Cyberjaya seperti Serdang-Puchong ini di mana di dalam lingkungan MSC kerana penduduk-penduduk di kawasan tersebut sentiasa bertanya, apakah kemudahan yang akan dapat melalui

kementerian di kawasan yang akan diberi kemudahan IT di kawasan-kawasan yang berhampiran di dalam lingkungan itu?

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, mana-mana bangunan di negara kita ini saya fikir dan percaya akan memberi kesan yang baik bukan sahaja di tempat yang tertentu itu tetapi juga di tempat sekitarnya, malah pun juga pada seluruh negara. Tujuan projek MSC yang kita bangunkan ini bukan semata-mata untuk membangunkan kawasan Cyberjaya, tujuan pembangunan MSC ini ialah seperti kita selalu terangkan ialah untuk memberi persediaan kepada negara kita ini untuk dapat bersama-sama mengambil peluang dalam teknologi maklumat dan ekonomi yang baru yang berasaskan knowledge dan sebagainya, yang memerlukan rangkaian teknologi maklumat untuk menyalurkan informasi itu. Itu tujuan kita dan kita juga menggalak penglibatan syarikat-syarikat tempatan dan juga syarikat-syarikat luar negara untuk juga bersama-sama membangun kita, kita menerangkan kepada dunia bahawa MSC ini ialah suatu projek yang dengan izin, give to the world, where people can try, dan sebagainya, people can experiment, people memberi cubaan dari segi galakan kegunaan MSC dan sebagainya. Itu tujuan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, ada yang bangun.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Boleh minta izin. Soalan saya yang kedua tadi, belum dijawab dan telah dipotong oleh Ahli Yang Berhormat bagi Serdang tadi, saya cuba ulang sebab alasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri tidak jelas suara, yang keduanya ialah berhubung dengan status kawasan jaluran MSC ini, soalan yang dibangkit oleh pihak rakyatnya, apakah masa depan kawasan pembangunan MSC ini sampai satu peringkatnya akan bertaraf sebagaimana Wilayah Persekutuan, maksudnya ialah segala pengurusan kepentingan pentadbiran, kegiatan ekonomi semuanya akan diambil tanggungjawab langsung oleh pihak Kerajaan Pusat bukannya pihak kerajaan negeri. Terima kasih.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana penerangan yang dibuat. Kita mewujudkan Multimedia Development Corporation (MDC) ini sebagai suatu jentera, ditubuhkan di bawah Akta Syarikat yang diberi tanggungjawab untuk menguruskan pelaksanaan projek MSC

secara bersepadu dengan izin, *one stop agency* untuk menyenangkan pengguna-pengguna dan bakal-bakal pelabur untuk mengurus dengan pihak-pihak yang tentu mengurus. Jadi, tidak ada cadangan sekarang untuk mengubah bentuk MDC ini kepada suatu badan dan sebagainya, badan yang mentadbirkan seperti Wilayah Persekutuan dan sebagainya. Jadi, kita tidak ada rancangan dan tidak ada tujuan untuk membuat dan menukar MDC ke arah itu.

MDC ialah suatu syarikat yang semata-mata berbentuk untuk menguruskan projek ini dan dengan urusan itu yang bersepadu dan *one stop* kita berharap ianya akan memberi keyakinan yang lebih khusus kepada pelabur-pelabur dan bakal-bakal pelabur.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Okaylah, satu lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Kerajaan menggalakkan pelabur asing untuk melabur dalam projek MSC dan juga menggalakkan penggunaan IT. Tetapi kalau kita lihat software yang dijual dalam harga pasaran adalah begitu tinggi harganya. Sebenarnya kalau kita kira semua harga, kos yang kita bayar untuk software dalam komputer persendirian kita itu, ia adalah dua kali ganda daripada kos komputer yang sebenar. Jadi, adakah kerajaan mengadakan rancangan untuk berunding dengan syarikat-syarikat software yang mungkin akan melabur di MSC supaya mengurangkan harga software untuk rakyat terutamanya mungkin di sekolahkah, sebagai satu usaha untuk menggalakkan IT.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita membangunkan MSC ini ialah untuk menggalakkan pembangunan bermacam-macam teknologi yang berasaskan maklumat termasuk software development dan sebagainya. Kita berharap satu dari hasil pembangunan MSC ini ialah mewujudkan pembangunan suatu software industry yang boleh menurunkan harga software ini. Oleh sebab itu, kita menggalakkan syarikat-syarikat yang mempunyai kepakaran untuk melibatkan diri dan kita berharap bahawa syarikat tempatan sendiri, anak-anak syarikat kita, anak-anak kita sendiri yang mempunyai bakat, yang mempunyai minda yang memang kreatif ini akan melibatkan diri. Itu juga satu dari hasrat dan tujuan kita membangunkannya.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya meneruskan kerana saya tengok ramai juga rakan saya menunggu.

Bagi Ahli Yang Berhormat bagi Kota Belud, pihak Telekom telah menetapkan piawaian bagi pemasangan telefon, iaitu jika kawasan pemohon yang tersedia dengan kemudahan infrastruktur yang diperlukan maka masa yang diambil dari tempoh permohonan dibuat hingga telefon dipasang adalah ditetapkan empat hari kerja.

Bagi kes yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu, mengikut maklumat yang diberi kepada saya, permohonan itu dikemukakan pada 31 Januari 2000, 1 Februari 2000 - merupakan cuti Wilayah Persekutuan manakala 5, 6 dan 7 Februari 2000 adalah Cuti Tahun Baru Cina, oleh yang demikian, pemasangan hanya dapat dibuat pada 8 Februari 2000 dan ini masih dalam lingkungan empat hari kerja ataupun *four working days*. Walau bagaimanapun, saya minta maaf pada Ahli Yang Berhormat itu, atas segala kesulitan yang dialami oleh beliau oleh sebab masa yang diambil.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Mambong yang menyentuh mengenai penggunaan teknologi baru, *wireless in the local loop* (WILL) dengan izin, yang diperkenalkan oleh Telekom Malaysia yang akan memberikan manfaat dianggarkan kepada 120,000 pelanggan di kawasan luar bandar dengan belanja sebanyak RM318,000,000 yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembekalan telefon dengan menggunakan sistem WILL ini untuk kawasan luar bandar di Sarawak adalah dianggar dan melibatkan sejumlah 11,000 pelanggan dalam tempoh dua tahun, iaitu tahun ini dan tahun 2001.

Untuk makluman, Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datoh dan juga Hulu Langat yang membangkitkan isu berkaitan dengan program yang disiarkan oleh Astro, kerajaan akan meneruskan pemantauannya kepada semua syarikat televisyen dan sebagainya di negara ini. Semua rancangan Astro yang disiarkan adalah juga tertakluk kepada garis panduan penyiaran dan penapisan yang disediakan. Kawalan program ini dilakukan oleh Astro sendiri yang telah menggunakan pakar 100 orang pegawai Astro yang telah pun diberikan latihan yang sesuai dan kegunaan software yang canggih untuk membantu mereka untuk mendapat penapisan sebelum program itu disalur dengan izin, *delay* sikit, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun demikian, kerajaan akan mengkaji pandangan-

pandangan yang telah disuarakan dan kita berpendapat pandangan ini perlu diberi kajian yang mendalam dan teliti dan tidak boleh kita berbuat pendirian dengan tergesa-gesa.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita ialah untuk mencari jalan untuk memperluaskan pembangunan program-program tempatan. Mengikut maklumat dari pihak Astro bagi tujuan ini, Astro telah membelanjakan RM4,000,000 juta untuk membangunkan kandungan tempatan sejak mereka beroperasi pada tahun 1996. Sehubungan dengan ini, kerajaan juga akan menggunakan strategi-strategi lain untuk menggalakkan industri-industri kandungan tempatan yang dapat mempertingkatkan identiti kebangsaan dan kepelbagaian sejagat. Ini adalah bagi memastikan rancangan-rancangan tempatan akan disiarkan secara meluas di masa hadapan bukan sahaja untuk liputan di negara kita tetapi kita berharap juga untuk liputan ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, inilah penjelasan yang dapat saya beri atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tersebut, saya sedar tidak semua perkara yang dibangkitkan telah disentuh secara khusus. Namun demikian kita akan mengambil perhatian dan akan menelitinya dan sekiranya tindakan susulan perlu diambil ianya akan diambil dan terima kasih.

5.07 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri diminta menjawab.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan perbahasan ke atas perbelanjaan 2000 mengenai perkara-perkara menyentuh kementerian saya.

Izinkan saya memberi jawapan ke atas perkara-perkara dan isu-isu penting yang dibangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pendang dan Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu membangkitkan isu penurunan pelaburan. Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini, walaupun jumlah pelaburan telah menurun sebanyak 26% pada tahun 1999 berbanding dengan tahun 1998. Penurunan dalam satu tahun tidak boleh dijadikan satu pengukur untuk menunjukkan keyakinan pelabur asing

terhadap Malaysia telah menurun. Malahan, bagi tahun 1999, 64% daripada jumlah pelaburan berdasarkan permohonan yang diterima adalah datang daripada pelaburan asing. Penurunan dalam jumlah pelaburan pada tahun 1999 di antara lain disebabkan seperti berikut:

- (i) penurunan dalam kemasukan pelaburan asing ke rantau ini akibat krisis ekonomi serantau dan juga masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara pelabur utama;
- (ii) kelembapan ekonomi mengakibatkan penurunan dalam pelaburan tempatan terutamanya dalam industri-industri yang berkaitan dengan industri pembinaan dan pengangkutan; dan
- (iii) peralihan tumpuan Malaysia kepada pelaburan berkualiti khususnya pelaburan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, berteknologi tinggi dan berintensifkan maklumat.

Dengan pemulihan ekonomi, tahap pelaburan dijangka akan meningkat. Kerajaan akan terus memastikan supaya sektor perkilangan berdaya saing dengan mengambil langkah-langkah khusus termasuk memperkemarkan pakej insentif pelaburan bagi menarik pelaburan ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Marang telah menyentuh tentang pemindahan teknologi. Sukacita saya menegaskan adalah tidak benar tuduhan bahawa tidak ada pemindahan teknologi daripada pelabur-pelabur asing. Pemindahan teknologi telah menghasilkan seperti berikut. Yang pertama, penubuhan syarikat MSC bervendor yang mempunyai keupayaan mengeluarkan produk bertaraf antarabangsa. Yang kedua, pelabur-pelabur asing telah menubuhkan syarikat tempatan termasuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan reka bentuk produk yang dikendalikan oleh rakyat Malaysia. R&D tempatan ini telah menggalakkan pembangunan teknologi tinggi tempatan. Dan yang ketiga, penubuhan beberapa institusi latihan kemahiran untuk melatih pekerja-pekerja tempatan. Ini menghasilkan pulangan di mana ada rakyat Malaysia menjadi ketua-ketua eksekutif syarikat MSC yang beroperasi di Malaysia dan sebilangan yang lain yang berkebolehan diberi peluang untuk mengetuai operasi syarikat-syarikat tersebut di lain-lain negara termasuk di negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Selangau ada menyentuh tentang pendatang asing yang bekerja dalam sektor perkilangan di Malaysia. Saya ingin memaklumkan bahawa sehingga 1 Januari 2000 terdapat seramai 211,694 pekerja asing yang sah bekerja di sektor perkilangan di Malaysia. Kelulusan membawa masuk pekerja asing yang diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri dengan sokongan MITI ialah bagi industri berorientasikan eksport dan mempunyai nilai tambah yang tinggi sahaja. Pekerja asing yang bekerja di negeri ini sememangnya membawa wang ke luar negara apabila mereka balik ke negara mereka. Walau bagaimanapun, mereka juga berbelanja di dalam negara bagi menampung keperluan asas seperti makanan dan pakaian.

Oleh itu kenyataan bahawa salah satu sebab terjadinya krisis ekonomi hasil daripada pekerja asing membawa wang ke luar negara apabila mereka balik adalah kurang tepat. Rakyat tempatan bukanlah sebenarnya tidak berminat untuk bekerja tetapi mereka mempunyai banyak pilihan untuk mendapatkan bidang kerja sesuai dengan kelayakan dan cita rasa mereka. Tambahan pula Malaysia kini mempunyai kadar pengangguran kurang daripada 4% yang boleh ditakrifkan sebagai mempunyai guna tenaga penuh.

Perkara yang sama juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Selangau tentang pengambilan buruh-buruh asing. Ahli-ahli Yang Berhormat, pengambilan buruh-buruh asing dibuat berdasarkan kriteria-kriteria yang ketat dan hanya dalam sektor-sektor tertentu sahaja khususnya di mana tidak ada pekerja-pekerja tempatan. Kenyataan bahawa gaji yang diterima oleh rakyat tempatan lebih rendah berbanding daripada pendatang asing adalah tidak benar. Undang-undang buruh di Malaysia tidak membezakan di antara kadar gaji yang sepatutnya diterima oleh kedua-dua kumpulan pekerja ini. Selain daripada itu, majikan pekerja asing dikenakan membayar levi seperti di sektor perkilangan. Setiap pekerja asing perlu membayar levi sebanyak RM1,200 setahun.

Mengenai isu zoning untuk menggalakkan pemindahan teknologi dari kilang besar ke IKS dan untuk menarik pelaburan asing yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kluang, bagi memastikan pemindahan teknologi di antara syarikat-syarikat IKS dengan syarikat-syarikat besar terus berjalan dengan lancar. MITI melalui Smidec telah memperkenalkan program rantai industri bertujuan untuk menjalinkan

rantain di antara industri besar dengan industri kecil dan sederhana bagi pembekalan komponen dan peralatan yang diperlukan oleh industri besar. Melalui program ini syarikat-syarikat IKS akan diberi peluang untuk menjadi pengeluar komponen setelah syarikat ini dapat memenuhi spesifikasi dan piawaian syarikat-syarikat besar dengan harga yang kompetitif.

Mengenai cadangan mewujudkan satu kawasan khas untuk kilang-kilang asing dan syarikat IKS bertujuan untuk menarik pelaburan asing, program pembangunan infrastruktur di bawah Smidec memberi bantuan kewangan dalam bentuk geran. Ini bagi membiayai kos infrastruktur kawasan perindustrian IKS yang diberi kepada pemaju terpilih seperti MIEL dan MMPKNS. Program ini bertujuan untuk membolehkan syarikat IKS membeli, menyewa kilang-kilang dengan harga yang berpatutan di kawasan-kawasan yang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab Yang Berhormat Kluang tentang rancangan MITI memastikan pemindahan teknologi akan berterusan dan dapat membantu IKS, program pembangunan teknologi kelolaan Smidec adalah menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk geran bersamaan seperti ITAB2 dan ITAB3.

Mengenai isu bench-marking ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Serdang bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Apa yang dikatakan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana IKS itu telah memberikan galakan kepada IKS asing untuk melabur dalam negara kita. Jadi mintalah penjelasan cara mana untuk memberi bantuan kepada IKS tempatan seperti cadangan kerajaan negeri Selangor untuk mewujudkan Taman Kasut di Seri Kembangan. Sama ada pembangunan industri kecil dan sederhana akan memberi panduan dan memberi bukan sahaja dari segi kewangan dan dapat kerjasama dengan kerajaan negeri untuk berikan tanah supaya taman kasut yang terkemuka di Seri Kembangan dapat diwujudkan.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kita telah berbincang dengan kerajaan negeri Selangor baru-baru ini, dua tiga hari yang lepas. Jadi, satu keputusan akan dibuat. Jadi, tunggulah dari kerajaan Selangor.

Mengenai isu 'bench-marking' atau menanda aras, ini isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tambun, ingin saya maklumkan bahawa MITI mengenalpastikan apa keberkesanan aktiviti-aktiviti bench-marking dalam peningkatan kecemerlangan industri dan sektor awam di Malaysia.

Sebuah agensi MITI iaitu Perbadanan Produktiviti Negara telah pun menubuhkan Unit Malaysia Bench Marking Service yang beroperasi mulai 13 September 1997. Penubuhan unit ini bertujuan menggalakkan amalan bench marking di kalangan syarikat –syarikat agensi-agensi kerajaan . Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan meliputi seperti berikut. Yang pertama, kajian mengenai tanda aras dan amaran-amaran terbaik. Yang kedua, khidmat nasihat dan latihan berkenaan bench marking. Yang ketiga, projek kajian bench marking untuk sebuah syarikat atau kumpulan organisasi. Yang keempat, kawasan pembelajaran berkaitan match marking dan akhirnya pengkalan data t bench marking yang dikenali sebagai BOND, (Bench Marking On-line Network Database).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman bertanya tentang strategi kerajaan untuk menggalakkan peniaga Malaysia terutamanya bumiputera menceburi bidang komputer. Seperti komputer vendor dan menghasilkan jenama tempatan. Saya ingin maklumkan bahawa kerajaan sememangnya menggalakkan penglibatan usahawan Malaysia termasuk bumiputera dalam bidang komputer. Ini meliputi pengeluaran hardware dan software. Terdapat banyak syarikat-syarikat vendor Malaysia menjadi pembekal penting kepada kilang-kilang MSC mengeluarkan alat-alat komputer.

Sejajar dengan objektif menggalakkan pembangunan software, syarikat-syarikat yang menjalankan kerja-kerja sedemikian diberi insentif taraf perintis, Koridor Raya Multimedia (MSC) bukan sahaja tertumpu kepada penglibatan asing tetapi sebaliknya akan menggalakkan dan menghasilkan usahawan-usahawan Malaysia. Setakat ini lebih daripada 100 syarikat-syarikat MSC terdiri daripada syarikat-syarikat tempatan. Ini memberi peluang kepada syarikat-syarikat ini untuk memasarkan perkhidmatan dan pengeluaran bukan sahaja di pasaran tempatan malah di pasaran antarabangsa.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Kuala Pilah supaya kerajaan meningkatkan usaha untuk memajukan industri bunga. Ingin saya maklumkan bahawa industri

bunga merupakan satu industri yang mempunyai potensi untuk dibangunkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua. Sebagai industri yang digalakkan sebanyak 95 sijil perintis dan tujuh elaun cukai pelaburan telah diberikan kepada aktiviti-aktiviti bunga dari tahun 1997 hingga akhir 1999. Aktiviti yang diberi insentif termasuk penanaman bunga, pembungkusan dan penternakan tisu. Mengenai sistem pengedaran bunga, pihak Kementerian Pertanian dan FAMA sedang dalam peringkat akhir dalam penyediaan satu sistem pengedaran bunga mengikut spesis dan kualiti bunga.

Cadangan untuk mengadakan pasaran lindung khas untuk bunga yang dibangkitkan oleh Persatuan Bunga Cameron Highlands sedang diteliti dalam kajian semula IMP2. Dari segi pasaran bunga ke negara-negara ASEAN, Malaysia sememangnya mengeksport bunga ke negara-negara ASEAN. Pada tahun 1998 eksport bunga Malaysia ke negara-negara Asean adalah sebanyak RM8.99 juta dan meningkat untuk tahun 1999 ke RM12.2 juta. 70% daripada eksport bunga ke negara-negara ASEAN itu ialah orkid.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab Yang Berhormat bagi Kluang yang menyentuh isu pencapaian e-commerce atau perdagangan elektronik, saya ingin mengatakan bahawa ianya adalah satu perkembangan baru dan masih dalam proses evolusi. MITI perlu sentiasa mengawal dan mengkaji implikasi perdagangan elektronik ke atas ekonomi dan perdagangan antarabangnya. Perdagangan elektronik semakin penting dan akan menjadi platform utama bagi perdagangan dan perniagaan di abad yang ke-21. Jumlah dan nilai kredit transaksi perdagangan elektronik diramalkan akan bertambah dengan pesat.

Berdasarkan kepada pertumbuhan sekarang adalah dijangka bahawa perdagangan elektronik akan melibatkan transaksi trillion dollar, dengan izin, dalam beberapa tahun akan datang. Beberapa usaha telah diambil untuk menangani perkara ini diperingkat kebangsaan. Jawatankuasa Perdagangan Elektronik Kebangsaan ditubuhkan dengan tujuan untuk menetapkan arah tuju strategi dan menyelaraskan pembangunan perdagangan elektronik di negara ini. Di peringkat serantau dan antarabangsa pula Malaysia terlibat secara langsung dalam isu-isu mengenai perdagangan elektronik dengan pertubuhan-pertubuhan seperti WTO, ASEAN, APEC demi melindungi dan memajukan kepentingan negara.

Perkara yang sama telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong, yang menyentuh tentang deklarasi WTO khususnya e-commerce dan Jawatankuasa Pemandu K-Ekonomi. Setakat ini ahli-ahli WTO hanya bersetuju untuk tidak mengenakan duti kastam ke atas transmisi elektronik. Ahli-ahli juga telah bersetuju supaya WTO mengkaji isu-isu perdagangan bersabit dengan e-commerce termasuk mengadakan peraturan-peraturan. Malaysia proaktif dalam perbincangan-perbincangan pelbagai hala mengenai e-commerce untuk memastikan sebarang peraturan yang diwujudkan mengambil kira kepentingan negara. Pendekatan terperinci negara diperolehi setelah mengambil kira input berbagai pihak di Malaysia termasuk sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara WTO dan globalisasi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pendang, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, sebagai ahli WTO Malaysia menyumbang terhadap penggubalan peraturan-peraturan. Ini dibuat melalui rundingan dan berasaskan prinsip consensus. Peraturan-peraturan ini mengambil kira keperluan ahli-ahlinya khususnya negara-negara sedang membangun. Sebagai contoh, dalam perundingan bagi perdagangan dalam sektor perkhidmatan perbankan dan telekomunikasi, prinsip penting adalah liberalisasi beransur-ansur atau progress liberalisation, dengan izin, iaitu mengambil kira keupayaan dan dasar pembangunan negara-negara ahli yang berkenaan, the level of development, dengan izin.

Malaysia akan terus aktif dalam semua perbincangan dan rundingan yang berelevan bagi memastikan kepentingan negara dalam pertumbuhan ini sentiasa dipertingkatkan. Kerajaan juga terus mengikut perkembangan industri tempatan terutamanya untuk mengenal pasti industri-industri berdaya saing. Sektor-sektor diberi insentif-insentif untuk memastikan mereka lebih kompetitif. Selain daripada itu, kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa di MITI, Kementerian Kewangan dan Kementerian Luar Negeri yang dianggotai oleh ahli-ahli pakar untuk mengkaji kesan-kesan globalisasi dan cara menangani implikasinya.

Lain-lain perancangan strategi oleh MITI termasuk:

- (a) Majlis Penyelarasan Perindustrian yang mengambil kira pandangan pelbagai pihak khususnya termasuk sektor swasta

dalam menentukan strategi-strategi bagi mempertingkatkan daya saing industri-industri tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, masa sudah suntuk. Yang Berhormat boleh menyambung jawapan Yang Berhormat pada minggu depan.

Dato' Kerk Choo Ting: Bolehkah saya minta satu minit lagi, habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, boleh teruskan.

Dato' Kerk Choo Ting:

- (b) Dialog tahunan MTI yang merupakan usaha berterusan untuk mendapatkan pandangan-pandangan sektor swasta dalam usaha meningkatkan daya saing industri tempatan. Bagi syarikat IKS yang kini menjadi pembekal komponen dan peralatan di bawah program pembekalan global, mereka akan dibimbing dan dibangunkan dari segi kemahiran dan kepakaran supaya dapat menjadi pembekal komponen dan peralatan yang berdaya saing untuk pasaran global.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja. Saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 13 Mac ini.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.